

# LAPORAN PERSIDANGAN

## PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT MESYUARAT PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

---

Hari : 5 Mei 2011 (Khamis)  
Tempat : Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang.  
Jam : 9.30 Pagi.

---

#### HADIR

BiL.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I/Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
17.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
18.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
19.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
20.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
21.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong

22.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
23.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
24.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
25.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
26.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
27.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
28.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
29.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
30.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
31.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
32.	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
33.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
34.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
35.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
36.	Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
37.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
38.	Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya	Permatang Berangan
39.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad	Pulau Betong
40.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

#### **TIDAK HADIR**

1.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
2.	Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim	Penaga
3.	Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggal
4.	Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria	Sungai Acheh

#### **TURUT HADIR**

Encik Md Puat bin Romli

Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

**Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.B. Dato' Speaker.

Doa.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Y.B. Dewan bersidang semula untuk menyambung sesi perbahasan. Paya Terubong, silakan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi kesyukuran dan penghargaan atas kesempatan yang diberi untuk menyertai perbahasan di Dewan yang mulia pada pagi ini. Secara keseluruhannya daripada inti pati ucapan Tuan Yang Terutama dapat kita merumuskan bahawa Tuan Yang Terutama amat berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Ucapan Tuan Yang Terutama telah menyentuh semua aspek dan agenda pembangunan Negeri Pulau Pinang, hala tuju pembangunan dan kemajuan Negeri Pulau Pinang tidak syak lagi ucapan Tuan Yang Terutama telah menghuraikan secara komprehensif hala tuju yang akan memacu Negeri Pulau Pinang ke arah taraf antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker, perbahasan saya pada pagi ini akan menyentuh tentang kepentingannya modal insan kepada proses pencapaian Pulau Pinang sebagai Bandaraya Antarabangsa. Bulan Mei ini boleh dianggap sebagai bulan pekerja. Baru-baru saja seluruh dunia telah menyambut 1 Mei iaitu hari pekerja. Kita boleh nampak daripada berita bahawa demonstrasi telah berlaku di banyak negara oleh golongan pekerja untuk memperjuangkan hak pekerja. Di Malaysia secara amnya dan di Negeri Pulau Pinang secara khususnya, kita tidak nampak ada berlakunya demonstrasi oleh golongan pekerja tetapi kita masih perlu bekal dan prihatin terhadap isu golongan pekerja.

Untuk menuju ke taraf sebuah Bandaraya Antarabangsa kita tidak boleh melupakan sumbangan golongan pekerja dan juga mesti berusaha mewujudkan golongan pekerja yang bertaraf Antarabangsa supaya daya saing Negeri Pulau Pinang di arena dunia dapat dikekalkan malahan dipertingkatkan. Keberkesanan persembahan sebuah negara atau sebuah negeri bukan hanya bergantung pada bilangan sumber manusia yang sedia ada tetapi pada kualiti dan daya tandingan yang diperlukan oleh negara atau negeri dari masa ke semasa. Perbezaan antara dua negara atau dua negeri kebanyakannya bergantung pada tahap kualiti sumber manusia. Saya persetujui dengan cadangan Y.B. Pantai Jerejak bahawa suatu MMK khusus mengenai Hal Ehwal Sumber Manusia dapat diwujudkan di dalam EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang. MMK hal ehwal sumber manusia ini boleh mengadakan rancangan atau menggubal polisi untuk menjaga hak dan kepentingan golongan pekerja. Gaji minimum juga merupakan satu polisi yang boleh diterajui oleh Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, seperti yang disebut dalam ucapan Tuan Yang Terutama, kewujudan Sumber Manusia di Pulau Pinang di mana daya kepakaran daya tenaga dan daya usaha sama rakyat merupakan daya tarikan utama para pelabur ke Negeri Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang banyak bergantung kepada sektor perindustrian dan sumber manusia merupakan modal yang penting dalam

sektor perindustrian. Kita tidak perlu bertanding dengan negara Vietnam, Indonesia, Nepal, Pakistan dari segi gaji sebab kita bukan menjual buruh murah sebaliknya kita perlu memelihara golongan pekerja yang mempunyai kualiti untuk menarik pelabur asing ke Negeri kita. Golongan pekerja tempatan yang boleh bertutur dalam pelbagai bahasa merupakan satu *advantage* ... (dengan izin), kepada golongan pekerja tempatan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Minta laluan. Sedikit penjelasan daripada Ahli Kawasan Paya Terubong. Ini berkenaan dengan MMK Sumber Manusia. Ini adalah daripada juga Y.B. Pantai Jerejak, dia kemukakan idea-idea MMK Sumber Manusia untuk mempertingkatkan golongan buruh di Pulau Pinang. Tetapi saya mahu tanya sikit memang kita ada juga MMK Sumber Manusia Sains Teknologi dan sebagainya. Walaupun MMK Sumber Manusia yang tertentu ini satu MMK untuk Sumber Manusia tak ada lah. So, saya mahu tahu bagaimana kewujudan MMK Sumber Manusia ini, boleh membantu pekerja walhal kuasa Sumber Manusia ini terletak dalam tangan Pusat. Kita cuma boleh bagi nasihat sahaja lah. *We don't have the power.* So, boleh jelaskan bagaimana ini MMK Sumber Manusia boleh membantu kita di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):**

Terima Kasih Y.B. Kawasan Perai. Saya tidak dapat menafikan bahawa undang-undang pekerja pada masa kini adalah dikawal oleh Akta Pekerja yang perlu digubal oleh Parlimen. Cadangan MMK Sumber Manusia yang dicadangkan oleh Y.B. Pantai Jerejak dan juga saya sendiri ada satu MMK yang berperingkat Negeri. Kami berpendapat bahawa MMK seperti ini yang berperingkat negeri masih boleh memainkan peranan mungkin sebagai peranan *advisory* di peringkat negeri dan juga mengemukakan contoh faedah-faedah peningkatan produktiviti dan kualiti di dalam organisasi kepada pekerja. Dengan adanya MMK Sumber Manusia di peringkat Negeri, suara pekerja dan pandangan majikan di peringkat Negeri juga boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kedudukan kedua-dua pihak demi meningkatkan produktiviti Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lebih kurang 80% negara-negara di seluruh dunia telah mengamalkan cuti bersalin melebihi 12 minggu termasuk Singapura, India, Indonesia, Thailand dan Laos. Daripada *research* yang saya buat daripada Internet, saya juga mendapati bahawa negara-negara seperti daripada negara kedua contohnya, Brazil empat bulan cuti bersalin diberi kepada ibu dan tujuh hari kepada bapa. Begitu juga di Negara Afrika, Cameroon, tiga bulan cuti bersalin kepada ibu dan 10 hari bagi bapa. Di Indonesia, tiga bulan cuti bersalin kepada ibu dan dua hari bagi bapa dan di Sweden Negara Eropah yang maju 18 bulan kepada ibu tiga bulan bagi bapa. Di United Kingdom (UK) selama tujuh bulan bagi ibu dan India pun ada 15 hari bagi bapa. Jelas menunjukkan bahawa Malaysia masih mundur atau jauh ketinggalan jika berbanding negara-negara di Asia yang lain dan juga Afrika.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan. Boleh saya tau pada pengetahuan sebab Yang Berhormat dan sebagainya apakah justifikasi sehingga mereka memberikan cuti begitu panjang sekali. Yang kedua, pada pengetahuan Yang Berhormat berapakah jumlah hari yang sesuai untuk kita di Malaysia ini.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):**

Mengenai berapa hari yang sesuai untuk Malaysia, pandangan saya mungkin kita tidak boleh kurang daripada tiga bulan untuk ibu dan untuk bapa mungkin pun boleh bagi tak lebih satu minggu untuk bapa. Tak cukup ah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan, tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa gambaran ini seolah-olah menunjukkan Malaysia ini adalah sebuah negara yang mundur. Jadi saya kurang pasti, jadi saya nak minta penjelasan lah, apakah indeks kemunduran yang digunakan untuk mengukur sebuah negara itu mundur. Adakah hanya kerana cuti bersalin tak diperolehi secara mencukupi berbanding dengan negara lain adalah sebuah negara mundur. Jadi tolong jelaskan kepada saya dan Dewan yang mulia ini apakah sebenarnya indeks yang digunakan untuk mengukur kemunduran sebuah negara. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):**

Maksud mundur yang saya maksudkan di sini adalah daripada hak dan *benefits* yang dibagi kepada pekerja. Bukan dari segi pembangunan tetapi dari segi hak dan *benefits* yang dibagi.

Kajian Pertubuhan Buruh Antarabangsa, *International Labour Organization* (ILO) ....(dengan izin), Yang Berhormat mendapati ramai pekerja wanita menamatkan perkhidmatan selepas melahirkan anak pertama. Fenomena itu katanya kini turut melanda Malaysia. Selangor dilaporkan bukan sahaja memberi cuti bersalin 90 hari berserta cuti tambah, 90 hari bersalin bagi golongan wanita. Tambahan juga dilaporkan ingin memberi 10 hari kepada suami supaya dapat membantu menguruskan rumah tangga. Walaupun cuti bersalin ini dikawal oleh Akta Pekerja yang mesti digubal oleh Parlimen, saya berpandangan bahawa Kerajaan Negeri juga boleh memainkan peranan *advisory* dengan menggalakkan sektor swasta di negeri ini supaya dapat mengamalkan cuti bersalin 90 hari ini dan juga mungkin cuti bersalin dapat diperluaskan kepada golongan bapa mungkin selama dua atau tiga atau tujuh hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bank Dunia, (World Bank) baru-baru ini dalam laporannya, satu laporan bertajuk Malaysia *Economic Monitor*, April tahun 2011, *Brain Drain* telah melaporkan bahawa imigrasi rakyat Malaysia ke luar negara telah bertambah empat kali ganda berbanding dengan 30 tahun dahulu. Sehingga tahun 2010, terdapat 1 juta rakyat Malaysia telah berhijrah ke luar negeri. Terdapat 57% orang memilih Singapura, 15% ke Australia, 10% ke Amerika Syarikat, 6% ke United Kingdom, 4% ke Kanada dan 3% ke Brunei Darul Salam.

Dalam imigrasi ini terdapatnya 1/3 adalah *high skilled people*. Pada masa kini, saya melihat Negeri Pulau Pinang ada di dalam satu situasi yang *embarrassing*....(dengan izin). Pulau Pinang macamnya terperangkap di tengah, di mana Negeri Pulau Pinang pada masa kini, tidak boleh dikatakan capai tahap Bandaraya Antarabangsa yang maju seperti Hong Kong, Singapura tetapi Pulau Pinang pun bukan teruk atau mundur sampai tahap seperti bandar-bandar di Negara Myanmar atau Cambodia. Pulau Pinang nampaknya bagi saya nampaknya bukannya bandar raya pun bukan satu pekan kecil,...(dengan izin), Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bahasa Mandarin katanya (cakap Mandarin). Nasib baiknya rakyat Negeri Pulau Pinang, maksudnya bandar tak macam bandar, Pekan kecil tak macam Pekan Kecil.

Nasib baiknya kita rakyat Pulau Pinang ada satu Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berpandangan jauh dan mempunyai *vision* yang bertaraf antarabangsa. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang serius terhadap masalah ini, oleh itu kita boleh lihat impian Kerajaan Negeri untuk menjadikan sebagai sebuah Bandaraya Antarabangsa. Ada satu usaha tekad untuk menarik balik *high skilled people* pulang ke Negeri Pulau Pinang.

Mengikut satu laporan juga yang dikeluarkan oleh Bank Dunia, *Cities People and the Economy, a Study on Positioning Penang*. Dalam laporan tersebut dinyatakan seperti berikut:

...(dengan izin), saya menyatakan dalam Bahasa Inggeris: *Penang today is a middle-income region. As such, it has various advantages like firms with enhanced capabilities and a well-developed track record of economic success. But it also faces the disadvantages of rising labor costs and greater competition from lower-cost neighbors such as China, Vietnam and Thailand.*

Pulau Pinang mesti menerap masa depan. Masa depan Pulau Pinang adalah transformasi diri untuk menjadi sebagai bandar raya pintar dan antarabangsa. Kita hanya boleh berjaya jika kita dapat menganggap bakat insan kita dengan mengumpul kekuatan tenaga mereka, mengasah kemahiran niaga mereka dan mencungkil kepakaran insan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Saya amat bersetuju dengan pandangan Y.B. Paya Terubong, mempertingkatkan sumber manusia Pulau Pinang. Biar kita kongsikan satu laporan dalam Nanyang hari ini, mengikut satu laporan Asia Development Bank yang menjangkakan Malaysia akan menjadi salah satu Pusat Ekonomi Asia menjelang tahun 2050. Jadi Malaysia akan menjadi antara tujuh badan Ekonomi Asia termasuk China, India, Indonesia, Japan, Korea dan Thailand. Mengikut laporan itu, 2010 GDP tujuh negara tersebut adalah *1.42 trillion US Dollar*, dan ia adalah 87% GDP seluruh Asia dengan penduduk 3 billion orang. Maksudnya penduduk tujuh negara ini adalah 78% seluruh Asia. Dan pendapatan per kapita jumlah tujuh negara ini adalah *45,800 US Dollar*. Saya fikir kita harus menukar dari ekonomi sederhana berkembang kepada ekonomi pesat berkembang. Itu kita harus menunjukkan untuk negeri kita. Saya amat yakin bahawa Pulau Pinang sesuai untuk peranan pusat *international* tersebut untuk aktiviti semua aspek mahupun ekonomi, *financial*, perkapalan, perindustrian sumber manusia, pusat pengajian teknologi dan ada satu masa dahulu kita juga adalah satu *free port* dan sebagainya. Dan sebagai satu *Pearl Of The Orient*, kita pernah menjadi satu peranan *international*, saya fikir kita harus kembalikan diri ke pentas *international* ini, jadi Y.B. Paya Terubong apakah pandangan Yang Berhormat termasuklah pemasaran hala sedunia. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih rakan daripada Tanjung Bunga juga sama fikiran sama dengan saya bahawa Pulau Pinang mesti melahirkan satu transformasi me *restore* kan itu *shine of the Pearl Of The Orient*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti Singapura, Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang tanpa sumber asli kita perlu membina Modal Insan, kita melalui latihan-latihan semula dan tarikan bakat insan baru. Pulau Pinang tidak ada pilihan lain, kecuali menjadi bandar raya pintar yang berpastikan ekonomi berteknologi tinggi, nilai tambah tinggi dan padat ilmu pengetahuan. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang mesti menggubal dasar-dasar yang menggalak dan mencetuskan inovasi yang membolehkan kita bersaing menuju ke puncak.

Dalam laporan *Cities, People and Economy A Study On Positioning Penang* juga ada menyebut .....(dengan izin), Yang Berhormat Dato' Speaker, *One of Penang's*

*greatest assets is its people. In the last few decades, however, it has had problems retaining its talent. Penang's success, however, will be closely tied to its ability to grow, retains and competes in attracting talented youth.* Ini bermaksud bahawa Pulau Pinang sekiranya hendak berjaya mestilah *retain* dan *attract* sebanyak boleh *talent youth* untuk bekerja di Negeri Pulau Pinang. Dengan impian menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa yang mencapai status Bandaraya Antarabangsa yang mempunyai pendapatan tinggi. Saya percaya Negeri Pulau Pinang akan menarik lebih *talents youth* ke Pulau Pinang. Untuk menjadi sebagai Bandaraya Antarabangsa, kita mesti menjadi Pusat Perdagangan dan Perkhidmatan serantau. Sektor perkhidmatan negeri mesti dikembangkan bagi meningkatkan daya saing ekonomi negeri. Langkah-langkah menyediakan kemudahan bertaraf dunia seperti sistem pengangkutan awam yang cepat dan mesra pengguna untuk menarik lebih syarikat antarabangsa untuk beroperasi di sini. Suasana kerja dan persekitaran yang kondusif dan sokongan ICT seperti *free Wi-Fi* adalah mustahak untuk menggalakkan pengguna e-dagang iaitu *e-commerce*. Pulau Pinang mesti mengamalkan sikap *globalisation* dan *open-minded* supaya dapat diletakkan dalam senarai Bandaraya Antarabangsa, kompetitif dan inovatif di dunia. Sekiranya dapat dinilai sebagai ekonomi yang paling mesra perniagaan di Pulau Pinang mempunyai daya tarikan untuk menyambut beratus ribu *expatriate* dari luar negara yang bekerja dalam syarikat multinasional di Pulau Pinang. Selain menarik *expatriate*, yang penting ialah menarik kepulangan Penangnites balik ke Pulau Pinang.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga MPPP atas kelulusan untuk memasang 3 buah kamera CCTV di KADUN Paya Terubong. Daripada jawapan kepada soalan bertulis yang didapati kali ini, saya telah diberitahu bahawa kamera CCTV akan dipasang di KADUN Paya Terubong iaitu di Persimpangan Jalan Paya Terubong dan juga Jalan Buah Limau, Lebih Ramai. Lokasi yang kedua di Persimpangan Jalan Paya Terubong dan Jalan Oriental 6. Lokasi ketiga Persimpangan Jalan Paya Terubong dan Tingkat Paya Terubong. Saya telah membuat permohonan untuk pemasangan kamera CCTV dan beberapa kali membangkit di Dewan yang mulia ini. Saya amat bersyukur bahawa permohonan ini telah diluluskan dan kerja-kerja pemasangan akan dimulakan pada Jun tahun dan dijangkakan disiapkan dalam tempoh tiga bulan. KADUN Paya Terubong merupakan KADUN yang mempunyai paling ramai populasi penduduk di Negeri Pulau Pinang. Dengan pemasangan CCTV, kita dapat mempertingkat keselamatan di kawasan ini. Sebelum ini, saya telah melalui peruntukan Pejabat Daerah memasangkan kamera CCTV di sekolah-sekolah di KADUN Paya Terubong dan mendapat kepujian daripada ibu bapa kerana mereka merasa lebih selamat untuk menghantar anak mereka ke sekolah.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari akan peranan internet yang banyak menyumbang kepada perluasan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat. Justeru, projek-projek internet percuma atau *free WiFi* yang sedang giat dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah sebahagian daripada manifesto kerajaan di bawah Pakatan Rakyat yang mengutamakan kehendak dan kepentingan rakyat. Berhubung dengan Projek E-mel 1Malaysia yang dilancarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan akaun e-mel kepada semua warga Malaysia untuk urusan rasmi dengan kerajaan. Saya ingin menegaskan bahawa sesuatu yang penting diinginkan oleh rakyat sebenarnya bukanlah e-mel percuma, kemudahan internet percuma. Dengan pemberian ini, bagaimana rakyat ingin menggunakan e-mel percuma sekiranya perkara asas iaitu internet atau *free WiFi* tidak disediakan. Akhirnya sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri atas pencapaian sebagai jaguh pelaburan di Malaysia dan saya mempunyai *confident* Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri akan terus berjaya dan terus memimpin di Malaysia. Sekian, saya memohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Ahli Kawasan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

...(dengan izin), Dato' Speaker, saya juga berterima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan bagi turut serta dalam membahaskan di atas ucapan Tuan Yang Terutama pada tempoh hari dan saya percaya salinan teks ucapan Tuan Yang Terutama telah dibekalkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya telah meneliti teks ucapan itu yang sungguh bernalas dan begitu padat dengan nasihat-nasihat yang wajar kita turuti. Dan saya di sini ingin menarik perhatian Y.B. Dato' Speaker kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Dalam beberapa muka surat seperti berikut:-

Pertamanya seperti yang telah disarankan kita lihat Tuan Yang Terutama telah menyatakan bahawa betapa syukurnya, gembiranya Tuan Yang Terutama di mana terdapat keamanan, kesejahteraan di Pulau Pinang di mana rakyat jelata tidak kira berbilang bangsa hidup dengan aman dan damai.

Di sini sebab itu saya membangkitkan perkara-perkara yang saya risau mungkin menyebabkan keamanan ini tergugat seperti pembekalan buku Interlok dalam persoalan saya kepada Y.B. Ahli Kawasan Perai, saya telah bertanya sama ada buku ini wajar dibenarkan diletakkan dalam library ... (dengan izin) Pulau Pinang kerana kalau kita membaca buku ini di mana saya telah membacanya setelah membelinya kita lihat buku ini sebenarnya tidak wajar dijadikan teks rujukan bagi mana-mana peperiksaan kerana ia tidak memupuk perpaduan kaum. Ini ialah pendapat saya kerana ia cuba mencadangkan dengan hormatnya bahawa bangsa Cina mempunyai kekurangan sendiri, bangsa India mempunyai kekurangan sendiri dan bangsa Melayu mempunyai kekurangan sendiri umpamanya saya menarik perhatian kita lihat kalau kita baca muka surat 212 dan saya membaca di sini ... (dengan izin), dalam Bahasa Inggeris.

*"A part from the Indians there were also Chinese laborers, they became competitors, Maniam was aware they had not been for the Indian shops they might not got many jobs. He did not know what the Chinese laborers were preferred. Maniam acknowledged they work faster and talk less, but the question of strength did not arise. Indian laborers were also strong. He could lift one big bag of rice or a bundle of heavy rubber by himself too still they did not always get jobs. They were times when they were jobless up to two days sat on the pavement of shops doing nothing."*

Secara tidak langsung mencadangkan bahawa buruh-buruh bangsa Melayu itu tidak kuat, tidak boleh bekerja ataupun bercakap banyak. *Because you only talk on Chinese and Indian labourers.* Dalam erti kata yang lain, buku ini seolah-olah mencadangkan bahawa bangsa Cina mempunyai kelemahan sendiri, bangsa India mempunyai kelemahan sendiri dan bangsa Melayu mempunyai kelemahan sendiri.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Pohon penjelasan. Y.B. Dato' Speaker berkenaan dengan Interlok, perkara ini telah di debatkan di negara keseluruhannya. Di Parlimen pun jadi hangat baru-baru ini. Tapi isu Interlok dua hari lepas dan saya telah janji perkara ini dibawa ke EXCO dan EXCO telah bersidang semalam dan EXCO buat pendirian bahawa buku ini kita tidak cadang untuk mengharamkan buku. Cuma kita punya hujah ialah buku ini tidak diletakkan dalam sebuah buku syllabus Tingkatan V.

Jadi dalam sidang EXCO semalam kita telah buat keputusan bahawa dalam Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang buku ini tidak disimpan dalam *rack text book*. Boleh disimpan di mana-mana kecuali di ruang *text book*. Itulah ketetapan semalam

EXCO dan message ini arahan ini akan disampaikan kepada Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang. Jadi Perpustakaan sebagai gedung ilmu, kita tidak mahu

mengharamkan mana-mana ini terpulanglah kepada mereka yang menggunakan perpustakaan. Oleh kerana buku Interlok ini ada kontroversi dan saya berhujah bahawa buku Interlok ini menghina semua kaum Malaysia. Kaum Cina, kaum India dan kaum Melayu. Inilah stereotaip etnik yang dilaung-laungkan oleh UMNO khususnya Timbalan Perdana Menteri jadi walau bagaimanapun buku dan buku ini dikekalkan sebagai buku teks di Tingkatan V.

Saya rasa ini mendukacitakan bahawa anak-anak kita yang tidak faham sejarah, yang tidak faham aspek-aspek akan baca buku dan dapat satu pengertian satu pengetahuan yang saya rasa akan merosakkan fikiran mereka terutama sekali dalam hubungan kaum di Malaysia. Agak pelik kenapa Kerajaan Barisan Nasional mempertahankan buku ini walaupun pindaan telah dibuat. Apa pindaan ini. Pindaan ini tidak akan memansuhkan aspek-aspek yang merbahaya dalam buku ini. Jadi kita mahu haramkan buku ini. Kita bukan Barisan Nasional. Semasa saya jadi pensyarah di UKM, ada juga koleksi haram di Perpustakaan Sri Lanang di UKM. Apabila pelajar-pelajar membaca buku ini meminta satu surat daripada saya bolehkah mereka gunakan koleksi haram. Apa ini koleksi haram, koleksi halal. Ini dalam perpustakaan UKM, koleksi haram, koleksi halal. Ini satu perkara yang sangat-sangat bodoh di gedung ilmu di UKM.

Jadi saya bagi surat buku Mao Tze Tong, mana-mana buku yang dianggap oleh polis dan Kementerian Dalam Negeri sebagai mengancamkan Barisan Nasional dianggap sebagai haram. Saya tidak tahu koleksi haram ini masih wujud atau tidak. Janganlah kita kata buku ini perlu diharamkan. Jangan letakkan buku ini yang mengundang kontroversial sebagai buku teks, sebab sejarah ini adalah sejarah yang sangat-sangat dangkal dalam buku itu. Dia tidak faham sejarah India. Tidak faham sejarah Melayu, tidak faham sejarah orang Cina. Sebagai seorang penulis yang anggap sebagai seorang penulis yang terkenal dapat hadiah menulis buku yang dangkal seperti itu bagaimana generasi yang akan datang. Saya rasa macam mana Barisan Nasional mempertahankan. Adakah mereka takut kepada PERKASA. Jadi saya tidak salahkan Perdana Menteri. Perdana Menteri ini tiada tulang belakang. Ini yang salahkan DPM.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Penjelasan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya tidak mahu beri ceramah di sini. Jadi itulah pendirian kita di Pulau Pinang terutamanya dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana buku ini kita tidak boleh haramkan cuma kita mengarahkan EXCO akan mengarahkan bahawa buku ini tidak disimpan dalam ruang teks di Perpustakaan Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan sedikit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Biar saya habiskan dahulu kerana kelmarin perkara ini saya bangkitkan kerana Y.B. Sungai Dua tanya dengan saya sama ada saya tahu sejarah dan dilahirkan bila. Untuk makluman Y.B. Sungai Dua, dalam sejarah ini kalau hendak tengok Sijil Pelajaran Malaysia saya dapat A tetapi tidak pernah saya melihat buku yang begitu menjijikkan

ditulis oleh mana-mana penulis. Tidak ada sasterawan yang pernah menulis buku begini untuk merumitkan keadaan yang tidak menyatakan keadaan sejarah yang

sebenar. Tidak dinyatakan di sini bahawa orang-orang India bekerja di ladang. Orang-orang India bekerja di Kelapa Sawit, orang-orang Cina di ladang-ladang bijih timah, orang-orang Melayu di pekan dan sebagainya. Perkara-perkara yang sebenarnya yang baik tidak dinyatakan langsung dan saya baca untuk maklumat Yang Berhormat satu lagi perenggan.....(dengan izin), dalam Bahasa Inggeris muka surat 330:-

Seman, seorang Melayu, *raise his parang again, he came face to face with Ching Huat daughter, seorang Cina when For Eng saw him, she immediately when down on her knees and foot on hand together, bought and ask for mercy. Seman said, your father was scroll to me, now I will kill you, kill your father, your mother and your brothers. He lifted his parang hign in the air behind him.* Cuma menyatakan bahawa orang Melayu dan orang Cina bermusuh. Bolehkah perkara ini diterbitkan. Apakah yang kita cuba memupuk sekarang dan siapa membenarkan perkara ini kerana kelmarin Yang Berhormat kata UMNO Barisan Nasional tiada kena mengena.

Saya memegang satu liputan dalam surat khabar The Star, lihat semua DPM, Interlok *issue resource no more demand. This is the statement of your Deputy Prime Minister.* Timbalan Pengerusi UMNO, apa *you* orang cakap di sini, kita hendak memupuk perpaduan, bina negara .....(gangguan). Biar saya habiskan dahulu. Yang Arif, Arif Shah kata BN Bina Negara, Binasakan Negara. Mereka Binasakan Negara. Itu pun yang patut digunakan, Binasakan Negara, Barisan Nasional Binasakan Negara dan kita ada kuncu-kunci kita yang bodoh sedikit daripada MIC apa nak buat. Yang Berhormat daripada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Dato' Speaker, perkataan bodoh itu ditarik balik. Perkataan bodoh itu ditarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya akan justifikasi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Perkataan bodoh itu ditarik balik. Sebelum saya gunakan peraturan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

No. no. saya akan justifikasi. Biarkan saya justifikasi. Ini saya justifikasi. Itu tidak ada pihak MIC di sini, kalau diarahkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Dia tak adalah saya suruh dia tarik balik, kalau dia ada saya biar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya akan justifikasi. Biarkan saya justifikasi

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya hendak dengar daripada Y.B. Seri Delima dulu. *Justified.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Okey, saya akan *justify*. Kita lihat dalam *Three Adamant On Quoting Interlok Panel*. Hanya tiga daripada orang yang telah dinamakan sebagai ... (dengan izin), *The three Indian members who quick back Interlok book renew panel are staying firm in their decision. The three D.S. Ragendran, G. Krishnanbavan, Udayer Sankar has work out of the emergency meeting now. The remaining remains in the consultative panel. The MIC President could not be recited for comment. The adamant stand came after Deputy Minister Tan Sri Muhyiddin Yasin has said on Friday, the three would remain in the panel after assurance given by MIC President Dato' G Palanivel.*

Jadi pihak MIC turut serta mengesahkan bahawa buku ini mengandungi perkara yang sebenarnya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Itu saya minta perkataan bodoh itu ditarik balik. Mana menggambarkan bodoh, mengesahkan bukan bodoh.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Seri Delima, saya buat *adjustment* ini. Jangan guna perkataan bodoh, perkataan lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kurang pandai dan saya baca mengapa mereka kurang pandai ... (dengan izin). Satu lagi Y.B. Speaker, kena dengar perkara ini, muka surat 206:

*"He had no difficulty on the ship, most of the back passengers who's speak Tamil. Those who came from the west and north spoke in Malayalam and Telegu but almost all new Tamil. Malayalam and Telegu originated from the dry Indian language. One thing that put back of the east was the fact that they all the paria cast. I repeat all form the paria cast. The space on box the ship was not allegedly they were place together like a heart of goat.*

Macam kambing, orang India dibawa daripada India macam kambing. Kita tengok cerita kunta kinte dahulu. *The roots*, bolehkah buku ini dibenarkan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Hari ini, Y.B. Seri Delima membandingkan cerita kunta kinte. Dalam kunta kinte itu diceritakan macam-macam diceritakan sejarah kunta kinte dan kaum Afrika. Dari mula keluar dari kampung sampai ke Amerika tiada pula masyarakat Afrika di Amerika Syarikat membuat bantahan gila-gila macam dibuat oleh orang India di sini. Ini adalah fakta sejarah yang perlu dipelajari supaya kita boleh lihat apakah yang sebenarnya berlaku dan bagaimana kita memahami keadaannya bahawa masyarakat India telah begitu maju, *prosper* di Malaysia dan menjadi sebahagian daripada bukan sahaja masyarakat tetapi memimpin di Malaysia ini adalah satu faktor positif yang harus dilihat daripada sejarah ini. Itu yang saya rasa yang ingin dipamerkan dan dipelajari daripada Interlok, seperti juga masyarakat Afrika sehingga menjadi Presiden. Ini menunjukkan bahawa mereka telah melepassi segala belenggu dan halangan yang telah dihadapi oleh masyarakat mereka.

Jadi saya percaya apa yang ingin ditonjolkan di dalam buku ini adalah satu pembelajaran yang boleh diperolehi untuk melihat dahulu dan sekarang. Apa yang boleh diperolehi dahulu dan sekarang.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan. Saya rasa Ahli dari Telok Ayer tidak faham tentang masyarakat Afican Merican yang berada di Amerika. Mereka dihina sebelum itu, jadi dia ada *civil rights movement* baru mereka boleh mendapat status yang sama. Begitu juga di Malaysia. Sekarang kita tahu Interlok menghina orang India. Jadi mereka berhak untuk *stand up to defend their right*. Ini adalah satu *civil right* juga. Jadi ini adalah masalah dengan UMNO.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Boleh saya perjelaskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya bagi Y.B. Perai dahulu.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tidak apa, selepas itu *you* boleh beri Y.B. Sungai Dua. Kita cara *intellect* kita ini. Interlok, *Interllect* adalah perspektif *interllect*. Y.B. Telok Ayer Tawar, kalau kita mahu lihat sejarah orang Afro American. Dahulu dia orang gunakan perkataan Negal, Negros tetapi *you* tidak boleh gunakan sekarang. *You* tahuhan. Kalau *you* gunakan perkataan Negro ini adalah menghina kaum di Amerika. Mereka lebih suka dipanggil Afro American. *You* tidak boleh gunakan perkataan Nigel atau Negro di Amerika sekarang.

Macam kasta Paria, ikut perlumbaan India kasta ini telah diharamkan di India selepas merdeka, selepas tahun 1987 dan kasta mengikut perlumbaan India adalah kelas. So kasta, kelas ikut perlumbaan India adalah serupa. Jadi daripada pandangan orang India, ini tidak bermakna kasta sudah hilang di India, tetapi *you* tidak boleh gunakan kasta di India dan ini diharamkan, tetapi apa yang memeranjatkan saya dalam buku ini penulis yang terkenal dia tidak faham ini sejarah. Kalau penulis betul-betul faham mungkin kesilapan-kesilapan ini tidak terdapat di dalam buku ini tetapi digunakan kasta, Paria, ada pelbagai kasta. Mereka yang bekerja, kerja-kerja bawahan adalah digolongkan sebagai kasta. So kasta ini adalah satu ketinggalan zaman iaitu Brahmin. So jadi sekarang di India *you* tidak boleh gunakan kasta. Konsep Paria, Paria ini ada dua perkataan, satu adalah mereka yang telah dipinggirkan. Itu gunakan satu kasta paria.

Jadi apa yang memeranjatkan ialah buku ini seorang penulis dipilih sebagai buku teks. Kalau buku ini tidak dipilih sebagai buku teks tiada masalah. *You* boleh baca mana-mana, kunta kinte boleh baca, *you* boleh baca macam mana. Ini dibuku berkenaan kasta, Kenapa ini digunakan sebagai teks dan tiga panel daripada masyarakat India yang dilantik ini dia sudah letak jawatan, tetapi masalah MIC. Saya tidak mahu kutuk MIC dan semua parti ini dia macam ular yang separuh mati, cuma kita mahu pijak kepala sahaja sekarang. Sudah jadi. Saya tidak mahu kutuk MIC sebab parti ini 50 tahun sudah ... (gangguan), saya tidak sebut ini. Itulah bahawa saya tidak mahu gunakan isu ini sebagai perkauman. Tidak wujud langsung isu perkauman.

Ini dia menghina, dia anggap *stereotype* Melayu sebagai malas. Saya tidak boleh terima. Cina sebagai orang kasar, boleh menjual anak-anak mereka mana boleh terima. India kasta rendah, adakah orang. *You* pergi tanya orang India sekarang dia pun tidak tahu apa kasta sekarang. Ini semua sudah hilang, sudah hakis dalam masyarakat Malaysia sekarang. Ini kita alu-alukan. Bukan pergi menulis buku gunakan teks

menunjukkan India ini semua daripada kasta ini. Itu jadi *problem*. Harap jangan salah faham Y.B. Sungai Dua. Tujuan saya ialah tidak payah jadikan ini buku teks, itu persoalan kita. Jangan jadi buku teks, kenapa DPM mempertahankan ini. Dia takut kepada PERKASA kah? Kita tidak takut pada HRP sebuah parti yang *racists* di Malaysia di kalangan India seperti mana saya kata semalam. Ini *racists* bukan sesuatu kaum sahaja dalam semua kaum tetapi apa yang menjadi masalah apabila rasisme dijadikan sebagai institusi di bawah Barisan sudah lama. Itu yang menjadi masalah. Jadi sebagai satu institusi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Boleh jelaskan apa maksud *racistsma* dijadi institusi.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

*Institutionalise.*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

*It's that* ada kebebasan berpersatuan dalam perlembagaan. Siapa pun boleh menubuhkan persatuan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ini benda ini remeh temeh.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Ini tidak remeh, kenapa pilih PERKASA walhal itu kebebasan makna siapa pun *you* kata macam dalam masyarakat India pun ada parti yang ekstrem.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya belum habis lagilah Y.B. Telok Ayer Tawar.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tidak apalah sekarang teruskan, Perai cukuplah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Cuma saya hendak menekankan bahawa masalah buku ini bukan masalah buku teks sahaja. Bagaimana menular, saya ada kesimpulan saya akan buktikan disebabkan buku-buku ini di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional baru-baru ini guru-guru di sekolah mula menghina murid-murid India dan Cina. Kita telah lihat banyak kejadian-kejadian di surat khabar....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sebentar, saya belum habis lagi Yang Berhormat, saya akan beri peluang. Kita lihat banyak kejadian di surat khabar di mana guru-guru sekolah menggunakan

perkataan-perkataan balik India atau paria atau pun balik Cina dan saya mempunyai satu liputan daripada The Star saya akan buktikan juga:

*Student accused teacher of assault of races slur* ini kejadian di Pulau Pinang. Disebabkan apa, Interlok. Orang India dipanggil Paria, orang India balik. Mengapa di bawah Barisan Nasional kerana Timbalan Perdana Menteri kita telah endorse. Dia telah mengesahkan buku ini boleh digunakan. Jadi macam mana Barisan Nasional memupuk perpaduan kaum. Bagaimana kita hendak memupuk kesatuan orang Melayu, orang Cina, orang India. Di mananya 1Malaysia. Mana-mana Yang Berhormat boleh jawab. Kejadian ini di mana murid-murid India dipukul di sekolah dicaci dengan merujuk kepada bangsanya kejadian di mana murid-murid Cina dirujuk ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tunggu dulu, saya belum habis lagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan, 20 saat saja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tunggu dulu, tunggu dulu. Kalau kita lihat... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa perbahasan ini sudah jauh daripada kepentingan Dewan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

No, no ini balik, baca teks.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri sudah memberi penjelasan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Biar Seri Delima bagi habis.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya memetik saranan Tuan Tun Yang di-Pertua di muka surat 3 di mana ingin memupuk keamanan di Negeri Pulau Pinang ini adalah konteks ucapan saya, tolong baca sebelum saya berdiri dan berhujah! Baca dulu! Jangan pakai tembak sahaja, jadi ini masalah saya bila saya belajar di sekolah dulu, saya boleh keluar makan bersama-sama kawan-kawan saya berbangsa Melayu, berbangsa Cina main guli, main bola sepak, sekarang anak saya tak boleh buat demikian dia kata bapa pasal apa? Apa buku ini Interlok, apa masalah dia? mengapa mengasingkan kita. *This is racial polarization created by Barisan Nasional and UMNO!*... (gangguan), dan kita lihat tidak ada tindakan-tindakan drastik yang diambil Yang Berhormat Dato' Speaker umpamanya seperti menggantungkan guru tersebut menukar persekolahannya mengenakan tindakan

disiplin, ia tidak baik! kita mahu perkara ini it *must be arrested!* Disciplinary action must be immediately on this kind of issue sebab itu saya mengatakan buku ini tidak wajar digunakan langsung. Walau bagaimanapun kita terima.

Saya berterima kasih kepada Yang di-Pertua daripada Yang Berhormat dari Perai kerana tindakan itu memang menunjukkan bahawa kita *very sensitive* dan peka kepada isu ini dan saya rasa itu adalah keputusan yang begitu baik disambut baik oleh rakyat Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat bahawa Pakatan Rakyat memang sensitif terhadap isu-isu dalam buku ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih sahabat baik saya Ahli kawasan Seri Delima kita kena bagi keadilan, sebab yang menyatakan Orang Cina balik ke China oleh seorang guru India nama dia Surita A/L Thanimalayaman Sekolah Menengah Kebangsaan Seberang Jaya, dia kata dia tak kata sampai dia buat *police report*, orang India kata, cikgu India kata bukan orang Melayu kata dan dia kata dia buat *police report* dia menyatakan bahawa apa yang dia ada kata ialah, ini *report* dia ada bagi kat saya, apa yang dia ada kata, dia memarahi saya! dia kata budak tu memarahi saya dengan suara kuat bahawa saya tidak boleh memarahi kerana dia tidak melakukan apa-apa kesalahan. Saya ada tanyakan awak dari sekolah mana, dia menjawab dari Sekolah Menengah atau Rendah Chong Ling, lalu saya kata jika tidak boleh akur kepada peraturan-peraturan sekolah-sekolah balik lah ke Sekolah Chong Ling.....(gangguan).

Sekolah Menengah Chong Ling, cikgu India tu kata pada budak sekolah Cina itu, jika tidak boleh akur kepada peraturan sekolah baliklah ke sekolah Chong Lin, saya tidak pernah kata balik ke Negeri Cina! Tetapi apa yang berlaku ialah nasib tak baik daripada DAP mempolitikkan sehingga untuk menjadi hero.....(gangguan). *Student accused assaulted and verbal abuse* Jabatan Pendidikan mengambil tindakan, ini dia gambar pegawai. Panggil murid-murid panggil mak dia, panggil cikgu dan cikgu juga dinasihatkan, cikgu ini ada buat salah, bukan tak salah tapi bukan salah dia kata balik ke Cina, dia tak cakap pun dia kata. Dia buat salah kerana dia tak kawal emosi dia, dia pun ada buat kesalahan dan tindakan pun telah diambil sebenarnya .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cukup-cukup.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Jadi janganlah kita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya mahu cerita seorang guru India.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cukup-cukup.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Sebagai seorang Melayu saya membela seorang guru India.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tak kira Cina, India atau Melayu, tidak boleh keluarkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Bermakna kami ada konsep 1Malaysia.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini sebab dia di bawah Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

No, cikgu ini pun saya tidak kenal, dan dua, apa nama ini Jabatan Pendidikan juga mengambil tindakan segera.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli yang berhormat sila duduk semua.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan. Masalah *racism* seperti yang telah dikatakan oleh profesor berlaku di mana-mana di semua kaum ini adalah satu fakta tetapi, kita tak mahu di *institutionalized* kan seperti sekarang apa yang berlaku di UMNO, apa ni pegawai Setiausaha Politik Perdana Menteri dalam satu sidang kata Orang Cina datang sini untuk jadi pelacur orang India jadi pengemis. Apa lagi? Dalam Biro Tata Negara pelbagai *racest nest* diucapkan menggunakan pelbagai, *create a lot of racial tension* ini di institusikan oleh UMNO Barisan Nasional. Sebab pemimpin-pemimpin UMNO Barisan Nasional yang begitu *racist*, menjadikan semua institusi negara termasuk pegawai kerajaan terpengaruh, jadi kita tak mahu cakap apa 1Malaysia, ini hipokrit, kalau 1Malaysia di depan tetapi Timbalan Perdana Menteri kata *Malay first. Malaysia second*, saya Orang Cina, tapi saya kata saya Malaysian dulu *I never say that Chinese first*. Tak ada, ini adalah masalah dengan Barisan Nasional *racist, race base!* *Race base* lepas tu jadi *racist* jadi kita mahu adalah *lets work together as a country. We know Chinese yang chauvinist and racist*, ada India yang *racist* saya bersetuju dengan Perai. Tetapi *how do we work together as a country. We go towards as a united country that is more important*, ... (dengan izin), Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat saya masih berpendirian bahawa tak kiralah sama ada guru itu orang India, Orang Cina atau Orang Melayu we *cannot tolerate racism at all....* (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebentar, sebentar, saya akan bagi, *member, member, member*, kita member, *don't worry member, member, member*, saya akan bagi. Masalahnya Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Seberang Jaya cuba memutar belitkan, adakah yang berhormat cuba mengatakan bahawa, *ooh its okay if it said by Indian....* (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

*I never said that, what I say....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

*No, no, give i finish first, biar saya habis dulu.*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

*I'm thinking what this report is.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Biar saya habis dulu.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya tidak akan biar lama perkara ini. Ini dah panjang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya mengatakan bahawa perkara ini berlanjutan kerana prinsip yang didukung oleh Barisan Nasional! Kalau guru-guru itu berada di bawah katakan Kerajaan Pakatan Rakyat *this will never happened! It does never happen! It never happens! Now I move on to another issue kedua...(gangguan).*

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Bagi penjelasan sikit, saya cuma nak tentang *you* cakap tentang perkauman kerana ini kerana UMNO, tak betul. Ahli daripada Kampong Kolam, pernah menyuruh peniaga nasi kandar balik India....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu tidak betul, siapa dia....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Sapa yang main. Itu DAP yang main pasai apa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu putar belit.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kenapa *you* tak mahu mengaku. Sorry daripada Komtar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya jawab, saya jawab.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Sapa yang kata, bukan UMNO yang kata, suruh peniaga itu balik India.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak benar.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Pasal apa tidak benar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak berlaku. Yang Berhormat tidak berada di sana.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kenapa tidak benar, semua orang tahu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak berlaku, tidak berlaku, itu fitnah Yang Berhormat, fitnah Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Bila berlaku ini *racial*, kerana apabila Pakatan Rakyat mula hendak mempolitikkan perkauman untuk mendapatkan jawatan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Cukuplah Seberang Jaya dan Seri Delima. Seri Delima boleh pergi ke tajuk lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Atas isu ini saya mohon juga merujuk kepada satu lagi perkara yang berhormat, kita jangan lupa bahawa tsunami politik 2008, berlaku kerana bermulanya dengan gerakan HINDRAF disebabkan dengan kejadian-kejadian kuil yang di pecah dan sebagainya. Now kita lihat sekarang setelah kita menang dalam pilihan raya Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang telah mengiktiraf Orang India seperti pemberian anugerah-anugerah darjah kehormat kepada 2 orang yang telah *conquer Mount Everest* itu adalah pencapaian saya telah berterima kasih.

Tetapi satu perkara yang saya kurang berpuas hati Yang Berhormat adalah tahap kemasukan pekerja baru berbangsa India dan juga Berbangsa India dalam PBT dan jabatan-jabatan kerajaan. Now saya memetik di sini satu keratan surat khabar The Star, di mana Yang Berhormat daripada Perai telah membuat komen *employed more Indian says Ramasamy now* di sini saya ingin tanya sekarang kita lihat bahawa kakitangan kerajaan PBT cuba kita lihat Cik Maheswary yang selalu kita lihat, mungkin ada Dr. Judy Shoba iaitu pengarah baru jabatan kesihatan tapi selain daripada itu saya terima aduan bahawa seorang yang memegang ijazah USM warga Cina / *mean* rakyat Malaysia berbangsa cina, telah memohon untuk menjawat jawatan sebagai seorang Penguasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang, tapi permohonan beliau ditolak kerana dikatakan bahawa beliau *over qualified*, jadi perkara ini adalah perkara yang membimbangkan, mengapa tidak kita lihat kenaikan pekerja ataupun *new employment* dalam kalangan orang-orang berbangsa India dan juga Cina.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Penjelasan, isu ini mengimbangi pengambilan pekerja di Pulau Pinang, ini ialah satu yang telah saya timbul awal-awal pada sesi di mana setelah saya menuduh mungkin orang ini ingat lagi, bagi saya isu ini adalah isu yang sangat penting kepada

kita. Apabila kita mengambil alik kerajaan Pulau Pinang kita rasa bahawa sektor awam PBT, Kerajaan Pulau Pinang, dari PDC, PBA kita nampak bahawa pengambilan pekerjaan ini adalah tidaklah seimbang, kita tidak ada kuota. Kita tidak letakkan kuota ini adalah pekerja Melayu, Cina, India tidak. Permintaan saya kepada ketua-ketua jabatan ialah mengimbangilah, *balance* macam saya duduk dalam Pengurus perjawatan di PDC dan PBA saya kata janganlahkekalkan amalan dahulu seperti di bawah Barisan Nasional di mana mereka langsung tidak pedulikan tentang Orang Melayu, Orang India dan Cina. Ini bukan isu *race*, ini adalah keadilan sebab apabila saya mengambil jawatan sebagai Pengurus saya kata mengimbangi bukan sahaja etnik juga daripada *gender* dan sebagainya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Penjelasan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Nanti dulu, biar saya habiskan dulu, baru *you* boleh timbulkan, jadi saya nampak bahawa PDC dan PBA nampak bahawa bukan dari segi sosial, dari segi *gender* dan sebagainya. Tapi di PBT ini satu yang dirasai tidak menyenangkan kita bahawa pengambilan bukan Bumiputera tidaklah memuaskan, jadi kita sudah ambil tindakan dan tiap-tiap EXCO perkara ini dibincangkan bahawa mengimbangi *have some balance*, sebab kalau tak ada kita telah dikritikkan oleh orang awam kerajaan pakatan ambil macam mana dengan ini perubahan sudah jadi.

Kepada Yang Berhormat Seri Delima semalam EXCO kita bincang, kita telah mengarahkan jabatan-jabatan bagi mengimbangi, ini adalah Malaysia berbilang kaum jangan di mana satu sektor cuma satu kaum sahaja perlukan satu penstruktur *universe* bukan penstruktur yang diamalkan oleh Barisan Nasional, so jadi saya harap PBT, MPSP, MPPP, YDP-YDP mengambil saya juga mengucapkan terima kasih kepada YDP kerana mengambil tindakan yang proaktif, saya mengucapkan tahniah dia buat satu pendirian bahawa memang dia putar bahawa ada *lopsided employment*. Kita telah pun adakan Dato' SUK mengimbangi *because in the public sector* pengambilan hingga kedudukan 94 percent daripada masyarakat Melayu so jadi kita pun mengimbangi. Ini bukan satu tindakan drastik yang buat ini kita buat secara perlahan, supaya kita anggap bahawa isu ini adalah sensitif, tapi kita tak muh jadi mengekalkan amalan dalam Barisan Nasional dan UMNO tidak mahu.

Jadi kepada Y.B. Seri Delima haraplah kita ambil tindakan-tindakan ini supaya mereka yang betul-betul layak sama ada Melayu sama ada Cina dan India dapat peluang untuk menyertai sektor kerjaya di Kerajaan Negeri Pulau Pinang jadi saya juga bahawa dalam PBT, PBA ternampak ambil *balance* kata yang ambil 5 Melayu, apa salah ambil 1 orang India, apa salah ambil 1 orang Cina janganlah ini sikap, tingkah laku UMNO perkauman UMNO yang sudah tenggelam dalam minda, ini perlu diubah. Saya habiskan saya habiskan jadi ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Apa kena mengena dengan UMNO tiba-tiba UMNO-UMNO ni, Y.B. Perai kalau nak sindir-sindirlah, ... (gangguan), katalah Kerajaan Barisan kah, apa kena mengena dengan UMNO, tak ada kena mengena pun UMNO letak dasar lama dah....(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

UMNO yang bermaharajalela Biar saya habiskan, saya habiskan dulu, *you* boleh bagi, okey inilah *respond* saya kepada Y.B. Seri Delima isu ini akan dibincangkan tiap-

tiap EXCO dan tindakan susulan akan diambil supaya untuk mengatasi kekurangan ini yang sangat-sangat saya rasa jadi *consequent* di Pulau Pinang, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Izinkan saya teruskan....(dengan izin), saya tak benarkan saya habiskan dulu Y.B. Telok Ayer Tawar, saya ingin menyentuh satu lagi perkara kelmarin kita dengar Y.B. Sungai Dua mempersoalkan wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang oleh EXCO-EXCO untuk buat lawatan ke luar negara di mana lawatan-lawatan itu telah membawa hasil, ada hasil pelaburan dan semua bersetuju....(gangguan), saya belum habis lagi.

Di sini saya ingin tanya marilah kita buat perbandingan dengan perkara ini, Prime Minister offices reviews Sammy Vellu *refill salary RM25 thousand as a special envious*. Sammy Vellu jadi *envious* khas RM27 ribu entah apalah dia duk buat kat luar dia dapat RM27 ribu bukankah ini satu pembaziran wang rakyat Malaysia Nombor 1, boleh beri jawapan tak? Kedua, dan dibangkitkan juga tentang hal bahawa oleh Y.B. Seberang Jaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang tak prihatin tak memberi wang untuk flat dan sebagainya untuk memperbaiki ganti kerosakan dan sebagainya, baik kita balik kepada perkara ini...(dengan izin), sepatutnya soalan ini ditanya di Parlimen oleh Y.B. Seberang Jaya kerana saya baca.....dengan izin), *Meanwhile Nazri Tun any return reply the government spend RM3.41 million on maintenance for the officer resident of Prime Minister and that could be Prime Minister*, RM3.4 juta dibelanjakan sebagai kos penyelenggaraan untuk Istana Mahligai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, minta penjelasan, ada sebut nama saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya belum habis lagi, tunggulah dulu, tunggu dulu. Perkara yang hendak saya terangkan di sini adalah, kita nak buat perbandingan tunggu dulu tunggu dulu Y.B. Seberang Jaya, saya akan beri peluang perkara yang saya nak persoalkan di sini ialah entah apalah yang ada Perdana Menteri dalam mahligai beliau, dengar kata *swimming pool* ada, jakuzi ada, helipad ada, mini teater ada, apa benda semua ini Yang Berhormat, bukankah ini....(gangguan), tunggu dulu Yang Berhormat. Ini semua pembaziran wang rakyat bukankah wang itu sepatutnya diberikan kepada orang-orang miskin, orang-orang yang memerlukan.... (gangguan), tunggu dulu Y.B. Permatang Berangan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta penjelasan, penjelasan sikit saja Y.B. Seri Delima, kata kawan, di luar kawan, tapi di dalam tak kawan, tak apa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tak bagi, tak bagi Y.B. Dato' Speaker saya tak bagi tak apa-tak apa nanti kita saya bagi tunggu dulu, bagi saya habis dulu, jadi kita berbandingkan di Pulau Pinang Y.A.B. Ketua Menteri sewa rumah RM2.000.00 sahaja, Gerakan mula bising buat laporan Polis dengan MACC, UMNO mula bising Yang Berhormat sendiri, Y.B. Permatang Berangan telah tanya mengapa wang dibelanjakan bagi untuk *repair*... (dengan izin), untuk memperbaiki rumah-rumah tapi berapa belanja RM50 hingga RM60 ribu. Ini RM3.4 juta Y.B. Permatang Berangan apa yang ada dalam tu?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Rumah Perdana Menteri bukan sama dengan rumah Y.A.B. Ketua Menteri.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ooh, wahai rakyat jelata dengarlah sini dengarlah penjelasan bagaimana wang rakyat dibelanjakan RM3.4 juta entah dia simpan dalam tu tunggu-tunggu dulu.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, tak bagi lagi, lama sangat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Untuk pengetahuan Y.B. Dato' Speaker rumah ini kepunyaan Putrajaya Holding, sewa sebulan lebih kurang RM600 ribu untuk rumah Perdana Menteri, untuk rumah Timbalan Perdana Menteri....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Untuk pengetahuan Y.B. Dato' Speaker, kita ada Ahli Parlimen ramai di sini suruhlah dia orang buat hal-hal ini hal-hal kerajaan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

No, no, kenapa takut perkara ini hendak dibincangkan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Kita banyak nak dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini hal-hal Negeri Pulau Pinang banyak lagi ya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Duduklah, duduklah tak bagi peluang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Banyak lagi hal-hal Negeri Pulau Pinang hendak dibincangkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Cukuplah sandiwara, cukuplah sandiwara, kenapa bos di sini, kita takut nak tanya, mengapa kerana Najib adalah bos kita, takut nak tanya kenapa belanjakan wang rakyat RM3.4 juta jangan takutlah Y.B. Telok Ayer Tawar, biarlah orang dengar, ada murid-murid di sini balik cerita kepada bapa dengan mak sandiwara Najib dalam televisyen dia mai-mai bagi sedekah RM500.00 pergi Taman Tun Sardon bagi RM500.00.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Najib bagi duit, ingat takut kah, sebab tu you takut....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bukan takut, ini perkara sebenar, bagaimana wang rakyat dihabiskan dibazirkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Peraturan-peraturan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Permatang Berangan kita tengok.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada peraturan 46 (vi) dia kena mengena. Tiap-taip ahli hendaklah mengehadkan pemikirannya untuk perkara-perkara yang dipertimbangkan sahaja jika sekiranya lebih daripada satu perkara dan sebagainya yang dipertimbangkan sahaja tu maksud dia berkaitan dengan hal negeri, ini Dewan Undangan Negeri dan ini bukan Parlimen kalau isu-isu berkait dengan Seri Perdana dan sebagainya itu adalah isu-isu yang hanya boleh dijawab di Parlimen, agensi-agensi yang ada di peringkat Kementerian yang boleh jawab tetapi di sini tidak adil kalau Y.B. Seri Delima ya....(gangguan), nanti dulu slot masih slot saya okey kalau.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau peraturan dia kena duduk dah Y.B. Permatang Berangan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya cuba menjelaskan....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tak apa saya dengar saya buat keputusan saya buat ketetapan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Jadi, Y.B. Dato' Speaker saya mencadangkan dengan kebijaksanaan Y.B. Dato' Speaker kalau dapatlah kita menumpukan perbahasan dewan ini tentang isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan kepentingan dan kesejahteraan rakyat di Pulau Pinang. Jadi banyak perkara lain yang kita nak bincangkan dan kita bukan tak mahu isu-isu dibangkitkan boleh dibangkitkan Ahli Parlimen kita pun ramai yang jadi ADUN dan juga jadi Parlimen bangkitkan di Parlimen dan hidupkan di Pulau Pinang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Rakyat Pulau Pinang nak tahu, rakyat Pulau Pinang kena bagi tahu.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Rakyat Pulau Pinang bukan bodoh rakyat Pulau Pinang bukan tak cerdik....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Permatang Berangan dah bawa benda itu peraturan 46 (vi) saya buat ketetapan begini saya dah kata Y.B. Seri Delima duduk dulu, Y.B. Seri Delima merujuk

ambil contoh bagaimana perbandingan, membuat perbandingan, cuma dah contoh tu panjang sangat cukuplah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, saya akan bagi penjelasan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Dato' Speaker, penjelasan sedikit tadi bangkitkan kawan baik saya Samy Vellu kali 12 kali berapa, tapi macam mana ini pelajar-pelajar India dari Pulau Pinang ia berkaitan dengan Pulau Pinang dia masuk apa ni M College, dia kena bayar ini macam-macam *comercial* M College ini dilaung-laungkan satu institusi untuk menyusahkan pihak India apa-apa peranan Samy Vellu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

1Malaysia, 1Malaysia. Y.B. Dato' Speaker, boleh, boleh, bagi boleh, boleh.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Seri Delima, masa dah habis sejam dah 5 minit lagi saya bagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya nak jawab mengapa kena mengena isu Seri Perdana ataupun rumah Perdana Menteri. Dalam saranan ucapan T.Y.T beliau telah katakana mewujudkan menjamin keadilan sosial ekonomi (*Pro-Poor*) mungkin Y.B. Permatang Berangan sekali lagi tak baca teks ucapan, cakap saja tak baca teks ucapan saya mengatakan di sini bahawa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Tolong bagi peluang pada saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sebentar Yang Berhormat, saya belum habis lagi Y.B. Telok Ayer Tawar, saya mengatakan bahawa wang itu RM3.4juta boleh digunakan, diagihkan kepada rakyat-rakyat miskin, di Sarawak semasa saya berkempen di sana, orang-orang Melanau, orang-orang Dayak tak ada lampu Kalimantan, tak ada jalan raya, tak ada air tapi dia kata berterima kasih kerana apa setiap kali pilihan raya, dia mai dia bawa satu lampu Kalimantan pilihan raya kedua dia bagi Kalimantan dua, pilihan raya ketiga dia pasang paip sampai luar rumah, pilihan raya keempat dan lima dia pasang paip masuk ke rumah. Tak betul kalau berani bangun berucap.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tunggu dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tak berani juga.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tunggu dulu nanti saya bagi peluang okey, jadi saya perlu berhujah di sini Yang Berhormat, bahawa kita lihat bagaimana wang rakyat dibazirkan, tak perlu kita ada rumah sebeginu besar untuk kita belanjakan wang begitu besar dan satu lagi perkara terakhir, 60 baik-baik saya jawab Yang Berhormat itu adalah ala Y.B. Bagan Dalam kacau lagi, okey-okey tak apa member-member....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Minta laluan, selepas Pakatan Rakyat mengambil alih Negeri Pulau Pinang, sekolah-sekolah Tamil telah maju berbanding dengan masa MIC jadi sebahagian dari Kerajaan Pulau Pinang, masa itu ini ada sangkut dengan Samy Vellu lah, Samy Vellu ambil duit untuk sekolah-sekolah apa dia buat saya tak tahu tapi dalam 3 tahun ini kita tengok kemajuan 28 sekolah Tamil di Pulau Pinang, semua orang-orang India sangat very happy dengan kemajuan yang dicapai itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ya, Y.B. Bagan Dalam betul saya akui, sebab itu saya rasa saya nak jawab isu Samy Vellu pun *its the law cost*, kalau saya panggil dia penyamun nanti Y.B. Dato' Speaker marah jadi saya kata dia ni biar dia macam itulah cuma saya nak beritahu, saya tak kata dia penyamun, tapi saya tarik penyamun tarik balik....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Jangan salah guna, saya nak bagi amaran, jangan salah guna untuk mengeluarkan satu perkataan, lepas tu nak tarik balik, yang ini *apply* untuk semua.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Okey, saya tarik balik penyamun, terima kasih Y.B. Dato' Speaker, jadi kita teruskan jangan kita, atas isu M College itu saya rasa ini adalah *its a private entity* di mana ada cerita bahawa Datuk Seri Samy Vellu atau apa-apa nama dia menggunakan dia sebagai *retirement benefit*, di mana dia ada *business interest* di mana beliau mendapat ganjaran sebagai Pengurus tersebut kita lepaskan benda itu baik kita teruskan dengan perkara berkenaan dengan okeylah kita bagi, *one minutes* tapi jangan panjang sangat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Okey, saya nak kena patah balik sebab, *its a mother of principal....*(dengan izin), Y.B. Timbalan Ketua Menteri II menyatakan tadi yang pengurusan sebelum, sebelum ini, tak ambil kisah langsung permohonan perjawatan oleh bangsa-bangsa lain. Saya menyatakan ini tidak benar, tidak benar sama sekali, kalau tidak takkan ada pegawai-pegawai berbangsa Cina dan India di dalam PDC, MPPP, MPSP dalam saya tak tahu berapa di sini, tetapi sampai jawatan Pengurus Besar Dato' Chet Singh ya tak mengakui ke fakta itu ya, terima hakikatnya janganlah seolah-olah sebelum ini tidak ada perkara yang baik yang dilakukan oleh PKR selama ini semuanya tidak ada perkara baik yang dilakukan. Janganlah begitu *extreme*.

Satu perkara lagi. Perkataan mengimbangi? Kalau nak betul-betul nak mengimbangi, bukan sahaja perlu dilihat dari segi sektor jawatan awam kerajaan, perlu

jugalah diimbangi dari sektor swasta. Berilah, *or it to be fair*. Berilah juga syarat dan permohonan kepada sektor swasta untuk mengimbangi perjawatan-perjawatan di sektor swasta kepada semua pihak. Bukan saja menyebelahi satu pihak saja. Kenapa operator pengeluaran di dalam kilang semua Melayu. Semua perjawatan tinggi semua bukan Melayu. Jadi ini juga tidak adil.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya memang saya salahkan Barisan Nasional, 53 tahun di mana dia buat satu penstruktur semula di bawah Dasar Ekonomi Baru dan disambungkan dalam lain-lain dasar yang berikut di mana sektor awam dimonopoli oleh satu bangsa. Kenapa Barisan Nasional tidak buat dasar di mana, dia cuma memberi arahan kepada sektor swasta supaya golongan orang Melayu mesti adalah sedemikian. Tapi kenapa mereka tidak buat untuk semua kaum, 30 percent *employment of Bumiputera in multinational companies*.

Jadi saya tanya kenapa *you* tanya sama saya *you* mesti tanya *you* punya bos dulu. Kenapa *you* tanya sama kita sekarang. Kita mahu betulkan itu. So jadi pertama kita betulkan....(gangguan), di mana kita ada suatu peranan yang langsung. Sektor swasta kita tak dapat nak langsung, jadi kita meminta bahawa, biar saya habiskan dulu, supaya kita mengimbangi. Dan saya sudah bincang perkara ini dengan beberapa pihak yang ada hubungan dengan sektor swasta bukan tidak. Tapi inilah *missing* dibuat tapi masa Barisan Nasional. Ini lah yang jadi punca segala keburukan sistem pengambilan tenaga pekerja di Pulau Pinang dan juga di kerajaan di negeri-negeri lain. Jadi apa yang kita buat ni kita mengimbangi dan membetulkan situasi. Jadi saya memang setuju, sektor swasta mesti juga mencerminkan kependudukan Pulau Pinang. Tapi apabila Barisan Nasional buat, dia mengecewakan pendudukan segelintir sahaja. Ini yang salah. Jangan tunjukkan satu....(gangguan), mungkin lain ....(gangguan) kita adil. Kita ambil keseluruhannya tengok apa ni angka, peratus dan sebagainya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, sebentar. Saya tak bagi dah.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya ada 3 minit sahaja automatik dia akan berhenti selepas itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Cuma saya, Sungai Dua dah keluar dah. Cuma saya bagi peluang, cuma saya nak tanya Sungai Dua. Kita buka *paper* hari ini. Dia soal tentang Ahli-ahli EXCO keluar, Ahli-ahli EXCO yang menjalankan jawatan tugas mereka secara rasmi. Kita lihat surat khabar *News Straits Times*. Kita ada gambar Kak Rosmah pula. Di Turki di mana beliau dipilih menjadi *role model*. *My God!* Tak ada orang lain ke di Malaysia nak jadi *role model* ke? Tak ada orang lain? Sepatutnya orang yang menjadi *role model* adalah Permaisuri Agong, dia adalah *first lady* ataupun Marina Mahathir yang memberi sumbangan kepada kerja-kerja amal AIDS, bukan Kak Rosmah, kerana dia ni tak mau katalah Altantuya ka apa ka nanti Y.B. Dato' Speaker marah. Jadi kita teruskan.

Jadi bolehkan Y.B. Sungai Dua menjawab. Bagaimana apakah justifikasi Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan menghantar Kak Rosmah ke luar negara? Apa tujuan? Pergi makan angin, guna wang rakyat? Selalu sahaja luar Negara? Dia buat apa? Jadi kita teruskan. Ini adalah isu Sungai Dua patut jawab. Permatang Berangan duduk.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Seri Delima cukuplah. Masa dah habis.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Satu lagi perkara. *Very important issue.* Berkenaan dengan pencapaian bola sepak Pulau Pinang. Di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat, semua perkara meningkat. A plus, A plus, tetapi bola sepak ni kita menurun. Teruk keadaan dia, sebab kita ada seorang pengkhianat menjadi penggerusi, dulu belah kita la dah terima rasuah masuk belah depa pula. Tapi dia tak mahu meninggalkan jawatan. Siapa lagi, Dato' Seri Zahrain la. Jadi saya minta....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Speaker, saya minta laluan. Saya rasa dia menuduh orang yang tak ada dalam Dewan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tak apa lah biar dia jawablah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Tuduhan itu adalah satu tuduhan yang belum dibuktikan. Ini satu benda tidak adil.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu benar.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Kalau nak tuduh , tuduh pada orang yang ada.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tak apalah biar dia jawab. Dato' Zahrain.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Tuan Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Y.B. Dato' Speaker, dalam sidang Dewan yang lalu saya ada minta, duit satu sen pun kita tak mahu bagi kepada Persatuan bola, tapi depa kata kita boleh buat duit....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Dia kena letak jawatan dulu bagi duit....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Langsung tak bagi duit, langsung tak ambil berat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Dia beli kereta Mercedes band baru, bagi duit kat dia.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Jangan buat tuduhan kat orang, tak baik, ini kena guna peraturan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu betul, saya minta...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya rasa ahli Seri Delima perlu disekat daripada bercakap benda-benda menuduh orang ikut suka. Saya rasa dia mencemar kehormatan Dewan yang mulia ini. Orang tak akan hormat pada Dewan ini, kalau Dewan ini menjadi tempat untuk caci cerca tanpa ada bukti tanpa ada itu semua....(gangguan), kita memuliakan Dewan ini, kita memuliakan Y.B. Dato' Speaker. Tapi kalau dibiarkan kepada Seri Delima dengan perangai yang macam ini, Dewan kita ini tak akan dihormati sesiapa pun...(suara meninggi).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya, beginilah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih kerana sandiwara tersebut. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seri Delima, saya cuma...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*Last issue Yang Berhormat, saya minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan cepat. Kita ada peguam-peguam yang berwibawa seperti sahabat saya daripada Datok Keramat. Keluarkan notis, keluarkan beliau daripada jawatan tersebut, tamatkan perkhidmatan kerana sukan adalah satu aspek pencapaian yang begitu penting dan kita lihat terdahulu pasukan bola sepak Pulau Pinang digeruni. Sekarang dah turun Premier League, dah turun bawah, kalau ada Reserve League, turun Reserve League. Semua pasal orang ni, Dato' Seri Zahrain. Jadi hari ini Dato' Gary Nair telah pun menyarankan Kerajaan Pulau Pinang mengambil tindakan cepat, tindakan agresif. Tolong melakukan sesuatu, jangan benarkan dalang ini yang sekarang telah bersubahat dengan Barisan Nasional menjatuhkan maruah Pulau Pinang di arena bola sepak.*

Akhir kata, Pulau Pinang adalah tempat yang dalam bahasa Inggeris *A Place To Die For* dan saya ingin menunjukkan di sini satu keratan akhbar dalam surat khabar baru-baru ini, di mana wartawan luar negara telah mengatakan Pulau Pinang menjadi tempat yang begitu elok untuk kita datang lawat, hidup, dan tempat ini sesuai kerana disebabkan oleh pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat, cari *paper* ini tak dapat. Nah, *justified* Dato' Speaker, *Penang is a place to die for is because of Pakatan Rakyat Government, if u want to read more about this, you can have a copy.* Itu bukan Utusan jadi dia jelas dia *balance*, Utusan tak mahu tengoklah. Tak guna tengok. Dan bukan saja itu kita lihat seorang ahli kuat UMNO...(gangguan). Daim Zainuddin mengatakan *Penang and Kelantan will remain under PR*, tepuk lah sikit.....(tepk meja). Disebabkan oleh ketulusan Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Permatang Berangan, silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

*Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut serta dalam membahaskan ucapan terima kasih kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun. Y.B. Dato' Speaker, sewaktu menghadiri persidangan pertama penggal semasa tahun 2008 dulu, saya begitu tertanya-tanya apakah itu CAT ataupun CAT yang diuar-uarkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang. Jadi setelah diberi penjelasan saya melihat bahawa CAT telah pun dijadikan satu dasar oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan urus tadbir di negeri ini. Kita menaruh harapan yang cukup tinggi dengan adanya slogan CAT maka satu perubahan yang boleh menyejahterakan rakyat dapat direalisasikan.

Berdasarkan kepada pendedahan-pendedahan dan perangkaan yang ditunjukkan, seolah-olah kita melihat perubahan dan kesejahteraan kepada rakyat telah berlaku dengan begitu cepat dan drastik. Dalam masa tiga tahun sahaja peningkatan pelaburan yang dikatakan sampai berbilion dan sebagainya. Tetapi apabila saya meneliti secara lebih terperinci secara bermikro, lebih dekat, maka saya mendapati bahawa kesemua perkara ini lebih bersifat retorik. Dan sebahagian besarnya boleh dikatakan satu pembohongan yang cukup nyata dan penganiayaan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Kita sedar bahawa Kerajaan telah mengumumkan bahawa kerajaan negeri telah pun dapat mengumpulkan *surplus* penambahan ataupun kelebihan pendapatan kepada Kerajaan Negeri hasil daripada penjimatan dan sebagainya. Tetapi di sebalik kepada kenyataan itu, cuba kita kaji, kita lihat. Rupa-rupanya rakyat kita ni telah ditipu oleh Kerajaan DAP sekarang di Pulau Pinang di mana kalau dulu kita lihat bil air sahaja, yang kita hanya bayar lebih kurang beberapa puluh ringgit sahaja dalam satu bil untuk dua (2) bulan tetapi sekarang ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan, Peraturan, 46,13(a) dan (c) ....(gangguan). Kenyataan terakhir Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan DAP Pulau Pinang menipu rakyat.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Dengarlah sampai habis, saya tuduh ini, saya hendak buktikan yang tertuduh ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tak boleh menggunakan perkataan itu, saya minta supaya perkataan itu ditarik balik.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya tidak akan tarik balik.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Macam saya kata tadi, sila bawa bukti.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, pada tempoh persidangan lalu, bila perkara itu digunakan oleh Pinang Tunggal, Y.B. Dato' Speaker telah memberi amaran supaya penggunaan Kerajaan DAP ditarik balik. *This is not Kerajaan DAP, This is Kerajaan Pakatan Rakyat ... (gangguan).*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Ada pendaftaran tak. Ada daftar. Boleh tunjuk tak daftar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Mana ada Kerajaan Pakatan Rakyat.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Duduk-duduk, Permatang Berangan tadi ada sebut DAP?

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ya.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya sebut....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Gunakan Kerajaan Negeri lebih baik, mengapa hendak mengisukan.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya menggunakan Kerajaan Negeri, kerana DAP adalah satu parti yang tidak berdaftar....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*No, no, you say Kerajaan DAP....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Buktikan kepada saya yang Kerajaan Pakatan Rakyat sah dari segi.... (gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Begini, begini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

No, no, yang menipu Barisan Nasional, yang menggunakan wang rakyat.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Dengar saya hendak buktikan....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seri Delima, Permatang Berangan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Ini *floor* saya duduk....(suara menjerit).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sila duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Siapa kamu untuk memberi saya duduk...(suara menjerit).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Ini *floor* saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sila tarik balik.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Awak tak minta kebenaran saya. Awak ada minta kebenaran saya.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seri Delima, Permatang Berangan, duduk dulu, duduk.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

You diamlah.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tadi dibangkitkan peraturan. Permatang Berangan kata menipu. Saya selalu kata elakkan perkataan-perkataan yang boleh menjadi negatif, rasuah, tadi ada sebut rasuah, tadi ada sebut menipu, membohong. Kalau kita lihat di mana Parlimen, perkataan ini tidak digunakan. Elakkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Yang menggunakan UMNO tu Y.B. Dato' Speaker tak buat peraturan. Mereka menggunakan UMNO. Ini gunakan DAP kerana dimonopoli oleh DAP Kerajaan. Kalau Y.B. Dato' Speaker mahu satu peraturan, Y.B. Dato kena kata, jangan bagi kata UMNO, jangan bagi kata DAP....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya sebut begini, tadi UMNO Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Barisan Nasional campur semua, UMNO, UMNO, tidak ada kaitan, UMNO parti. Barisan Nasional adalah parti Kerajaan. Kita bertanding atas nama Barisan Nasional.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya tak nak terlibat dalam perbahasan ini. Cuma elakkan Kerajaan Negeri dan jangan gunakan perkataan bohong. Saya tak mahu gunakan, buatkan *list*. Kadang-kadang amat memalukan. Kadang orang tanya apa perkataan yang boleh digunakan, yang tak boleh digunakan di dalam Dewan ini. Tetapi kalau saya bagi *list* itu keluar, kalau la surat khabar pamerkan *list* tu, amat memalukan semua Yang Berhormat yang ada. Tambah-tambah dikeluarkan oleh Yang Berhormat. Jadi tolong hentikan yang itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, saya cuma minta Dato' Speaker berpegang kepada *rulling* yang telah dibuat sebelum ini. Sesi yang lalu Pinang Tunggal telah diberi amaran supaya jangan rujuk kepada Kerajaan DAP. Jadi saya minta supaya perkataan Kerajaan DAP tidak digunakan. *This is a Pakatan Rakyat Government.*

**Y.B. Dato' Speaker:**

Jadi saya dah minta Permatang Berangan menggunakan Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya akan gunakan perkataan Kerajaan Negeri sahaja. Y.B. Dato' Speaker, saya mohonlah dalam Dewan yang mulia ini, kalau saya tidak dibenarkan menggunakan perkataan Kerajaan Negeri, pembohong, penipu dan sebagainya, saya minta juga supaya pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri juga tidak menggunakan apa-apa perkataan yang boleh menjasaskan dan juga mendatangkan nama buruk kepada Barisan Nasional atau UMNO dan kalau kedua-duanya mengikuti *rulling* yang sama, maka saya boleh terima. Tapi kalau ada mana-mana lagi ahli Yang Berhormat lain yang menggunakan perkataan Barisan Nasional atau UMNO dan dikaitkan dengan istilah-istilah yang buruk dan keji, maka saya pohon kepada Y.B. Dato' Speaker untuk mengambil tindakan yang sewajarnya di atas kebijaksanaan Y.B. Dato' Speaker. Terima kasih.

Saya nak menyambung tentang isu ini yang saya katakan bahawa pertikaian saya ialah kepada prinsip CAT yang disebutkan oleh Kerajaan Negeri dengan prinsip CAT itu untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Tetapi apa yang berlaku kalau kita lihat sebelum-sebelum ini kita tidak pernah dikenakan surcaj kepada bil air, tapi apa yang berlaku apabila surcaj bil air mula dikenakan bermula daripada Januari 2011, kita mendapati bahawa begitu ramai rakyat kita yang berasa begitu tertekan, tertindas dengan bebanan untuk membayar tambahan bil air yang dikenakan kepada mereka.

Sebagai contoh, saya sendiri sebagai contoh nya, saya telah di surcaj kan dalam bil air saya, kalau kita lihat di sini bil air saya pada satu ketika ialah RM173.30 saya

dikenakan surcaj sebanyak RM45.84 sen, jumlah bil air yang saya kena bayar ialah RM219.14 sen. Saya terpaksa membayar surcaj RM45.84 sen. Pada saya yang berpendapatan seorang Adun pun saya merasakan ini satu bebanan dan satu penyeksaan terhadap saya sebagai rakyat di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya belum bagi laluan lagi.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Kalau berani cakap orang, tolong bagi laluan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Kalau dalam hal ini, kita lihat surcaj yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh tiga bulan Januari 2011 sehingga Mac 2011 ialah sebanyak RM2,120,174.00, di mana secara pecahannya surcaj yang dikutip ialah RM679,053.00 pada Januari 2011, RM799,127.00 pada Februari 2011 dan RM641,994.00 pada bulan Mac 2011. Pendapatan sebanyak RM2.120 juta ini adalah merupakan katanya satu surplus, satu pendapatan kepada agensi di bawah Kerajaan Negeri, jadi adakah ini boleh kita katakan satu peningkatan kemajuan dalam Pentadbiran Negeri, memang nampak macam ada pendapatan baru tiga bulan surcaj saja sudah RM2.120 juta baru tiga bulan. Kalau kita.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan seminit saja

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):**

Yang Berhormat bil air Yang Berhormat bil RM170.00 lebih ya untuk dua (2) bulan ini terlalu tinggi, saya banding dengan semua Ahli terlalu tinggi la boleh senaraikan apa yang guna...(gangguan). Rumah ada *swimming pool* ke?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya rumah saya mengalami kerosakan paip di bawah tanah. Saya nak jelaskan di sini ada sedikit kerosakan maknanya saya menanggung beban kerosakan satu hal okey, kemudian saya terpaksa membayar surcaj lagi faham tak. Ini keadaan dia, ini bagi saya tidak apa saya terima saya boleh bayar lah, saya boleh bayar RM170.00 lebih....(gangguan), tak ada laluan, tapi yang saya tak boleh bayar adalah surcaj yang saya kena, itu saya tetapi ramai juga rakyat terutama sekali datang dari kawasan saya yang datang mengadu kepada saya yang mereka juga kena surcaj. Saya telah pun membetulkan paip air saya dan saya juga kena surcaj dalam bil yang kedua saya pada yang seterusnya saya cuma kena RM111.00, tetapi saya kena surcaj lagi RM29.28 maknanya saya dah *reduce*.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):**

Rumah you ada *swimming pool* ke?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Apa sibuk nak tanya ada *swimming pool* ke tak dak?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):**

Rumah you banyak menggunakan air.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Ada *swimming pool*. Saya cuma duduk empat orang saja pergi *check*. Jangan pertikai masalah membazir ke tak membazir, saya nak katakan di sini ialah apabila pengguna air digunakan oleh orang tertentu kenapa perlu ada surc妖, bagi rakyat yang lain yang ada anak ramai yang terpaksa gunakan bilnya yang macam tu juga dia kena surc妖. Kenapa Kerajaan Negeri nak cari sumber pendapatan melalui surc妖 kepada rakyat, carilah, fikirlah, guna kepandaian kebolehan cari bermula cari pendapatan lain dari FDI ke ataupun sumber-sumber lain janganjadikan surc妖 pendapatan RM2 juta 3 bulan kalau kali dengan 12 bulan jadi berapa? Berapa puluh juta untuk surc妖 rakyat. Baru bagi RM100.00 dekat rakyat lepas tu surc妖 rakyat sampai berpuluhan juta kalau dalam tempoh setahun. Ini satu benda yang tidak. Ya Silakan. Ya Sungai Dua, silakan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Selalu saya ada masalah ini Yang Berhormat Permatang Berangan saya ingin bertanya adakah surc妖 yang dipungut oleh Kerajaan Negeri itu mengikut undang-undang? Kerana kita tengok bil ini baru nak masuk, makna dia apa yang dia buat mengutip surc妖 ni adalah satu tindakan yang tidak mengikut undang-undang, satu tindakan haram. Baru nak masuk bil ini, kenapa Kerajaan Negeri mengambil tindakan begini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya nak menyambung satu lagi dalam jawapan yang saya terima ini. Satu andaian yang tidak munasabah yang telah dikeluarkan jawapan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di mana....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Minta penjelasan sikit boleh?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Okey, silakan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Saya nak tanya Yang Berhormat Permatang Berangan adakah Yang Berhormat Permatang Berangan ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya surc妖 ini digugurkan, tetapi *rate* air dinaikkan kerana Pulau Pinang ialah satu negeri tak ini sebabnya Permatang Berangan cadang kata caj-caj, saya nak tanya pendapat sebab pakatan rakyat berjiwa rakyat dia tidak mahu menaikkan *rate* nya. So saya nak tanya adakah itu cadangan daripada Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Terima kasih sebagai negeri yang maju, kita kena berusaha mengurangkan kos sosial kepada rakyat. Sebagai contohnya kalau kita lihat Kerajaan Nasional, Kerajaan Persekutuan nak memberikan satu perkhidmatan pengangkutan kerana itu adalah satu perkhidmatan sosial dan kos sosial, jadi kita terpaksa mensubsidiakn kepada industri pengangkutan supaya tambang pengangkutan dapat dikekalkan pada tahap yang paling minima dan kalau boleh kita nak mengikut macam mana di ... (gangguan). Saya tak bagi laluan. Dalam hal ini kalau kita tengok Kerajaan Negeri Pulau Pinang mestilah mencari jalan macam mana nak mengurangkan kos-kos sosial yang ditanggung oleh rakyat dengan cara mendapatkan sumber pendapatan lain dan kita menampung mengurangkan. Jadi saya kalau boleh surcay pun tak ada bil air kita dikekalkan pada tahap paling minima dan itu merupakan satu kesejahteraan dan sekejap saya bagi. Yang satu lagi saya ragui ialah apabila untuk membuat satu andaian bahawa kita adalah negeri di mana rakyat dia menggunakan jumlah air yang paling banyak di mana setiap seorang menggunakan 290 liter sehari. Ini satu andaian jawapan saya bagi tahu ya.

Saya baca balik jawapan ini "Perlu diingatkan surcay air dikenakan untuk menggalakkan pengguna mengurangkan pembaziran air kerana Pulau Pinang mengalami penggunaan air paling tinggi di Malaysia iaitu 290 liter air seorang sehari." Logik ke? Kita kena tengok keadaan negeri kita. Kita negeri yang berasaskan industri ada kilang dan ada tempat-tempat yang memang menggunakan air yang banyak dan ada penduduk. Kita tak boleh kira campur sekali *verage* kemudian kita buat satu *average* buat *average* buat purata kita kata orang Pulau Pinang guna 290 liter air sehari. Kilang guna banyak sebab tu keperluan dia, rakyat kita guna setakat mana rakyat la. Kalau rakyat di Selangor mandi macam tu rakyat di Pulau Pinang pun lebih kurang sama lah tak kan orang Pulau Pinang mandi banyak dan tak kan orang Selangor mandi sikit sama saja. Jadi dalam hal ini kalau kita tengok 290 liter sebagai bandingan penggunaan air seorang sehari, tak logik, kemudian kita kata 290 liter ini kita kata dia terlalu tinggi dan kita pun kenakan surcay supaya rakyat kita kurang mandi, jadi dalam hal ni saya rasa justifikasi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri terlalu tidak betul dan surcay yang dikenakan ini adalah surcay yang mendera rakyat. Surcay yang menganiaya rakyat dan saya menyeru supaya Kerajaan Negeri menimbangkan semula dan mengkaji semula supaya rakyat tarif air ataupun surcay ini supaya rakyat mendapat pembelaan yang sewajarnya. Kemudian dalam hal ini... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan, Penjelasan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Kemudian dalam hal ini, sekejap masa sikit sahaja. Nanti saya habis buat nanti boleh ulang balik. Dalam hal ini saya juga begitu kecewa Y.B. Dato' Speaker dengan jawapan yang diberikan dalam soalan bertulis saya apabila saya bertanya tentang elau Pengarah-pengarah PBA yang saya Tanya, jawapan tak diberikan diberitahu kepada saya ialah elau pengarah PBA holding berhad dan PBA Pulau Pinang tidak ditambah dan dikekalkan tahap dan kekal di tahap yang dibayar elau sebelum tahun 2008.

Saya bukan nak tahu elau ni kekal ke tak kekal saya tanya ialah dalam soalan saya sila senaraikan nama Ahli Lembaga Pengarah, okey yang itu dah dijawab kemudian bagi tempoh lantikan dan elau serta kemudahan yang diperolehi jadi saya nak tau lah berapa sebagai seorang rakyat Pulau Pinang dan seorang pembayar bil

PBA saya nak tahu berapa jumlah elaun yang dibayar kepada Pengarah-pengarah yang berkenaan adakah percuma? Adakah kena bayaran? Jadi kenapa tak dijawab? Dan saya minta dalam perbahasan ini saya minta soalan ni dijawab semasa penggulungan nanti dan jawapan itu kalau boleh juga dibekalkan dalam bentuk teks.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan, Penjelasan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Kemudian, dalam hal ini kita mintalah supaya Pihak Berkusa Air juga menunjukkan kepada kita tentang pencapaian perolehan kewangan yang dicapai oleh PBA dalam tempoh sepuluh (10) tahun. Jadi saya nak tengok, saya minta dalam Dewan yang mulia ini satu laporan perolehan PBA dalam tempoh sepuluh (10) tahun iaitu daripada tahun 2010 sampailah tahun 2000 jadi minta benda tu dibekalkan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan, penjelasan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Sila, sila.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya hairan Permatang Berangan susah-susah nak bela rakyat ke, kata air naik, saya nak tanya berapa satu liter padu harga air Yang Berhormat? Okey kalau *you* tak tau saya bagi tahu. RM0.42 satu liter padu untuk Pulau Pinang, tahukah Yang Berhormat negeri industri yang satu lagi? Negeri Johor pimpinan Barisan Nasional berapa satu liter padu? RM2.89. Negeri Perdana Menteri Pahang RM0.90 setiap satu liter padu, satu kali ganda, Negeri Johor 5 kali ganda. Ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Domestik ke atau pun perdagangan?

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Domestik. Sekarang Yang Berhormat nak pertahankan orang yang susah-susah ini untuk rakyat, jadi saya nak tanya mengapa negeri-negeri pimpinan Barisan Nasional begitu tinggi? Johor RM2.80, Sarawak RM0.69, Terengganu RM0.90, Sabah RM0.90, Pahang RM0.90, Perlis RM1.10, Melaka RM1.33, Negeri Sembilan RM1.40. Ini statistik. Kalau kata air di Pulau Pinang menderitakan rakyat, saya hendak Tanya kenapa naik harga minyak semalam. RM2.90 satu liter, ini Barisan Nasional yang menderitakan rakyat ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Satu minit, satu minit saja. Jadi Ahli Pantai Jerejak dalam secara ikhlas memberitahu terima kasih Kerajaan Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang kerana dapat memberi Negeri Pulau Pinang harga air yang paling murah. Bermakna kita tak cakap tak serupa bikin. Ini KEADILAN punya. Dia kata nak bagi kuasa air kembali kepada rakyat. So Kerajaan Barisan Nasional dah buat dah, dah bagi harga yang paling murah dan jangan bagi naik harga, saya tak setuju dengan Batu Maung nak denda sebab itu semalam dalam hujah saya, saya kata kita jangan gunakan *cane* kita bagi *carrot*, kalau

rakyat ni dia susah kita bagi percuma pun kita bagi percuma pun kita bagi kepada rakyat tau hadiah kepada rakyat negeri. Air sumber kita termasuklah cadangan dari PBA, dia

kata ada lagi sumber air melalui dari *rain water* untuk menambahkan lagi sumber air negeri ini. Maknanya kita catit dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan Barisan Nasional ini pro-rakyat sebab bagi air yang paling murah sekali.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya nak *response* sikit Yang Berhormat Pantai Jerejak. Sebenarnya Pulau Pinang dari segi penyediaan air kita tengok dari keluasan. Keluasan Pulau Pinang, keluasan Johor, keluasan Pahang dan Terengganu. Berapa ratus kilometer yang digunakan untuk memasang paip bagi Kerajaan Negeri Johor, Terengganu dan sebagainya berbanding dengan. Sebab itu Perlis lebih murah daripada Johor.

Jadi dalam hal ini kita dalam Negeri Pulau Pinang perjalanan kita pun kalau kita tengok setengah jam pun kita sampai satu negeri. Kalau dalam hal ini kalau kita lihat kita mempunyai satu keuntungan di mana jarak untuk pemasangan paip dan bila jarak pemasangan paip yang pendek berbanding dengan negeri-negeri lain. Bermakna *maintenance cost* lebih rendah dari negeri-negeri lain.

Kalau kita mengekalkan satu *standard rate* yang lebih rendah. Saya tak terlalu mempertikaikan tentang harga 1 liter, yang saya timbulkan dalam isu ini dalam isu surc妖 dan bukan harga 1 liter air yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kalau dah rakyat boleh terima itu terpulang. Tapi yang rakyat buni bising ini ialah berkenaan dengan surc妖. Jadi surc妖 bergantung kepada keputusan Kerajaan Negeri dan bukan sangat bergantung kepada *maintenance cost*. Sekarang saya nak pergi kepada isu kedua.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Macam ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Cukup, cukup, saya hendak pergi ke isu yang kedua.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Nak lari, lari, nak lari takut?...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya lari dari tajuk ini, nak pergi ke tajuk lain pula.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Takutlah, takut. Bagi jawablah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Terpulang, nak kata takut, tak takut, terpulang tapi saya akan pergi kepada isu kedua Dato' Speaker iaitulah berkenaan dengan satu isu yang telah dibangkitkan, yang ini rakyat kita yang tinggal di kawasan Desa Pinang atau Lebuh Sungai Pinang yang berhampiran dengan Lebuh Raya Jelutong *Expressway* satu aduan telah dibuat kepada MPPP di Bahagian Bangunan kemudian Bahagian Bangunan tolak kepada bahagian

dalam MPPP juga, itulah aduan berkenaan dengan menjadikan unit ataupun premis rumah di Blok 1 dan 3 di Desa Pinang sebagai Rumah Ibadat ataupun berhala.

Jadi kita mendapat aduan ini daripada rakyat Unit 1-01-19, Unit 1-10-08, dan Unit 3-11-20, tiga-tiga unit ini telah pun dijadikan rumah berhala secara, kita tak tahu rasminya atau tidak. Tetapi pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, pihak Majlis Perbandaran tidak mengambil apa-apa yang wajar. Sama ada menempatkan semula rumah-rumah berhala ini tempat-tempat di premis-premis lain atau tidak yang boleh premis rumah dijadikan Rumah Berhala.

Jadi dengan fakta yang saya rujuk tadi saya mintalah penjelasan daripada MPPP dan JPBD adakah perkara ini dibolehkan dari segi undang-undang ataupun tidak dibolehkan dan adakah perkara ini juga mengambil kira tentang sensitiviti rakyat pelbagai kaum yang ada di situ? Dan adakah perancangan-perancangan lain yang dibuat untuk menempatkan Rumah-rumah Ibadat ini secara teratur dan selesa di kawasan-kawasan yang dimaksudkan tadi?

Jadi ingin saya mohon penjelasan. Kemudian yang seterusnya saya nak mendapatkan juga penjelasan daripada ahli yang memegang portfolio Belia dan Sukan ini. Kita lihat prestasi SUKMA sejak Kerajaan Negeri sekarang pegang agak menurun dan kita minta kalau boleh diberi sedikit penjelasan adakah kos pembiayaan yang diberikan tak cukup? Adakah latihan tak cukup? Adakah fokus tidak diberikan kepada prestasi SUKMA? Atau apa juga alasan. Jadi kita nak tahu lah sebagai rakyat saya nak tahu. Kemudian yang kedua apa perancangan jangka masa panjang Majlis Sukan Negeri atlit dan sukan di Negeri Pulau Pinang, kemudian secara kalau kita lihat pula tiada langsung pembangunan sukan di daerah walaupun Majlis Sukan Daerah telah diwujudkan. Jadi sukan-sukan ini di peringkat daerah nampaknya macam dah hilang, malap tak tahu di mana. Tak tahu bila dibuat, tak ada *promotion*. Mungkin ada tapi tak ada *promotion* dan tak ada penglibatan yang menyeluruh terhadap sukan di ambil kira oleh Kerajaan Negeri sekarang.

Satu lagi saya juga nak dapatkan penjelasan dalam Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan beberapa perkaralah yang terangkum di bawah CAT ini. CAT ini kita faham dia lebih kepada mempertegapkan kredibiliti dan integriti Kerajaan Negeri, tetapi saya nak mendapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sudah adakah pengisytiharan aset oleh semua wakil rakyat DAP masa itu ataupun wakil rakyat di bawah Kerajaan Negeri sebagaimana yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri satu ketika dulu, di mana semua Ahli-ahli Wakil Rakyat Kerajaan Negeri diminta mengisytiharkan asetnya, jadi saya nak mendapatkan satu makluman kalau ya, bila? Adakah semua ahli-ahlinya telah membuat pengisytiharan itu?

Dalam manifesto janji Pakatan Rakyat PRU Kedua Belas, dulu ini sebab Pakatan Rakyat, masa ini bukan Kerajaan Negeri lagi jadi dia dah jadi Kerajaan Negeri dia patut melaksanakan manifestonya iaitu menghapuskan. Saya difahamkan salah satu manifestonya menghapuskan bayaran parkir dan *parking* kereta pada hari Sabtu dan hari ahad. Tapi yang kita tengok sekarang ini bayaran *parking* ini dahlah sepanjang 7 hari tambahlah sampai pula 12 malam. Dulu *parking*, kalau saya salah tolong betulkan dulu hanya sampai pukul 5 hingga 6 petang sahaja. Tapi sekarang sampai 12.00 malam. Saya ada gambar dan bukti yang menunjukkan notis itu. Jadi ini sudah dah reverse dah berlawanan dengan manifesto yang dijanjikan kepada rakyat tersebut. Jadi minta penjelasan daripada pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Satu lagi ialah bonus RM6,000 setahun kepada keluarga miskin yang berpendapatan di bawah RM6,000, jadi adakah manifesto ini juga telah dilaksanakan? Kerana manifesto ini tidak perlu kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan, jadi janganlah beritahu kata ini Kerajaan Persekutuan tak benarkan. Yang ini di bawah Kerajaan Negeri tak ada masalah kalau Kerajaan Negeri nak laksanakan manifesto tersebut. Tetapi

belum lagi dilaksanakan maka kita lihat seolah-olah Cekap, Akauntabiliti, Telus macam tak berapa betul.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Ahli Berhormat Permatang Berangan saya rasa ini ada sedikit kekeliruan di mana kita ada dua (2) manifesto untuk Negeri Pulau Pinang satu lagi yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan, jadi apa yang terkandung manifesto kebangsaan ini adalah janji-janji yang dilaksanakan jikalau kita diberi mandat di peringkat Persekutuan saya harap awak boleh membetulkannya.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Terima kasih daripada Y.B. Komtar. Jadi yang RM6,000 itu manifesto Negeri ke atau Kebangsaan.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Kebangsaan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Tak apa. Satu lagi ialah berkenaan dengan ini pun nak dapat penjelasan, sebab ini aduan daripada rakyat Dewan yang mulia ini tempat yang baik untuk mendapatkan penjelasan cadangan untuk *Penang SPICE*. Adakah cadangan untuk membina atau mewujudkan *Penang SPICE* telah pun mendapat ataupun mengambil kira *Report EIA* yang berkenaan dengan aliran trafik dan juga banjir bagi kawasan Relau? Jadi ada Laporan EIA telah dibuat, saya mohon dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini dan selain daripada itu juga saya nak faham nak juga difahamkan bahawa adakah ada syarikat yang akan membina *SPICE* ini ialah Eco Meridian Sdn. Bhd. Itu soalan saya. Adakah syarikat itu?

Yang kedua kalau ya syarikat itu, adakah syarikat yang diasaskan kepada syarikat Dua Ringgit, jadi kalau ya katakan ialah, kalau tidak sila jelaskanlah. Saya bergantung dengan jawapan yang akan diberikan dan pada saya kalau jawapan ini tidak benar itu adalah satu yang baik. Tapi kalau jawapan yang benar sebagaimana yang dikemukakan kepada kita, saya rasa ini adalah perkara yang amat malang dan amat mengecewakan kitalah.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker seterusnya dalam perbahasan ini, saya juga ingin menyentuh tentang pendirian PAS sebagai salah satu daripada komponen Kerajaan Negeri sekarang. Kalau kita lihat Kerajaan Negeri Kelantan, telah bercadang, menyebutkan bahawa mereka akan mengharamkan judi, bagi Negeri Kelantan, jadi bagi Negeri Pulau Pinang saya dah dapat jawapan daripada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow bahawa Kerajaan Negeri tidak berhasrat mengharamkan sebarang bentuk perjudian di Pulau Pinang. Kita terimalah jawapan ini dan ini adalah satu jawapan yang cukup ikhlas daripada Kerajaan Negeri. Cuma saya nak tanya pendirian PAS macam mana pula? Adakah ia selari mengikut pendirian Mursyidul Am PAS di Kelantan ataupun tidak? Ataupun saya nak tanya nanti kalau dapat dijelaskan apa bentuk persefahaman yang telah pun dibuat oleh wakil PAS dengan Kerajaan Negeri.

Seterusnya satu lagi ialah berkenaan dengan kebenaran untuk menutup Lorong Baru di Jalan Macalister bermula jam 4.00 petang sehingga 12.00 malam. Jadi dalam hal ini saya ingin menarik Ahli-ahli Dewan sekalian bahawa Lorong Baru di Jalan Macalister adalah lorong dua hala, yang mempunyai garisan putih tengah dia dan lorong ini menghubungkan Jalan Datok Keramat dengan Jalan Macalister dan di tengah-tengahnya ada Hotel Sunway. Saya terkejut apabila saya mendapati bahawa jalan itu

ditutup pada jam 4.00 petang sehingga 12.00 malam hanya kerana untuk memberikan kebenaran kepada penjaja-penjaja makanan menjaja di atas jalan tersebut dan

kenderaan-kenderaan lain bila sudah ditutup ada lambang *no entry* dan ada notis pula, jadi perkara ini menyebabkan kenderaan lain tidak boleh menggunakan jalan tersebut dan apatah lagi bagi pengguna-pengguna yang penghuni atau pelanggan-pelanggan yang menghuni Hotel Sunway di lorong yang berkenaan. Jadi apa yang rasionalnya jalan itu ditutup pada jam 4.00 hingga 12.00 malam jawapannya adalah untuk memberi kebenaran ataupun ruang peluang kepada peniaga-peniaga. Kenapa di Lorong Baru itu disediakan *facilitate* Kerajaan Negeri *facilitate* ....(dengan izin), sampai begitu hebat sekali sehingga jalan yang digunakan oleh orang ramai pun kita boleh tutup daripada 4.00 petang hingga 12.00 malam dan orang boleh bebas bermiaga makanan semua di situ, sedangkan jalan itu bukan jalan tumpuan pelancong, kalau dia di kawasan Gurney Drive kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong boleh tahanlah, kita boleh *accept*, tapi ini jalan laluan dan dia terletak dalam bandar dan jauh daripada KOMTAR dia tidak ada apa-apa, kalau berjalan kaki jauh, dekat satu kilometer, bawa kereta hendak *parking*, dekat mana tolong tunjuk, tolong cerita pada saya dekat mana hendak *parking*. Jalan Macalister itu jalan yang sibuk, wisma sentral dekat mana dengan lorong itu, sekarang bukan masalah laluan, masalahnya ialah kenapa bagi *certain cases* ....(dengan izin), setengah-setengah keadaan, kita boleh sampai tutup jalan bagi ruang orang bermiaga tetapi dalam hal-hal lain, dalam beberapa keadaan lain ada peniaga-peniaga kita yang tidak di *facilitate* sampai macam itu saya tidak kata peniaga.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan-peraturan 46(xvii) perkataan-perkataan yang harus akan menimbulkan berniat jahat dan perasaan bermusuhan di antara kaum-kaum berasingan di Negara Persekutuan, saya sudah beri peraturan biar saya jelaskan. Adakah Y.B. Permatang Berangan sengaja membangkitkan hal ini kerana semua peniaga-peniaga di situ adalah berbangsa Cina.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya tidak pernah sebut, Y.B. Dato' Speaker, saya minta dia Y.B. Seri Delima tarik balik, saya tidak pernah sebut nama bangsa apakah nama di situ ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itu adalah satu tuduhan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Itu atas isu lain. Itu andaian dia.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli Yang Berhormat duduklah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Itulah tujuan asal dia.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kita semua tahu peniaga-peniaga di situ berbangsa Cina.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Dia yang mewujudkan perkauman, saya tak sentuh pun....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dua-dua Ahli Yang Berhormat sila duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ini fikiran UMNO. Ini perkauman. *Racist*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)**

*You racist.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*You are racist.*

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya mungkin terpaksa keluarkan kedua-dua Yang Berhormat kalau terus menjerit begini. Saya *rule*, pertama Permatang Berangan teruskan, tidak ada pun yang disebutkan tentang.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Minta maaf.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, saya menyentuh tentang pentadbiran, saya tidak menyentuh tentang bangsa, saya hendak nyatakan di sini bahawa saya hendak minta Kerajaan Negeri sekarang mengambil langkah *facilitate*, bukan mengambil tindakan, kalau boleh kalau contoh di situ kita boleh *facilitate*, kita boleh sediakan ruang tempat dan kawasan *facilitate*, begitu juga dengan tempat-tempat lain. Ini 43 gerai di Batu Ferringhi diroboh ini bukan pemilik Melayu jadi ini jangan kata saya *racist* okey, saya membawa ini semua, yang ini kes orang Melayu, ini kes orang Cina.

Yang saya maksudkan sekarang ialah pentadbiran, lain kali dengar habis-habis dahulu, jangan melenting cepat sangat, jadi dari segi pentadbiran *why not*, kenapa tidak Kerajaan Negeri mengambil inisiatif atau PBT mengambil inisiatif melihat sesuatu masalah yang berlaku sekarang masalah penjaja, mereka hendak mencari nafkah, kita kata negeri kita ini makmur, mereka berfikir macam mana hendak cari sesuap nasi untuk anak mereka, macam mana hendak bayar bil air, macam mana hendak bayar surc妖, mereka kena fakir dan mereka terpaksa mencari ruang ada nampak ruang, oh di sini, aku boleh cari makan biarkan cuba dulu, kemudian jika didapati benda itu bersalah dengan peraturan, kalau bersalah dengan peraturan sebagai kerajaan yang baik kenapa tidak, kita kata okey, tidak apa berapa orang yang hendak bermiaga di sini semua *okay we try facilitate*, kalau jalan boleh ditutup takkan kita hendak buat *pedestrian lane*. Apakah di mana tempat-tempat lain supaya ada orang boleh bermiaga?

Kita sudah berjalan rata negara, negeri tengok macam mana mereka orang buat, kenapa kita tidak cuba yang in dan rakyat akan *happy* rakyat akan seronok ok kami ada peluang, ada peluang *with guard and with facilitate* ..(dengan izin), bukan dengan cara kita mengambil tindakan, kecuali perkara itu sudah memang tidak ada jalan lain dan segala pintu rundingan telah pun dilalui, tetapi tidak ada penyelesaian lain melainkan yang terakhir ialah menguatkuasakan undang-undang itu saya tidak kata apalah itu sudah memang *rule* dia, tetapi jalan-jalan rundingan yang lain perlu ada kerana saya mendengar dan membaca dalam berita-berita bahawa selalu aduan-aduan penjaja-penjaja menerima nasib tempat-tempat mereka dirobohkan ini, di antara mereka mengadu ialah kita lihat perbincangan *incomplete*, perbincangan tidak selesai, perbincangan separuh jalan, tindakan diambil tanpa rundingan, kebanyakannya mengadu begitu jadi ini satu imej yang tidak baik dalam menunjukkan dan *delivery system* Kerajaan Negeri. Jadi saya mengharapkan sebagai rakyat agar tindakan-tindakan yang lebih harmoni dapat diambil untuk kebaikan semua rakyat Pulau Pinang tidak kira apa jua bangsa kesemua mereka perlu mendapat *ride* dan hak untuk hidup dengan selesa, jadi Y.B. Dato' Speaker saya dengan ini mohon menyokong, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sesi perbahasan pun telah tamat, sesi penggulungan akan kita mulakan pada jam 2.00 petang. Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.00 petang.

***Dewan ditangguhkan jam 12.00 tengah hari.***

***Dewan bersambung semula pada jam 2.00 petang.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sidang bersambung semula untuk sesi penggulungan. Silakan Ahli Kawasan Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan berkaitan isu-isu belia dan sukan, wanita, keluarga dan komuniti yang dibangkitkan semasa perbahasan ucapan terima kasih kepada Tun Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang di atas pelantikan semula beliau sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita saya ingin menjawab soalan tambahan daripada Y.B. Datok Keramat berkaitan isu prestasi pasukan bola sepak Pulau Pinang

yang kurang memuaskan sejak kebelakangan ini. Sebagai maklumat pengurusan FAP terletak di bawah bidang kuasa Persatuan itu sendiri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa membantu FAP sebagai usaha meningkatkan semula prestasi pasukan bola sepak. Antara bantuan yang telah disalurkan ialah membenarkan pihak FAP menggunakan kemudahan gimnasium dan mendapatkan khidmat jurulatih kecergasan di bawah MSNPP. Kerajaan Negeri juga menggalakkan jurulatih-jurulatih FAP mengikut skim pensijilan kejurulatihan kebangsaan tahap 1 dan 2 yang dikendalikan oleh MSNPP untuk meningkatkan kualiti kejurulatihan dari segi sains sukan. MSNPP pula sentiasa membantu serta melaksanakan program penyediaan atlit pada setiap kejohanan Sukan Malaysia termasuk pasukan bola sepak. Pemain-pemain yang berpotensi di peringkat Sukan Malaysia akan diserapkan ke dalam pasukan bola sepak negeri.

Untuk membantu pihak FAP dari segi kewangan pula, penyewaan Stadium Negeri Batu Kawan Pulau Pinang dikenakan dengan kadar yang minima iaitu untuk setiap perlawanan iaitu pada kadar RM825.00 untuk penggunaan stadium pada waktu petang dan RM3,000.00 untuk penggunaan pada waktu malam. Di sini saya berharap kepada sesiapa yang memegang jawatan tinggi dalam persatuan-persatuan sukan di Negeri Pulau Pinang ini mestilah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan menjalankan tindakan dengan proaktif untuk memartabatkan persatuan masing-masing.

Kerajaan Negeri melalui MMK Belia dan Sukan, menekankan Dasar Pembangunan Sukan dan Belia yang berteraskan “*Healthy Active Lifestyle Towards Harmonious Community*” ....(dengan izin). Melalui dasar ini boleh dilihat bahawa usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan “*Carbon Footprint*”...(dengan izin), amatlah berjaya dengan kejayaan perlaksanaan pelbagai program berbasikal bermula daripada bulan Disember 2008. Untuk sukan berbentuk *Participatif*, masyarakat Pulau Pinang kini mula melibatkan diri dengan aktif sukan berbasikal yang sihat melalui pelbagai program-program berbasikal yang dilaksanakan sepanjang tahun. Salah satu program yang berjaya mendapat sambutan yang memberangsangkan adalah *Malakoff Interstate Fellowship Ride* yang membolehkan penunggang basikal merentasi 3 buah negeri di Utara Semenanjung Malaysia iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Minta laluan, minta lalu. *Very just short one.* Tadi saya ada mendengar Yang Berhormat ada menyentuh tentang bola sepak tetapi begitu singkat, FAP. Saya telah membangkitkan isu ini dan rakan saya juga ada membangkitkan isu ini berkenaan dengan tercorotnya atau pun kemerosotan prestasi pasukan bola sepak Pulau Pinang. Sama ada, ada apa-apa langkah yang boleh di ambil untuk mengatasi masalah ini. So, itu soalan kita. Dan *of course*, peranan Presiden FAP yang sekarang wujud itu yang menyebabkan kemerosotan prestasi pasukan bola sepak kita. Dan sama ada yang penting itu sekiranya menjadi masalah kepada prestasi pasukan bola sepak kita, sama ada Kerajaan Negeri boleh mengambil keputusan sama ada untuk menukar atau pun menggantikan presiden baru supaya dapat kita harapkan prestasi pasukan kita itu dapat meningkat.

#### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Datok Keramat. Pendirian Majlis Sukan Negeri (MSNPP) ialah *work above politic*. Kita selalu menjalankan tugas MSNPP dengan *neutral*, sebab kita hanya melibatkan diri dengan persatuan apabila adanya Sukan Malaysia. Persatuan-persatuan sukan di Negeri Pulau Pinang, adalah dijalankan oleh *board-board* mereka dan ahli-ahli mereka. Dan kalau mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan bagus, saya minta Ahli-ahli Sukan Persatuan itu memilih

seseorang yang cukup kualiti yang dapat menjalankan tugas yang bagus untuk

menaiktarafkan sukan mereka. Dan di sini selalu saya cakap, di arena membangunkan sukan sila jangan mencampuradukkan politik di dalam pembangunan sukan. Kalau semua orang nak cakap politik dengan bidang sukan atau belia tidak dapat kita menaik taraf kualiti sukan kita.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Adakah Yang Berhormat nak menyatakan bahawa Presiden FAP sekarang itu memainkan politik atau mempolitikkan tugasnya sehingga mengakibatkan kemerosotan Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Semenjak saya menanggung jawatan EXCO Belia Dan Sukan dan Pengerusi MSNPP, prestasi FAP sudah menurun. Sebab-sebabnya banyak, kadang-kadang mereka cakap tak ada kewangan, tak ada *support* dari *state*, tetapi apa yang kita boleh buat tu kita dah bagi. Bantuan dari Kerajaan Negeri melalui MSNPP, yang boleh kita bagi kita sudah bagi, yang pentingnya semua ahli-ahli di persatuan itu mesti bekerjasama, berikhtiar macam mana mahu menaiktarafkan persatuan mereka sendiri. Bukan sahaja FAP malah bola keranjang kah, bola jaring, sebab kita ada 33 Persatuan Sukan di bawah Majlis Sukan Negeri.

Peruntukan saya dari *State*, sudah 3 tahun berturut-turut saya bercakap, saya minta tambahan sebab kita kena menjaga semua persatuan. Saya ingin melihat prestasi sukan di Pulau Pinang meningkat. So saya berharap Datok Keramat boleh faham .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Biarkan saya habis dulu Y.B. Sungai Dua. Sebagai EXCO Belia dan Sukan 3 tahun lalu, saya memang rajin dan bertungkus-lumus bekerjasama dengan Majlis Sukan Negeri, semua Pengarah dan pekerja-pekerja MSN kita selalu bersedia membantu sesiapa yang memerlukan bantuan dari MSN. Kita bekerja secara *neutral* dan tidak berpihak kepada sesiapa. Yang penting sekali sesiapa yang ingin membantu Majlis Sukan Negeri untuk menaikkan prestasi sukan, kita akan bekerjasama.

Saya berharap pihak Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat dalam konsep saya, saya harap dapat bantuan daripada kedua-dua pihak sama ada dari segi *man power* atau kewangan, kerana dari tahun 2008 selepas PR mengambil alih kerajaan ini, Jabatan Belia dan Sukan tidak memberi satu sen pun bantuan kepada saya, walaupun di dalam Dewan Rakyat, Y.A.B. Ketua Menteri pernah bertanya satu soalan kepada Menteri Belia dan Sukan iaitu berapa peruntukan yang disalur dari Pusat kepada Pulau Pinang di bawah sukan. Untuk tempoh 2005 hingga 2011 ada RM8,389,250.56, tetapi sehingga hari ini, sudah tiga tahun dah, kita di Negeri Pulau Pinang tidak mendapat satu sen pun.

Dan saya hanya menjalankan tugas saya dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri sahaja dan memang sukar bagi saya untuk menaikkan prestasi sukan

di Negeri Pulau Pinang dengan peruntukan yang tidak begitu mencukupi dan tiada bantuan daripada Kerajaan Pusat. Saya ingin sambungkan soalan saya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, sikit.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Dato' Speaker, masa saya berapa panjang? Sebab answers saya masih banyak.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya cuma minta penjelasan lebih lanjut tentang berapa perkara. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ADUN Berapit yang telah menyatakan bahawa kita jangan mencampuradukkan politik dalam persatuan belia dan sukan. Ini adalah satu perkara yang baik dan kita sokong. Cuma saya minta supaya kalau boleh Kerajaan Negeri mempertimbangkan bagaimana cara dan kaedah untuk membantu FAP supaya persatuan ini dapat menaikkan kembali imej, mereka terutama mungkin dari segi masalah kewangan, mungkin Pulau Pinang dapat memberi peruntukan lebih.

Kedua, saya tidak setuju kalau kata Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mendapat peruntukan dari Kerajaan Pusat tentang permohonan Belia dan Sukan. Seperti mana Yang Berhormat kata tadi, ada RM8,389,250.56 yang telah dibelanjakan, memang telah dibelanjakan, saya ingat kemungkinan diberi terus kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri untuk menguruskan kewangan ini, ianya tidak diberi kepada Kerajaan Negeri, sejak dulu pun tidak diberi kepada Kerajaan Negeri, dia bagi melalui Jabatan Belia, dengan ini kena betulkan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Boleh saya tambah sikit, berkenaan FAP. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, adakah pihak Yang Berhormat tahu tentang pengendalian dan juga pentadbiran FAP. Adakah mereka tidak menyalah gunakan peruntukan wang yang mereka dapat selama ini? Kerana untuk meminta Kerajaan Negeri atau mana-mana badan membantu FAP kita mesti melihat ketelusan pentadbiran FAP. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. Batu Maung dan Sungai Dua. Kalau ada peruntukan dari Kerajaan Negeri kepada persatuan-persatuan, mereka mesti mengemukakan akaun kepada State. Di sini saya ingin menyatakan, ini adalah berita yang lama, kalau FAP mengatakan prestasi mereka menurun kerana tidak pandai menguruskan persatuan mereka sendiri dalam aspek kewangan atau *training* atau menganaktirikan mereka. Kita pernah mencadangkan supaya kita mula dari *basic*, atlet-atlet negeri sukan *through our Majlis Sukan Negeri dan Sukan Malaysia*, dari sana baru kita mencungkil bakat-bakat baru yang handal-handal untuk bermain bola sepak menjadi FAP.

*So this is sorry Y.B. Dato' Speaker, I have to speak English.* Ini adalah cara yang paling tepat untuk mengembalikan kecemerlangan bola sepak di Negeri Pulau Pinang sebab perkara ini sudah lama berlarutan dan banyak perkara-perkara serta cerita-cerita lama dan buruk. Saya harap kalau boleh kita mula dengan pasukan bola sepak negeri, *team* negeri yang baru dan berpotensi, bakat yang bagus dan pelapis-pelapis atlet yang baru.

Saya ingin menyambungkan jawapan saya kepada perbahasan. Untuk mengurangkan *Carbon Footprint* yang dilaksanakan dan juga pengenalan kepada Penang Kalender of Events. Ini adalah program-program yang dibuat di bawah Belia dan Sukan untuk memberi peluang kepada rakyat Pulau Pinang untuk hidup dengan kehidupan yang sihat dan aktif setiap masa. Ini adalah polisi untuk belia dan sukan untuk mewujudkan sesebuah masyarakat dalam negeri untuk hidup secara *healthy and active lifestyle*,....(dengan izin), Dato' Speaker. Bagi peruntukan dari Kerajaan Pusat itu, kalau boleh sila Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur untuk menolong kita menaikkan taraf gelanggang hoki di Bertam dan juga akuatik *dry gym* sebab kedua-dua *facilities* ini yang kurang di Pulau Pinang untuk menaikkan taraf sukan di Pulau Pinang.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Bertam kerana memberi cadangan yang positif kepada saya untuk pembangunan belia. Saya akan memberi senarai aktiviti yang dikelolakan di bawah Majlis Belia Negeri Pulau Pinang terutamanya di kawasan SPU kepada Yang Berhormat untuk diuar-uarkan kepada belia di kawasan Yang Berhormat. Bagi memantapkan pembangunan belia di negeri ini, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan kita bekerjasama dengan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang selama 3 tahun ini untuk membantu MBNPP yang terdiri dari pertubuhan belia, 23 buah badan gabungan ini.

Peruntukan Kerajaan Negeri kepada MBNPP ialah sebanyak RM150,000.00 dari tahun 2008 dan dinaikkan kepada RM300,000.00 mulai tahun 2010 sehingga kini. Dengan peruntukan ini, MBNPP dapat menjalankan program-program mereka di negeri kita. Antaranya program belia yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pertubuhan Belia ialah Karnival Hari Belia dan kini dinamakan sebagai Meriah Belia dan dilangsungkan pada 1hb. Mei yang lalu di AutoCity. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Seberang Jaya yang telah datang meraikan Hari Belia yang bertajuk Meriah Belia pada 1hb. Mei di Auto City. Ini adalah satu suasana yang bagus di mana saya ingin memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini.

Kerjasama dengan NGO-NGO adalah penting untuk memajukan prestasi dan program-program belia dan meningkatkan belia-belia kita di Pulau Pinang ini. Kerajaan Negeri turut memberi penekanan yang seimbang untuk menggalakkan pembangunan belia melalui sukan berbentuk *participative sport*. Kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri adalah melalui pengajuran kejohanan sukan bertaraf antarabangsa yang dinyatakan di dalam *calendar of events* pada 2010 dan 2011. Kejohanan antarabangsa yang kita pernah langsungkan ialah Kejohanan Angkat Berat Junior Commonwealth dan pada tahun lepas Kejohanan Angkat Berat Grand Prix dan sekarang ini, pada bulan Jun akan berlangsung World Junior Weightlifting Championship yang akan disertai oleh lebih daripada 60 negara akan datang ke Pulau Pinang. Pada bulan April yang lepas, kita telah menjalankan 16th Asean Individuals Squash Championship 2011 di Nicol David International Squash Centre Pulau Pinang. Ini ialah untuk menaikkan taraf sukan di antarabangsa dan juga meningkatkan *sports tourism* di Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, bagi menjawab soalan tambahan Y.B. Tanjong Bungah, berkenaan hak golongan *transgender*, Kerajaan Negeri berterima kasih dan berasa bangga atas usaha Yang Berhormat yang prihatin terhadap alam sekitar dan hak-hak asasi manusia dari segi kesaksamaan gender. Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan kerajaan berjiwa rakyat dan sentiasa memperjuangkan dasar-dasar kesaksamaan gender. Kerajaan negeri tidak mengabaikan kebijakan mana-mana golongan jantina, kaum atau individu. Kerajaan Negeri juga sentiasa mempertahankan hak setiap individu yang tergolong dalam jantina yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan tanpa mengira sama ada dari golongan majoriti atau minoriti. Justeru Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa setiap penduduk di negeri ini tidak akan di pinggir dari arus pembangunan dan bebas menjalani kehidupan masing-masing selagi

ianya tidak bertentangan dengan undang-undang dan budaya murni masyarakat di negara ini.

Berkenaan dengan aspek pembangunan golongan wanita sumbangan serta peranan wanita sebenarnya memang dititik beratkan oleh Kerajaan Negeri, malahan MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Komuniti Negeri Pulau Pinang melalui dasar-dasar yang dipegang amat menjurus kepada membela nasib wanita terutamanya ibu tunggal dan meningkatkan taraf wanita di Negeri Pulau Pinang serta menyokong kaum wanita untuk terus berkerjaya serta mencapai kegemilangan dalam profesional yang diceburi. Ini terbukti dengan pelantikan Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan yang merupakan golongan wanita yang telah menunjukkan kegemilangan wanita serta dedikasi yang padu dalam bidang yang diceburi. Tahniah dan syabas kepada kedua-dua YDP ini dan Pegawai Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

Semenjak tahun 2008 saya tidak pernah menerima apa-apa bantuan daripada Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti yang di bawah agensi Kerajaan Pusat. Saya perlu bekerjasama dengan semua NGO-NGO wanita di Pulau Pinang dan mereka menjadi ahli-ahli Jawatankuasa di bawah MMK Belia dan Sukan. Memandangkan tanpa adanya bantuan dari Kerajaan Pusat ini, Kerajaan Negeri berjaya menubuhkan Persatuan Untuk Tadbir Urus baik dan Kesaksamaan Gender Pulau Pinang iaitu 3Gs dengan kerjasama NGO-NGO wanita seperti KANITA, WCC, JAMAAH ISLAH MALAYSIA, NCWO, YWCA dan seterusnya untuk bersama di bawah Jawatankuasa MMK Wanita, Keluarga dan Komuniti bagi melaksanakan dasar-dasar kesaksamaan gender dalam isu-isu rumah tangga, kerjaya, sosial dan sebagainya yang seterusnya akan diterapkan ke dalam program-program yang dilaksanakan.

Sebagai langkah memperkasakan golongan hawa, Kerajaan Negeri melalui 3Gs, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Gender Mainstreaming Justice For All untuk menunjukkan *blueprint* pembangunan wanita sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri pada bulan Ogos tahun lepas. 3Gs juga telah mengadakan General Responsive Budgetting Workshop pada 21hb. Hingga 23hb. Februari 2011 yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan agar perspektif gender diambil perhatian serius oleh kerajaan di dalam perancangan pembangunan dan peruntukan sumber kewangan. Program ini akan diadakan buat kali kedua pada bulan Jun 2011.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MPSP kerana sudah menyerap Gender Responsive Budgetting Workshop ini di bawah MPSP. Untuk membantu golongan ibu tunggal dan wanita dari keluarga miskin, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC dan Pusat Penyelidik Wanita (KANITA), Universiti Sains Malaysia telah menyediakan Tabung Titian Saksama Rakyat yang memberi pinjaman perniagaan kecil. Ini bermakna selain usaha memastikan peluang pekerjaan terbuka untuk wanita Kerajaan Negeri juga membela nasib wanita yang menyara kehidupan mereka melalui perniagaan kecil. Merujuk kepada soalan Y.B. Telok Air Tawar.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid).**

Penjelasan, sebelum pergi ke tajuk lain, tadi Yang Berhormat menyebut Tabung Titian Saksama Rakyat, boleh diterangkan berapakah jumlah dana untuk tabung ini dan di mana ianya diperolehi dan bagaimana ia diagihkan.

#### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi).**

Y.B. Telok Ayer Tawar, saya akan memberi kesemua secara *detail* dengan mendapat semua maklumat daripada PDC, mereka kalau tidak salah, sedekat RM2 juta

disalurkan untuk Tabung Titian Saksama Rakyat ini. Saya akan berikan secara bertulis semua *detail-detail* mengenai tabung titian saksama ini kepada Y.B. Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Maaf ya, Yang Berhormat, masih belum jelas. Tabung Titian Saksama Rakyat ini maknanya dalam pengetahuan saya, ianya umum untuk semua dan mungkin ada amaan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Amaun untuk ibu tunggal dan wanita itu ada?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Ya, jadi itu yang saya hendak tahu.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Ya, saya akan berikan secara detil kepada Y.B. Telok Ayer Tawar. Terima kasih. Berkenaan dengan peruntukan yang disalurkan untuk perlaksanaan dan penganjuran program-program di bawah MMK Pembangunan Wanita, jumlah sebanyak RM800,000.00 yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri digunakan untuk tujuan pembangunan keluarga dan wanita komuniti di Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh. Peruntukan ini bukan sahaja digunakan untuk menguruskan operasi dan pembayaran gaji tenaga kerja di pusat kanak-kanak tetapi juga digunakan untuk membiayai pelbagai program-program yang dianjurkan sepanjang tahun bersama dengan NGO-NGO wanita di negeri ini.

Peruntukan tersebut turut disalurkan untuk membiayai perbelanjaan untuk menguruskan Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai yang diusahakan bersama dengan WCC sebanyak RM150,000.00 setahun dan peruntukan untuk persatuan tadbir urus dan kesaksamaan gender iaitu 3Gs sebanyak RM200,000.00 setahun. Ia juga meliputi pelbagai program-program kewanitaan dan kekeluargaan yang dianjurkan sepanjang tahun bersama NGO-NGO wanita di Negeri Pulau Pinang.

Hasil daripada peruntukan yang diperolehi ini, kerajaan telah berjaya menubuhkan dua pusat jagaan kanak-kanak iaitu di Daerah Timur Laut di Bangunan Balai Rakyat Padang Tembak, Air Itam dan juga Pusat Jagaan Kanak-kanak Daerah Seberang Perai Tengah di Taman Serumpun, Berapit, Bukit Mertajam. Pusat jagaan kanak-kanak ini tidak berfungsi sebagai sebuah tadika, ia sebenarnya merupakan sebuah pusat asuhan yang didirikan untuk menjaga kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun iaitu darjah satu hingga darjah 6. Yuran minimum yang dikenakan adalah sebanyak RM50.00 sebulan dan bagi ibu-ibu tunggal ataupun keluarga yang tidak berkemampuan kerajaan akan memberi pengecualian bayaran dan tertakluk kepada *case to case basis* ... (dengan izin).

Pusat jagaan ini berfungsi sebagai sebuah pusat asuhan yang membantu ibu-ibu tunggal yang bekerja dan penyediaan pusat asuhan yang dapat menjaga anak-anak mereka semasa para ibu keluar mencari nafkah atau bekerja. Kewujudan tadika-tadika seperti Kemas atau Tadika Perpaduan yang menawarkan yuran yang rendah sememangnya amat dialu-alukan, malahan saya merasakan suka hati melihat Kerajaan Persekutuan dapat mewujudkan institusi pra-sekolah yang membantu golongan wanita di Malaysia ini dan ini adalah tanggungjawab sesebuah kerajaan kepada rakyatnya.

Penubuhan Pusat Jagaan Kanak-kanak di bawah MMK Pembangunan Wanita ini tidak mengambil alih fungsi Tadika Kemas ataupun Tadika Perpaduan, sebaliknya fungsi pusat jagaan kanak-kanak ini adalah berbeza dan merupakan penambah baikkan untuk membantu golongan masyarakat terutamanya golongan ibu tunggal dan keluarga yang berpendapatan rendah.

Y.B. Dato' Speaker, penubuhan pusat perkhidmatan wanita di Seberang Perai adalah hasil kerjasama yang dijalin oleh Kerajaan Negeri bersama dengan Women Center for Change (WCC) untuk membantu wanita-wanita yang memerlukan bantuan baik dari segi kaunseling, khidmat nasihat, perundangan ataupun perlindungan penempatan. Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Pulau Pinang di bawah MMK Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti saya bekerja secara bersama *hand in hand* ... (dengan izin), dengan semua NGO-NGO wanita. Persatuan-persatuan wanita ini telah bersama dengan saya sebagai pergerakan pembangunan wanita di Negeri Pulau Pinang.

Mereka adalah ahli-ahli di dalam Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, untuk bersama dengan saya untuk merancang dan melaksanakan pembangunan yang difikirkan sesuai dan perlu untuk golongan wanita keluarga dan komuniti di Negeri Pulau Pinang dan di sini saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua golongan NGO-NGO wanita di Negeri Pulau Pinang memberi bantuan kepada saya selama tiga tahun ini, malahan pintu ini turut dibukakan kepada Y.B. Bertam dan juga Y.B. Telok Ayer Tawar untuk bersama merancang pembangunan wanita secara bersama. Saya amat mengalaukan pendapat serta cadangan daripada semua pihak termasuk perancangan-perancangan yang melibatkan peruntukkan Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat demi memartabatkan pembangunan golongan wanita di Negeri Pulau Pinang ini.

Melihatkan kepada kekurangan kemudahan mengeratkan dan tenaga manusia yang mencukupi untuk melaksanakan program pembangunan wanita dan keluarga secara besar-besaran dan menyeluruh di seluruh Negeri Pulau Pinang, MMK Pembangunan Wanita tidak pernah berputus asa atau putus harapan, sebaliknya Kerajaan Negeri mengambil iktibar untuk membentuk lagi sebuah kesejahteraan serta memupuk sefahaman masyarakat akan pentingnya memupuk kesejahteraan untuk membendung gejala-gejala negatif dan tidak sihat terutamanya melibatkan jenayah-jenayah seksual dan jenayah keganasan kanak-kanak dan wanita.

Pada 9hb. Mac 2001 yang lalu Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan pihak kempen rakyat Pulau Pinang, iaitu sebuah gerakan yang terdiri daripada 21 NGO-NGO wanita dan hak asasi manusia untuk meningkatkan kesejahteraan terhadap usaha membanteras gejala penderaan dan keganasan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak. Untuk menjawab soalan yang Y.B. Permatang Berangan yang terakhir di sisi perbahasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa bersama

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Penjelasan, sebelum pergi ke sukan, tadi Y.B. Berapit belum menjawab soalan saya dan gesaan berkenaan penubuhan Pusat Perlindungan dan Pemulihan wanita dan juga tentang kegunaan RM200,000.00 untuk Pusat Jagaan Kanak-kanak ini, WCC yang telah diberikan peruntukkan RM200,000.00 ini mengendalikan, sebenarnya juga mendapat geran daripada Kerajaan Pusat, sepatutnya program-program Kerajaan Negeri di samping membantu NGO-NGO wanita sepatutnya menjalankan aktiviti-aktiviti sendiri dengan sokongan dan bukan diberi ruang terus kepada NGO untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti ini.

#### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Telok Ayer Tawar, semua program yang dijalankan di bawah MMK Wanita Keluarga dan Komuniti, kita duduk sama-sama di jawatankuasa ini untuk bermesyuarat dan mengaturkan semua program bukan hanya bergantung kepada NGO. Saya juga turun padang untuk menjalankan semua program bersama satu-satunya *missionary* di bawah portfolio saya, Belia dan Sukan, Wanita Keluarga dan komuniti, yang satu sahaja

iaitu MSN Saya tiada jabatan yang lain untuk menolong saya, tidak sama seperti dahulu bila Barisan Nasional, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga akan menolong Y.B. EXCO yang berkenaan untuk menjalankan tugas-tugas. Di sini saya seorang bersama PA saya dan *secretariat* daripada UPEN sahaja yang menjalankan tugas dan saya bergantung dengan kerjasama dengan NGO-NGO wanita dan semua jabatan Kerajaan Negeri Tempatan dan di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri Tempatan yang memberi saya sokongan sepenuhnya untuk menolong saya menjalankan tugas-tugas saya.

Mengenai pusat yang menitik berat mengenai wanita, Pusat Perkhidmatan Wanita yang di Seberang Perai ini, di *suggest* oleh WCC, sebelum saya menjadi EXCO 10 tahun yang lalu, tetapi tidak dibina di Seberang Perai sebab permintaan yang banyak kes di sana untuk menyelesaikan kes-kes domestik dan semenjak saya menjawat jawatan ini, tahun 31hb. Disember, 2008 saya telah dapat mendirikan pusat ini di Seberang Perai, bekerjasama dengan WCC. Kita ada satu *team* yang bekerja di sana, ada kaunseling, ada *sectaries*, kita ada NGO-NGO wanita dari orang awam yang ingin rela hati bekerja di sana dan RM150,000.00 itu di janakan untuk menguruskan pusat itu dan yang ini pun pada tahun 2008 kita mengambil 6 bulan untuk mendirikan pusat ini di Seberang Perai dan kes-kes yang kita selesaikan di sana amatlah mengagumkan dan banyak daripada Pulau Pinang daripada WCC. *Face to face counseling session* pada tahun 2010, 435 *counseling session*, telefon *counseling section* 908, *civil out reach* 221, and than kita ada *recent support group* seven *session*, *case to case*, *new case* yang ada di Pusat Pembangunan Wanita 207, *follow up* kes 63, kes lama 20, jumlah 227, *actually* di Seberang kes-kes amatlah merunsingkan pada Kerajaan Negeri.

Saya berharap kalau Jabatan Pembangunan dan Keluarga yang dapat peruntukkan dari Federal sila bekerjasama dengan pasukan kita untuk mendirikan lagi banyak *center* yang boleh memberikan kita dapat menolong kepada wanita-wanita yang memerlukan pertolongan daripada kita. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Penjelasan, saya rasa yang peruntukkan Kerajaan Pusat ini tidak perlu hendak ditubuhkan banyak lagi *center*, sebab Rumah Nur telah ada 6 buah Rumah Nur di Pulau Pinang dan mereka telah pun menjalankan aktiviti seperti mana Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi sudah berpuluh tahun. Jadi tidak perlu mungkin *night working* sahaja dan masalah kaunseling dan sebagainya yang perlu saya sebutkan ialah tempat perlindungan yang mana sampai sekarang belum dijawab.

#### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Tempat perlindungan yang disediakan oleh NGO seperti Jamaah Islah Malaysia Seberang Perai dan Tempat Perlindungan Wanita di Pulau oleh WCC, sudah lama diwujudkan dan di sini saya bekerjasama dengan mereka, sebab mereka ialah ahli-ahli jawatankuasa saya dan terdapat kes-kes saya merujuk kepada *center* mereka. Ini ialah sebagai cakapan Y.B. Telok Ayer Tawar *center* ini telah wujud seperti mana kita menambah baik lagi, kalau hendak memohon kewangan dari Kerajaan Pusat pun tidak boleh, dari negeri pun kita tidak cukup dana untuk menjalankan, adalah lagi baik kita bekerjasama, berikhtiar bagaimana kita boleh menolong wanita yang menghadapi kes-kes keganasan ini dan kita berikhtiar satu jalan yang baik dan menyalurkan mereka

kepada Rumah Nur atau di Rumah Perlindungan atau WCC, *this the way to settle the problem*, sorry ya, saya lagi suka menyelesaikan masalah daripada membangkitkan semua soalan-soalan yang tidak membawa kebaikan kepada golongan wanita kita dan di sini Y.B. Telok Ayer Tawar, sudah 3 tahun ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Saya mengatakan bahawa kita memberikan soalan yang tidak memberikan manfaat kepada wanita itu tidak betul.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Tidak, saya telah bekerja telah 3 tahun dengan semua persatuan-persatuan wanita di sini dan semua buah fikiran mereka dan saya menjalankan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Tadi, adakah apa yang kita bangkitkan di sini semuanya tidak memberikan manfaat kepada wanita.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Saya menjalankan di dalam polisi di Kerajaan Negeri di bawah MMK wanita, dan daripada pendapat mereka ini ialah pertama kali bagi mereka dapat memberi idea mereka untuk menolong Kerajaan Negeri untuk membantu golongan wanita.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Penjelasan, saya minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Telok Ayer Tawar kerana....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Dato' Speaker, saya ingin meminta penjelasan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Ini masa saya, biar saya cakap habis boleh kah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Kalau tidak boleh buat, cakap tidak boleh, jangan hendak mengatakan bahawa kita bercakap ini semua tidak memberi faedah.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Rumah Nur sudah berapa lama wujud di Negeri Pulau Pinang. mengapa kes di Pusat Perkhidmatan Wanita Seberang masih meningkat. Mengapa kes di WCC masih meningkat? Sebab tidak bekerjasama. Kalau kita bekerjasama mungkin tidak akan berlaku ini. Sudah lama dah. Tiga tahun saya menyeru kepada wanita yang ada di Dewan ini. Hanya kita 3 sahaja. Tapi ini pun tak boleh bekerjasama juga. Yang

menghadapi kesukaran itu rakyat kita. Rakyat sudah jemu. Cakap-cakap *politician* yang tak jalankan kerja mereka. Dan saya di sini sentiasa membantu golongan wanita dengan MMK saya yang terdiri daripada ahli-ahli NGO di Negeri Pulau Pinang... (gangguan). Terima kasih Sungai Dua. Biar saya habiskan percakapan saya. Saya tak suka mempolitisikan soalan wanita atau sukan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya bukan nak politikkan. Saya nak penjelasan....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Berapit nak bagi laluan atau tidak?

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Tak bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tak bagi tak apa. Bila kita bercakap tentang kerjasama, kemudian kita nak minta kerjasamalah.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Tiga tahun saya bekerja sebagai EXCO....(gangguan). Menjawab soalan Y.B. Permatang Berangan, yang tadi saya cakap tentang Majlis Negeri yang Majlis Negeri sentiasa bersama dengan Institut Sukan Negara iaitu ISN Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi iaitu USPTN Pulau Pinang melaksanakan pelbagai program serta strategi pembangunan sukan secara berterusan untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi atlit supaya sentiasa mencapai kemenangan dalam setiap pertandingan yang disertai.

Dalam bidang sukan, kecemerlangan sukan tidak boleh tercapai dalam masa yang singkat. Untuk berjaya dalam sukan yang memerlukan perbelanjaan yang banyak secara berterusan dan melalui tempoh masa yang panjang. Berpandukan kepada peruntukan Kerajaan Negeri yang terhad, peranan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah terbatas untuk melaksanakan program-program yang dirancang secara menyeluruh. Ini sedikit sebanyak menyebabkan atlit-atlit secara sedikit sebanyak tidak dapat digilap secara penuh.

Semasa berlangsungnya temasya Sukan Malaysia Ketiga Belas di Melaka 2010 yang lalu, beberapa insiden yang melibatkan keputusan berat sebelah dan sistem juri yang tidak memihak kepada Negeri Pulau Pinang juga telah melemahkan semangat juang atlit untuk memberikan pencapaian yang sepenuhnya sebagai contoh di dalam pertandingan wusyu, atlit Negeri Pulau Pinang tidak terpilih untuk pingat emas walaupun persembahannya jauh lebih baik dari atlit Melaka. Berlakunya keputusan yang amat berat sebelah dan jelas diberikan kepada atlit tuan rumah. Selain itu masalah ini juga berlaku di bidang sukan ekuestrian dan juga judo walaupun bantahan telah dikemukakan ia tidak mengubah keputusan akhir yang sememangnya dilihat memihak kepada tuan rumah. Y.B. Dato' Speaker, untuk memastikan kecemerlangan tercapai Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sudah pun merangka satu strategi jangka masa panjang lima tahun.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta penjelasan. Sebab ini soalan saya tadi.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Biar saya habis dulu boleh tak? Yang tadi soalan awak, saya cuba untuk menjawab. Bolehkah Permatang Berangan?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya nak penjelasan lagi.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menjawab tadi soalan yang dia bangkitkan tadi di perbahasan. Untuk memastikan perbahasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah pun merangka satu strategi jangka panjang 5 tahun yang berteraskan pembangunan mampan berterusan *A Successful Talent Development Programmed For Penangnites To Go Into Five Years Centre Of Excellent Programmed....dengan izin*). Program pusat cemerlang ini adalah untuk memastikan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dapat mengukuhkan pembangunan atlit-atlit bermula dari bakat awal ke peringkat atlit melalui satu landasan yang kukuh dan jitu. Langkah ini meliputi pemantauan dan memastikan kecemerlangan atlit di setiap kejohanan sukan yang disertai seperti Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Sukan Malaysia, atau pun sukan peringkat kebangsaan.

Selain itu, penekanan juga adalah berpusat kepada penumpuan untuk mengukuhkan kewangan majlis melalui tajaan kewangan melalui sokongan pihak swasta Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Dan saya ingin memberitahu lagi kepada Dewan yang mulia ini sama dengan juga MMK Wanita, Keluarga, Komuniti saya. Di bawah sukan, di bawah MSN kita hanya dapat pertolongan daripada ISN dan Majlis Sukan Negara untuk memberi kita pertolongan daripada sukan sains atau jurulatih. Tetapi kewangan dari Kerajaan Pusat satu sen pun tak ada. Dan tempat-tempat venue kita untuk berlatih sudah usang, sudah rosak dari 2008. Bila tahun 2008 Kerajaan Pusat memang memberi satu peruntukan untuk MPPP dan MPSP untuk menaiktarafkan kedua-dua venue sukan di Bertam iaitu Hoki Turf dan di akuatik tapi telah ditarik balik. Seperti tadi saya cakap dari tahun 2005 hingga 2011 ada wang ini disalurkan tapi pergi ke mana? Sebab dari saya mendapat jawatan ini dari 2008 sudah memang ada masalah ini. Dan saya cuba untuk menyelesaikannya....(gangguan), yang suntuk ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Bagi saya sikit saja nak bercakap.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Okey Y.B. Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih Y.B. Berapit dan terima kasihlah juga kerana bagi saya teh Cina baru-baru ini. Makan bagi kurus sikit. Sebenarnya wang RM8 juta apa yg dikatakan sejumlah yang sedemikian itu telah pun dibelanjakan untuk berbagai-bagai program yang telah dibuat termasuk penubuhan kem bakat badminton, khidmat latihan sukan teras, karnival sukan tradisional, sukan *dot ball* untuk 390 orang dan *Convention Sukan* 150 orang, Majlis Anugerah Sukan 150 orang, bantuan kepada pentadbiran PESRON, dan program *per-kids* sukan, kem bakat *tenpin bowling*, kursus klasifikasi OKU serta kejohanan sukat masyarakat 280 orang, pembangunan *gym* satu Malaysia, larian cergas komuniti 1,500 orang, Klinik Mini Baik Karnival Sukan bermotor kursus asas go-

*kart* 364 orang, kursus asas mendaki tembok 60 orang dan berbagai-bagailah termasuk program rakan muda, program tadarus, program pusat sumber. Semua ini melibatkan 21,340 orang dan berbagai-bagailah kalau nak baca terlampau banyak. Maknanya Kerajaan Pusat memainkan peranan yang amat penting dengan semangat 1Malaysia. Semua belia diberikan pembelaan yang sewajarnya.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Seberang Jaya. Itu maksudnya RM8,389,250 ini tidak disalurkan untuk menaiktarafkan *venue-venue* sukan di Pulau Pinang ini sejak 2005 hingga 2011 ini. Sepatutnya sebagai sebuah Kerajaan Pusat atau sebuah Kerajaan Negeri, kalau stadium atau *venue* sukan sudah dibikin mesti menyalurkan wang untuk *maintain*. Selalu kita cakap kita ada 5 *star* kejuruteraan untuk menaikkan bangunan tapi *maintenance* itu tak ada *star* langsung.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Barisan Nasional dah buat, tolong *maintain*.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Seperti yang saya cakap stadium di Batu Kawan, 2000 dah dibikin. Bila 2008 itu saya mengambil alih untuk *management* pertukaran stadium, memang teruk keadaannya. Saya minta peruntukan daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri bagi saya RM1,650,000 untuk menaik taraf Batu Kawan Stadium. Sekarang baru sahaja menjadi Stadium Komuniti untuk masyarakat di SPS. Banyak kegiatan program-program sukan dan untuk belia berlaku di sana. Dan sekarang Batu Kawan tiada lagi menjadi *white elephant* di sana. Semua program seperti *training* olah raga, aksi *control car mini pocket bike* dan *cub prix* dan saya punya sukan semua ada. Tak berhenti ada *practice* di sana. Dan ini adalah satu-satu mengambil balik dan membaikkan stadium yang dibina oleh Kerajaan yang dulu. Dan di sini saya ingin memberitahu Y.B. Telok Ayer Tawar kem ROBINA yang didirikan oleh sewaktu Y.B. Telok Ayer tawar sebagai EXCO Belia dan Sukan. Bila saya mengambil alih, sudah usang, dan saya pun meminta bantuan kewangan daripada UPEN untuk menaik taraf. Sekarang sudah bagus. Banyak projek dan program sudah dijalankan di sana, tetapi di Titi Mukim *very sorry*. Saya masih tunggu peruntukan bagi menaiktarafkannya.

Sebab banyak *venue* yang di bawah MSN sebab dulu tak diurus dengan baik. Bila saya dapat itu sudah usang. Saya kena mencari wang menaik taraf beri kepada rakyat di sana untuk menggunakannya. Dah 3 tahun saya bekerja keras untuk menaik taraf semua kawasan dijaga oleh MSN. Dan juga berikhtiar macam mana untuk menaikkan prestasi sukan di Pulau Pinang. Bukan saya dapat jawatan itu sukan jatuh sebab dah berapa tahun tiada latihan yang sempurna dan tiada satu pengurusan MSN yang bagus untuk menjalankan *practice* di sana. Dan akaun di MSN tidak berjalan dengan betul, bila saya mengambil alih saya baru tahu. Sebelah dari akaun MSN itu bukan betul. Sebelah dari itu mereka tidak membayar hutang yang lalu. Dan bila saya dapat MSN ini saya kena bayar hutang dari 2006, 2007 sampai 2008. Sebab hutang-hutang yang tak bayar dari dulu. Inilah kesusahan MSN untuk menentang kewangan dan menaik taraf sukan di Pulau Pinang. Dan saya minta maaf kepada semua kalau saya cakap salah. Sebab memang 3 tahun di bawah MSN dengan saya dan saya punya *board*, semua ahli-ahli MSN bekerja keras mencari dana, mencari wang untuk menaik taraf sukan di Pulau Pinang.

Saya ingat sudah cukup sebab bagi saya, saya sudah menjalankan tugas saya sebagai seorang EXCO, menjawat EXCO sebagai Belia dan Sukan, Wanita, Keluarga

dan Komuniti sepanjang tahun ini. *This is the new area for the people in Penang (sorry Y.B. Dato' Speaker saya kena speak in English). They never see a government is truly listen to the people and working together with the people. And this is the first time in the history on the Pulau Pinang...(tepuk meja), (gangguan).*

Sudahlah Pulau Betong, sudah. Saya tak mahu lagi cakap panjang. Di sini saya harap semua Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini kalau sebagai seorang wakil rakyat sila bekerja, berikhtiar menolong rakyat di Pulau Pinang...(gangguan), dan bukan pertikai di Dewan ini tetapi bagi sokongan sebagai seorang wakil rakyat untuk menolong rakyat kita dan memajukan negeri kita. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong Y.B. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya hendak minta tolong.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, saya yang tanya di antara soalan itu. Ada benda yang saya nak penjelasan. Pasai apa Y.B. EXCO tak bagi penjelasan. Takut ke?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya tak takut. Saya satu orang, *you* 40 orang. Saya tak takut punya.... (ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya oleh Ahli Kawasan Ayer Itam.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, selaras dengan peraturan 6A (1), peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya memohon supaya masa persidangan hari ini, 5 Mei 2011 dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada sokongan?

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Y.B. Dato' saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 5 Mei 2011 dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju katakan "Ya." Yang tidak setuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Ya" lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui. Teruskan Air Itam.

**Ahli Kawasan Telok Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Dato' Speaker, saya berdiri untuk menyampaikan ucapan penggulungan bagi portfolio Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan Y.B. yang menyertai perdebatan mengenai portfolio tersebut dan Y.B. Bayan Lepas telah membangkitkan isu-isu dan juga cadangan-cadangan beliau terhadap pembangunan Muzium Seni Lukis di Pulau Pinang. Beliau ialah bekas Penggerusi Muzium dan Ahli EXCO yang memegang portfolio kesenian. Beliau telah fail kemajuan yang telah kita capai beberapa tahun ini dari Segi Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang.

Antara beberapa pencapaian ialah statistik pengunjung ke Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 2006 terdapat 31,141 pengunjung ke muzium. Pada tahun 2010 kita telah mencatatkan 56,799. Lebih kurang peningkatan sebanyak 80% pengunjung ke Muzium Pulau Pinang. Dari segi Balai Seni Lukis Pulau Pinang pada tahun 2006 adalah 4,509 pengunjung. Pada tahun 2010 dicatatkan 11,428 terdapat peningkatan sebanyak 3 kali ganda terhadap pengunjung-pengunjung ke Balai Seni Lukis Pulau Pinang.

Di samping itu, pihak muzium pada tahun 2010 dan 2011 telah membuka lembaran baru "new chapter" ... (dengan izin), dari segi muzium dan balai seni lukis. Pihak muzium bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menggariskan terma penggunaan bangunan No. 57 Jalan Macalister sebagai sayap tambahan untuk menonjolkan lagi kekuatan warisan sejarah dan kesenian Negeri Pulau Pinang. Beberapa pameran yang berbentuk sejarah dan kesenian telah diadakan dia bangunan No. 57 antaranya adalah pameran International Print Exhibition. Yang kedua adalah Pameran Sejarah Sun Yat Tsen dan hubungannya dengan Pulau Pinang Pameran Kesenian Japanese Foundation yang juga baru-baru ini Pameran Ulang Tahun Ke-46 penubuhan muzium.

Pihak muzium juga menganjurkan sambutan ulang tahun yang ke 46 dan ini merupakan kali pertama kita meraikan sambutan tersebut sejak penubuhannya pada tahun 1964 dan saya ingin menjawab soalan daripada Bayan Lepas yang menanyakan tentang sama ada seminar-seminar yang dianjurkan di No. 57 adalah memenuhi *Deed of Instruments* bangunan tersebut dan saya memang membaca apabila kita menggariskan terma bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Saya memang membaca *Deed of Instruments line by line and page by page* dan juga telah bersama dengan MPPP untuk menyediakan *lease agreement* "perjanjian pajakan" itu dengan teliti dan seminar-seminar yang kita maksudkan adalah seminar-seminar berbentuk warisan sejarah dan kesenian dan bukan seminar-seminar berbentuk komersial seperti yang disebutkan yang mungkin disebutkan oleh Y.B. Bayan Lepas.

Di samping itu, kita juga pihak muzium juga mencatatkan merekodkan detik-detik dan membukukan apa yang berkisah dalam buku laporan kita iaitu buku laporan tahun 2010 Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang dan ini kali terakhir penerbitan buku laporan adalah pada tahun 1993 selama 17 tahun kita tidak menerbitkan apa-apa buku laporan tahun ini kita telah membukukan dengan segala informasi, carta organisasi dan juga aktiviti dan sumbangan di lembaga dan jawatankuasa komen-komen pengunjung muzium senarai sumbangan ramai dan

sebagainya. Ini akan menjadi satu rekod apa yang telah kita lakukan selama 2 hingga 3 tahun ini.

Y.B. Dato' Speaker setelah George Town dinobatkan sebagai tapak warisan dunia UNESCO usaha Kerajaan Negeri dari segi penonjolan warisan dan kesenian telah dirancakkan, kita telah beri *dynamism* baru bagi muzium dan balai lukis Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan George Town World Heritage Incorporated dan pelbagai inisiatif dari segi kesenian telah diusahakan. George Town Festival telah dirayakan dengan meriahnya pada bulan Julai 2010 dan juga akan dianjurkan juga George Town Festival 2011 yang merupakan satu platform berkenaan dengan kesenian, kebudayaan dan warisan untuk orang ramai.

Y.B. Dato' Speaker berkenaan dengan portfolio Perancang Bandar dan Desa apabila George Town telah diiktiraf sebagai tapak warisan dunia UNESCO oleh World Heritage Committee pada 7 Julai 2008, Kerajaan Negeri perlu menyediakan satu pelan pengurusan pemuliharaan sebagai satu mekanisme pemeliharaan dan pengurusan tapak Warisan Dunia. Oleh itu Draf Rancangan Kawasan Khas *draft special area plan* dan pelan pengurusan tapak Warisan Dunia. Oleh itu teras rancangan kawasan khas teras "special area plan" dan pelan pemuliharaan Bandaraya Bersejarah Selat Melaka George Town telah disediakan mengikut seksyen 16B Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 bagi memastikan bahawa kawalan pembangunan dan polisi berkenaan warisan tapak di implementasi dengan sewajarnya Yang Berhormat Bayan Lepas ada menanyakan tentang *local area plan* yang sebenarnya *special plan* ini termasuk juga *special area plan*. *Special area plan* ini satu perancangan yang lebih *detail* yang fokus kepada Bandaraya George Town. Ya, silakan.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Y.B Dato' Speaker, Y.B. Air Itam semalam kita faham bahawa Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah menolak kes TBRA versus Kerajaan Negeri KPPT dan lain-lain tentang *dispute of Tanjung Bunga and Teluk Bahang Super Corridor* dalam *structure plan 2007*. Berdasarkan *epidural in competencies in technical review* dan *time frame* maksudnya *too late to file the case* ... (dengan izin), jadi kes ini di *technical out* oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang tanpa beri peluang rakyat untuk perbicaraan. Jadi ini menunjukkan satu *judiciary* kurang berinovatif dan berdikarilah. Jadi nampaknya ia ditendang balik kepada Kerajaan Negeri maka apakah Kementerian akan menyediakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membetulkan kesalahan untuk yang dibuatkan pentadbiran Kerajaan Negeri sebelum Mac 2008. Saya ulangi sekali lagi kesalahan yang dibuat oleh iaitu Barisan Nasional sebelum 2008. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya juga ada terbaca berita tentang kes yang tersebut yang diterbitkan dalam surat khabar hari ini, saya rasa kita mempunyai tiga cabang *executive, legislative* dan *judiciary, judiciary* dan keputusan *judiciary* terhadap kes tersebut dan saya rasa plaintiff tersebut mempunyai saluran-saluran undang-undang yang lain untuk membuat apa-apa rayuan atau tapi dari segi kalau Y.B Tanjung Bunga meneliti Town and Country Planning Act. Sebenarnya *structure plan* atau mana-mana bahagian dalam *structure plan* juga dia tidak, kalau mengikut seksyen kalau tak silap saya seksyen 11. Kita perlu mengikut seksyen 11 kajian semula terhadap *structure plan* hendaklah berlaku kajian semula tiap-tiap 5 tahun. Ini adalah satu *Provision* dan juga *of course* ada *remedy* untuk plaintiff ini dan saya rasa saya bukan dalam *position* untuk membeli apa-apa legal *opinion* kepada Tanjung Bunga dan TBRA association. Ini adalah satu keputusan mahkamah dan saya mereka perlu memikirkan cara lain untuk bagaimana menyelesaikan *dispute* ini.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan. Terima kasih Air Itam. Dua perkara satunya tentang *local plan* MPPP dan MPSP sampai ke hari ini adakah masih tertangguh, itu yang pertama. Yang kedua saya terdengar ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semasa Majlis Mengangkat Sumpah Yang Terhormat Tun tentang pelan perancangan yang akan dibuat selama 6 minggu *lapse* untuk *northern metropolis*. Adakah dengan adanya nanti pelan ini akan supersede RSBP dan *local planning* yang kita akan buat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Sing Deo A/L Karpal Singh):**

Y.B daripada Air Itam saya ingat apa yang dibangkitkan oleh kawan saya dari Tanjung Bunga tadi bukan sama ada plaintiff-plaintiff dalam kes tersebut mempunyai hak yang seterusnya sama ada untuk buat rayuan atau tidak. *Intact* keputusan telah dibuat kes *judicial review* itu permohonan mesti dibuat dalam tempoh masa yang tertentu saya percaya 60 hari dari tempoh keputusan. Ini adalah satu kes di mana *zoning* ataupun *zoning* menurut pelan yang tersebut dibuat lebih daripada 60 hari apabila permohonan dibuat. So dari segi *technical* mereka memang tidak dapat mencabar sama ada betul atau pun tidak keputusan tersebut betul atau pun tidak keputusan *zoning* tersebut di mahkamah. Soalan rakan saya tadi saya ingat sama ada sekarang memandangkan keputusan mahkamah tersebut bolehkah Kerajaan Negeri mengambil satu keputusan sendiri untuk *relook zoning* tersebut kerana saya juga kongsi pendapat beliau adalah tidak wajar bahawa akibat *zoning ruling* tersebut *high rise building* boleh dibina di koridor tersebut sebenarnya pendapat saya saya kongsi dengan rakan saya itu seharusnya tidak dibenarkan. Dan seakibat pentafsiran *ruling* berkenaan *zoning* itu sekarang ia telah pergi ke kawasan Batu Ferringhi iaitu di Tanjung Bunga sehingga di hadapan Masjid Terapung, so itu adalah masalah dia.

Kita sekarang jangan biarkan plaintiff dalam kes itu ambil keputusan kerana *ball has come back to our court as* Kerajaan Negeri, saya pohonlah supaya kita dapat pertimbangkan supaya kita dapat *relook ruling* berkenaan *zoning* supaya saya juga ingin nyatakan di sini pendirian saya bahawa *they should be no high risk development anymore in Penang because it is effecting the environmental, surrounding and its major way ...*(dengan izin). Itu sahaja.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Berkenaan kedua-dua soalan tersebut tadi saya telah menyebut bahawa *special area plan* Geroge Town adalah satu pelan yang khas untuk tertumpu kepada sedang dalam publisiti dan juga program serantau. Program serantau dan publisiti sedang dilangsungkan di tiga lokasi dari 11hb. April 2011 hingga 9hb. May 2011 iaitu di ruang Konkos, Tingkat 2, KOMTAR di Bangunan George Town World Heritage Incorporated di Lebuh Acheh nanti Dewan Perbandaran MPPP Jalan Padang Kota Lama dan kaunter pameran ini dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang dan saya menjemput secara terbuka kepada semua termasuk Yang Berhormat dan orang ramai supaya ada satu taklimat telah diadakan dan sesi taklimat seterusnya pada 8hb. Mei 2011 hari Ahad pukul 9.30 pagi di Dewan Perbandaran MPPP Jalan Padang Kota Lama.

Pihak awam boleh berpeluang mengemukakan pandangan berhubungan cadangan-cadangan yang dibuat dengan mengemukakan borang bantahan awam dan *special area plan* ini adalah khas hanya untuk kawasan sahaja dengan semua *map* dengan semua butiran yang sangat *detail* berkenaan dengan apa yang telah dirancangkan yang dizonkan dan ini adalah menjadikan satu asas apabila selepas kita *go through the public consultations process* akan diwartakan dan dihantar kepada World Heritage Committee untuk memenuhi....(gangguan)

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah Haji Omar Shah):**

Boleh tak di edar kepada ADUN-ADUN supaya kita boleh lihat semua sorang satu naskhah.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Mungkin bagi CD sahaja. Okey ini adalah khas untuk George Town tidak ada seperti saya kata dalam tafsiran undang-undang *special area plan* adalah salah satu *subcategory* dalam *local plan*. So, terdapat selepas proses bantahan awam ini, kita ambil input-input dari *public* kemudian ini juga apabila kita sedang menyediakan *draft local plan* ini akan mengubah juga bantahan yang kita terima dari *special area plan* ini akan mempengaruhi kandungan *draft local plan* akan kita buat serentak dengan publisiti.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Tapi Yang Berhormat kenapa begitu lama SMP? *too long?*

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Kita memberi prioriti kepada *special area plan* ini supaya untuk memenuhi obligasi kita terhadap World Heritage Committee. *We will look it for that* supaya pelan ini dapat di pamerkan dan selepas ini baru kita mempertimbangkan untuk *draft local plan*. Berkenaan dengan soalan tentang *local plan* ini *of course we always take into the consideration*. Berkenaan soalan Tanjung Bunga tentang *remedy* seperti yang saya kata Seksyen 11 *town country plan* Kerajaan Negeri perlu membuat kajian semula bahawa setiap kajian semula bermula setiap 5 tahun dan *structure plan* kita telah diwartakan pada tahun 2007. kita tidak boleh mengubah *structure plan* sewenang-wenangnya *you have to go through public consultations you have to go through the objection period you have to go to the formal process* dan kita tidak boleh membuat pindaan mengikut kita sendiri kemudian kita katakan ini adalah interpretasi kita sendiri, *I mean we have to go through every avenue* atau mengikut *town or country planning* any pindaan, sebarang pindaan juga perlu melalui proses bantahan awam, pameran seperti apa yang dilakukan oleh *special area plan*, *we have to go through that process including the amendment* so kita ada satu avenue untuk berbuat demikian seperti saya kata 2007 adalah tarikh pewartaan tentang *structure plan* COB 2012. bukan sahaja isu-isu yang dibangkitkan oleh Tanjung Bunga dan TBRA association tetapi *the whole structure plan I mean possible for potential opportunities you will review that process*. Perlu melalui proses-proses formal tersebut.

Berkenaan dengan isu-isu perumahan, Yang Berhormat ADUN Datok Keramat telah membangkitkan isu hak milik strata, flat rumah pangsa Taman Free School, sebagai makluman flat tersebut didirikan pada tahun 1981 dan masih belum menerima hak milik strata dan atas permintaan Datok Keramat kita telah memulakan proses untuk permohonan isu hak milik strata dan kerana bangunan ini telah di kategorikan sebagai bangunan khas dalam akta hak milik strata kerana ini diduduki lama dan antara langkah yang telah dibuat adalah kita telah melantik pihak arkitek untuk menyediakan *survey plan* dan telah mengemukakan permohonan kepada MPPP untuk mendapatkan OC khas. OC khas telah dikeluarkan pada 28hb. March 2011.

Selepas ini saya akan memanggil satu mesyuarat saya akan menjemput juga Yang Berhormat Datok Keramat untuk menghadiri mesyuarat ini bersama dengan pihak juru ukur bersama dengan Bahagian Perumahan dengan pegawai-pegawai daripada PTG dari JUPENG untuk bagaimana kita untuk mempercepatkan proses tentang pelan-pelan berkenaan, seperti saya akan jangkakan untuk proses pengeluaran hak milik strata, sekiranya tiada apa-apa masalah teknikal dijangka akan mengambil masa 6 hingga 12 bulan. Saya memang faham ini sudah 30 tahun diduduki tetapi belum dapat

OC dan saya rasa kita kena membantu mempercepatkan proses pengeluaran hak strata title ini dengan secepat mungkin.

Di samping Yang Berhormat Datok Keramat membangkitkan tentang cadangan untuk menghapus kira tunggakan akan caj penyelenggaraan bagi golongan miskin dan orang kelainan upaya di rumah kos rendah hak milik Kerajaan Negeri dan kita telah menerima dan juga mengambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat Datok

Keramat yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) yang telah merupakan cadangan tersebut kita sedang membuat kajian tentang cadangan tersebut.

**Ahli Kawasan Datok Kramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minta penjelasan yang berhormat tadi sebelum saya sentuh tentang isu hak milik strata di Taman Free School. Berkenaan seksyen 11 yang dikatakan mengehadkan penyemakan semula sesuatu pelan tersebut di dalam tempoh 5 tahun saya percaya ia ialah di dalam, *within period of five years. Not every five years.*

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Yang telah terkandung dalam kajian semula tiap-tiap 5 tahun. *I mean we have cross check in that.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Only is between 5 years. Maybe saya pohon supaya dapat disemak sama ada within five years dan sekiranya within five years Kerajaan Negeri mempunyai hak untuk menyemak semula sebelum 5 tahun within that mean sekarang pun boleh, kita tak perlu tunggu sampai 2012 sekiranya itu adalah peruntukan.*

**Ahli Kawasan Air Itam( Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

*I think I just read out to review every five years. Shall be subjected to review every five years.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ini bermaksud di dalam tempoh 5 tahun?

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

*Let me further study that particular.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Mohon mendapat nasihat Penasihat Undang-undang Negeri sama ada itu boleh ditafsirkan and kita boleh atasi masalah rakan saya di Tanjung Bunga. *After all it's only one more year. So if you can do within so we should do it now and that is a concern ...* (dengan izin). Berkenaan Datok Keramat tadi Taman free School saya ucapkan ribuan terima kasih kerana adalah begitu mengejutkan apabila sesuatu projek Kerajaan Negeri yang didirikan pada tahun 1981 tiada OC, *there is no occupational certificate for a building for thirty years. Yang Berhormat Dato' Speaker Thirty years no OC, I think this is a record. This is amazingly shocking so begitu terima kasih dan saya juga tadi telah direkodkan apa yang berhormat kata dan saya akan make u stick by what you said, you committed to six or twelve months its on record now.*

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Masalah teknikal dengan usaha UPEN, dengan usaha Juru Ukur *well try our best la.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Anyway thank you very much!*

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Yang Berhormat ADUN Seberang Jaya, Telok Bahang, Sungai Bakap, Padang Lalang dan ADUN-ADUN beberapa yang berhormat lain telah membangkitkan tentang isu harga rumah dan saya ambil maklum tentang masalah tersebut dan menurut... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Chong Heng):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya belum mula.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Chong Heng):**

Sebelum pergi ke lain tajuk saya cuma nak tanya itu tadi seperti Datok Keramat tanya, kata itu tunggakan yang hutang daripada rumah PPR. Sebab saya terima satu jawapan daripada Yang Berhormat saya baca ini semua dalam 6 projek itu semua tertunggak hutang.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Seperti yang saya kata tadi terdapat cadangan untuk menghapus kira tindakan caj tunggakan penyelenggaraan, kita sedang mengkaji cadangan tersebut

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Chong Heng):**

Nampaknya ini bukan sedikit, ini RM2.8 juta.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Oleh itu kerana *amoun* yang besar, kita tidak boleh membuat satu *policy direction*, kita hapus kira semua, kita perlu melihat statistik dan juga data-data sebelum kita membuat apa-apa keputusan berkenaan. Sekarang kita sedang mengkaji cadangan tersebut.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Chong Heng):**

Agak jangka bila boleh ada satu keputusan? Boleh bagi satu tempoh jangka masa bila ada keputusan.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Cadangan hapus kira baru dibentang di PAC committee baru saja.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Dato' Speaker saya ingin memperjelaskan di sini apabila saya membuat hujahan saya ucapan, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Negeri telah menyatakan setelah bermesyuarat ada cadangan untuk mengecualikan, tapi saya ingin *make it clear here* Yang Berhormat Dato' Speaker bukan mengecualikan semua tunggakan tetapi tunggakan yang kepada golongan-golongan orang yang tertentu, iaitu 2 golongan satu ialah miskin dan dua adalah OKU, so *let that be clear* dan jumlah yang

saya telah nyatakan tadi iaitu RM728,000 for miskin and RM25,000 for OKU *its not only in* Datok Keramat *is the whole of Penang, so* saya percaya itu juga mengambil kira lah golongan di Kawasan Padang Lalang juga.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya teruskan dengan ucapan penggulungan saya, tentang harga rumah mengikut satu laporan iaitu laporan pasaran harta *Property Market Report 2010*. yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan dan Penilaian Harta Kementerian Kewangan Malaysia (JPPH). Ini adalah satu laporan yang bagus untuk baca untuk semua untuk orang ramai dan juga Yang Berhormat yang berminat terhadap isu-isu *property* di Pulau Pinang. Dalam laporan tersebut telah menyatakan bahawa terdapat 25,986 transaksi bernilai RM9.37 billion direkodkan dalam tahun 2010 di pasaran harta tanah di Pulau Pinang. Sebenar ini mencapai prestasi yang lebih tinggi lebih baik berbanding dengan 22,724 transaksi yang bernilai RM6.5 billion, so 2010 adalah 25,986 dan 2009 iaitu 22,724 transaksi dan antara *observation*.

Dalam buku laporan JPPH ini saya yang disediakan oleh profesional daripada *valuer* menyatakan harga rumah di Pulau Pinang adalah stabil dengan peningkatan ketara direkodkan di kawasan mampan iaitu *established neighborhood* dan turut menyatakan dengan jelas apa-apa kawasan-kawasan mana yang telah melihatkan peningkatan di kawasan-kawasan *established* yang mempunyai menawarkan banyak peluang pekerjaan dan juga pembangunan industri yang berhampiran. Laporan ini menyatakan bahawa pasaran sewa yang stabil dengan pergerakan menaik dicatat di beberapa kawasan terpilih melalui laporan ini boleh dirumuskan bahawa *property market* di Pulau Pinang adalah dalam keadaan stabil dengan peningkatan direkodkan kawasan-kawasan yang *hotspot*. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk mengambil maklum kepada beberapa kenaikan harga rumah dan mengambil beberapa langkah untuk menstabilkan harga rumah. Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ialah memperluaskan stok tanah perumahan untuk pembangunan perumahan yang boleh mengurangkan kenaikan kos harga tanah di kawasan pilihan

Di samping itu Kerajaan Negeri juga melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang membenarkan meluluskan garis panduan baru berkenaan dengan ketumpatan. Garis panduan berkenaan dengan *broad ratio* yang membenarkan kemajuan hingga mencapai kepadatan sehingga 87 unit per ekar atau nisbah lot 2.8 bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan, terutama sekali di sekitar kawasan *transportation oriented development* dipanggil TOD dan kita membenarkan *density* yang lebih sehingga 120 unit per ekar.

Bagi tapak yang ingin dibangunkan yang mempunyai penempatan setinggan untuk menyelesaikan masalah-masalah setinggan. Ini adalah garis panduan yang kita luluskan pada Jun 2010 dan di pakai di Majlis Perbandaran Pulau Pinang di *certain selected transport node*. Buat masa ini selepas perlaksanaan garis panduan peningkatan ini telah diluluskan pada 28hb. Jun 2010 terdapat 11 permohonan sempena merancang mengikut garis dan buat masa ini satu permohonan telah diluluskan dan ini hanya terpakai di MPPP.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong( Y.B. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad)**

Penjelasan Yang Berhormat Air Itam saya ingin merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Seri Delima tentang beliau menyatakan bahawa program MM2H, Malaysian My Second Home Program ini di Pulau Pinang patut di mansuhkan kerana ia mengakibatkan kenaikan harga rumah yang tinggi. Apa pendapat Yang Berhormat kerana setahu saya lebih kurang 2000 orang *expatriates* yang tinggal di Pulau Pinang dan mereka telah menyebabkan wang masuk ke Pulau Pinang ini.

### **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Untuk maklumat semua, tentang Kerajaan Negeri telah menggubal garis panduan bahawa sebelum ini adalah had untuk orang asing membeli *property* di Pulau Pinang adalah *property* yang melebihi RM250,000.00 sahaja dan kita telah menaikkan kepada RM500.000.00. Saya rasa orang asing, *they will go for high-end property* dan bukan berebut dengan orang tempatan untuk rumah-rumah murah. Program MM2H telah dikawal selia oleh Kementerian Pelancongan dan mereka perlu mendepositkan sejumlah wang ke dalam *bank*, mereka perlu mempunyai rekod-rekod *financial* yang bagus sebelum diluluskan oleh Kementerian Pelancongan. Saya rasa program ini, kita telah mempunyai *list of* dari segi *property value* kita membuat kawalan supaya mereka tidak dapat adalah di segmen yang berlainan dengan permintaan tempatan.

### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):**

Minta penjelasan. Ini *high-end* punya rumah, rumah harga RM500.000.00 yang orang asing boleh beli, so *high-end* punya rumah orang asing boleh beli, maksudnya kita orang tempatan kena menghargai rumah-rumah LMC. Sebagai Kerajaan bolehkah kita mempertahankan hak-hak tersebut kepada warga negara tempatan yang perlu rumah LMC tersebut kerana sekarang banyak rumah LMC telah disewakan kepada pekerja asing. Jika rumah *high-end* dibeli orang asing, rumah *low medium cost* diduduki pekerja asing, orang tempatan bagaimana? Bolehkah ....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya rasa ini satu fenomena ekonomi dan saya ingin berbincang dengan Y.B. TKM II yang juga memegang MMK Sumber Manusia kerana fenomena di sini adalah bahawa, saya memang ada pergi melawat dan melihat rumah-rumah tersebut yang dihuni oleh pekerja-pekerja asing dan bertemu dengan pengilang-pengilang yang telah mengupah warga asing yang bekerja sebagai operator di syarikat-syarikat besar, di syarikat multinasional mereka. Saya juga bertanya mereka kenapa tidak mengupah orang-orang tempatan tetapi mengupah orang asing dalam sektor pembuatan mereka. Apabila terdapat ramai pekerja asing yang memenuhi kerja-kerja sebagai operator di kilang-kilang, bukan kilang-kilang tempatan saja tetapi ada kilang-kilang multinasional. Mereka telah sedikit sebanyak telah menyumbang kepada peningkatan ekonomi di Pulau Pinang. Masalah apabila mereka datang untuk kerja-kerja tersebut, masalah bersampingan ialah *housing for the foreign workers*. *Housing for the foreign workers* ini juga perlu kita lihat bagaimana kita dapat mengatasi masalah.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Yang Berhormat Air Itam, satu ketika dahulu, *sometime last year*, Y.A.B. Ketua Menteri ada berkata rumah mampu milik di Pulau Pinang adalah di sekitar RM500,000.00. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah kekal RM500,000.00 sebagai rumah mampu milik atau macam mana?

### **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Kerajaan Negeri telah memberikan melalui program peningkatan *density* ini, kita telah meminta pemaju, terdapat kawalan harga yang telah kita kenakan, 5% harga rumah adalah dijual kurang daripada RM200,000.00, 10% harga rumah dijual kurang daripada RM300,000.00 dan 15% harga rumah dijual kurang daripada harga RM500,000.00. Harga mampu milik, perkataan harga mampu milik tiada definisi, tidak seperti LMC kita *fix* satu harga. Dalam satu *range* harga mampu milik, kita telah memberi satu insentif kepada pemaju-pemaju yang telah membina kurang daripada RM300,000.00 mengikut daerah. *Of course if we talk about the island base*, ia akan dalam *range* tersebut dan di sebelah seberang ia akan mempunyai variasi tertentu.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya berterima kasih kepada Y.B. Pengkalan Kota kerana membangkitkan isu pekerja asing tinggal dalam kawasan perumahan kos rendah atau LMC. Masalah sekarang adalah Unit Perumahan atau Housing Commission tidak mempunyai *check and balance*, bukan *check and balance*, maksud saya, penguatkuasaan terhadap orang yang membeli, dulu dia membeli sekarang dia sewakan kerana dia tidak tinggal di kawasan itu, *they just wash hand*, dia terus sewakan kepada orang asing dan langsung tidak bayar *maintenance fee* dan sebagainya dan *whatever problems* dia langsung tidak ambil peduli. Dalam rumah kos rendah atau LMC, kebanyakannya tidak mampu membayar *maintenance cost* sampai dipotong bil api dan air dan sekarang nak minta cat rumah pun tidak boleh cat kerana mereka tidak bayar. LMC atau *low cost housing* tidak patut dijual atau disewakan kepada orang lain, jadi *we have to have a mechanism to punish or halau or take back all these houses* supaya *low cost* ini memang benar-benar kepada orang yang miskin.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya faham masalah yang ditimbulkan oleh Y.B. Pengkalan Kota dan Pantai Jerejak. Sebelum ini kita tidak ada satu *mechanism*. Apabila kita kata kita hendak ambil balik perumahan ini kita perlu *establish the mechanism and you had to have some legal backing* kerana ianya mempunyai implikasi-implikasi tersebut. Kita akan membuat kajian lebih teliti sama ada dan kalau boleh Y.B. Pengkalan Kota dan Pantai Jerejak ikut terlibat juga. Kita lihat macam mana kita boleh buat, macam Singapura, kita lihat mempunyai undang-undang dan peraturan spesifik yang membolehkan mereka berbuat demikian. Dan kita bukan saja mempunyai undang-undang, *mechanism* dan peraturan spesifik, dan sekiranya mereka membuat *false declaration*, satu deklarasi yang palsu, kita boleh membuat *punishment* di bawah undang-undang berkanun. *It is amongst some of the ideas* bagaimana kita boleh membuat.

Apabila kita mengambil balik tanah, kita ada Land Acquisition Act, ya kita perlu mempunyai *certain legal basis* untuk berbuat demikian dan kita akan membuat kajian lebih teliti atas isu ini dengan merujuk dengan apa yang berlaku di lain-lain negara dan dengan itu kita baru boleh buat implementasi....(gangguan). Sila duduk. Saya juga ingin memberi maklum balas bahawa isu ini bukan kita cakap di sini dan boleh selesai. Isu-isu tentang *housing for the foreign workers* adalah satu isu yang perlu kita selesaikan juga. Kita bukan boleh halau begitu saja atau buat satu *enforcement* dengan ketat dan saya rasa mungkin di Paya Terubung, saya rasa ADUN Paya Terubung tahu apa berlaku di sana, semua satu blok. Kita perlu satu alternatif, fikirkan satu alternatif bagaimana untuk menempatkan, *to house the foreign workers*, ini satu isu yang *pertinent* yang perlu kita membuat satu kajian yang lebih teliti dan satu isu yang mempunyai implikasi kepada ekonomi dan juga memberi impak kepada sektor pembuatan di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):**

Minta penjelasan. Saya terima jawapan daripada Y.B. Air Itam dan saya terima kasih atas jawapan itu. Saya juga tahu masalah ini bukan berlaku pada masa sekarang dan ini merupakan masalah dari warisan kerajaan dahulu. Sekarang kita yang mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bolehkah kita ambil inisiatif seperti mana Yang Berhormat ambil inisiatif untuk mengadakan perundingan dan perbincangan dengan pihak yang menyewakan rumah kos rendah tersebut kepada pekerja asing iaitu agen-agen yang berkenaan. So since Yang Berhormat boleh mengaturkan perundingan tersebut, bolehkah sebagai satu kerajaan, kita mengeluarkan *warning letter* atau *notice* kepada tuan-tuan rumah yang diperuntukkan rumah LMC tersebut dan memberitahu

mereka bahawa kita mempunyai satu *list* unit-unit mana yang ada pekerja asing ini. Jika tidak, seperti Yang Berhormat kata kita tidak boleh mengambil tindakan sewajarnya.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih, saya rasa saya faham tentang maksud Y.B. Pengkalan Kota tentang aduan kes di Seri Saujana, kes seperti yang diadukan oleh Y.B. Pengkalan Kota kita akan ambil tindakan susulan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Penjelasan. Dato' Speaker, saya ingat perbincangan tadi berpunca dari rakan saya Y.B. Pulau Betong bertanya tentang pendirian Seri Delima mengenai Malaysia My Second Home (MM2H) program di mana ini program Kerajaan Pusat, sama ada Kerajaan Negeri berpendapat sama ada ia seharusnya dimansuhkan seperti yang dicadangkan oleh Y.B. Seri Delima. Saya rasa itu adalah satu soalan penting untuk kita tangani kerana ada dua isu di sini. Memandangkan Malaysia My Second Home, lebih daripada 2,000 angka yang diberikan untuk orang asing yang datang ke Pulau Pinang dan membeli harta tanah dan *contribute to the economy*, maka *where this the consent* adakah ia memanfaatkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita tidak boleh lari daripada fakta itu. Memandangkan itu pendirian saya juga, maka kita seharusnya bersambungan dengan program MM2H tersebut, ia seharusnya tidak dimansuhkan. Soalannya ialah ini, akibat dengan adanya MM2H program ini, kita ada kemasukan banyak warga asing yang menyertai program tersebut di mana mereka menyebabkan *market* kita di sini pengusaha-pengusaha dan *developer* menumpukan kepada *multi million dollars apartment, super condo* dan sebagainya, *this is happening where you turn left, right, centre, everywhere you look in Penang ....(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Setuju, setuju.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

*So everywhere you look in Penang is like that. That is the problem. So MM2H, Malaysia My Second Home memberi second home kepada banyak warga asing at the expense of the penangites. Malaysia My Second Home untuk warga asing adalah second home, Penangites first home pun tidak ada. Itulah masalah yang mesti kita tangani. Apakah pendirian kita, this is very important, my children will not be able to afford an apartment also when they come out from University, I can foresee that. Today also I struggling, they will never be able to afford. I think that is the pear. We don't want to throw the foreigner out; we don't want to halau mereka but at the same time we must understand all of the consequences of them coming in as a result of this program are that.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Sehubungan dengan Y.B. Datok Keramat, kalau boleh mungkin Kerajaan Negeri boleh *identify what are the projects* yang boleh disesuaikan dengan *foreigners'* dan *what the projects are for the local*. Sebab kita tidak boleh membenarkan mereka membeli dengan sewenang-wenangnya tanpa kawalan. Ini akan menyusahkan orang Pulau Pinang sendiri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Kita akan melihat kembali kerana *certain* bidang kuasa ada di bawah Kementerian Pelancongan. Kita mempunyai bidang kuasa tertentu. Kementerian Kewangan juga mempunyai bidang kuasanya tetapi kita mengambil maklum terhadap isu-isu *big condominiums* dan rumah-rumah mewah ini. Kita telah mengambil inisiatif seperti yang saya katakan tadi kerana sebelum ini, garis panduan yang lama telah mengehadkan ataupun tidak memberikan galakan secukupnya kepada pemaju. Oleh sebab itu salah satu cara mereka mendapatkan keuntungan banyak ialah dengan membina kondominium mewah atau dia tidak ada *supply* tentang *mid-range housing*. Kita telah mengambil inisiatif yang mengubah garis panduan kepada ketumpatan ini kepada 87 unit per ekar. Dengan ini salah satu cara untuk kita menstabilkan harga rumah di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan. Okey. saya ada dua soalan, pertama adalah tadi polisi untuk meningkat *plot ratio* itu adalah satu *carrot* untuk menarik pemaju untuk membina *higher density but there is no stick*.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

*So, this* saya telah bacakan *stick* itu iaitu kawalan tentang harga rumah iaitu mereka perlu menawarkan rumah ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

*The issue is* dia boleh pilih *they want to develop that way or develop the older way*. Maksud dia *they dont have* ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya faham maksud Yang Berhormat, dalam permulaan polisi ini kita boleh memberikan alternatif dan seperti yang saya kata baru ada 11 permohonan sahaja dan baru kita luluskan 1 sahaja. Ini adalah antara polisi kita akan lihat apakah implikasi polisi ini sebelum kita membuat apa-apa penambahbaikan atau pun ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Itu sebab saya hendak cadangkan supaya Kerajaan Negeri memberi minimum *plot ratio*. Maksudnya mereka antara *plot ratio* kita *push up*, maksudnya mereka kena bina lebih dalam *density* satu plot tanah *build more unit*. Minimum *plot ratio* dan maksimum *plot ratio*. Sekarang maksimum *plot ratio* ada 2.8 if we push a minimum *plot ratio* kepada 1.5. So, *they have build a lot of unit that its smaller unit* tetapi harga yang lebih berpatutan.

Soalan yang kedua yang saya hendak ingin cadangkan kepada Y.B. Air Itam adalah masalah sekarang ada di kawasan-kawasan seperti Seberang Jaya, Paya Terubong, kita mempunyai masalah di mana ramai tidak bayar *quit rent* atau *maintenance fee*. *Maintenance fee* biasa, ramai yang tidak bayar. Ada pula yang tidak bayar *quit rent* tetapi mereka adalah di bawah *strata title*. Maksudnya kena semua bayar sekali. Kalau mereka tidak bayar sekali, mereka tidak boleh jual beli rumah menjadi masalah kerana jirannya tidak bayar *quit rent*. Bolehkah *quit rent* itu diasingkan kepada individu unit di bawah *strata title* itu.

Kedua, adalah *maintenance fee*. Bolehkah *maintenance fee* dibayar kepada seperti PBA, melalui PBA. PBA boleh *charge a fees*. So that ramai yang tidak membayar *maintenance fee* itu mereka terpaksa bayar kepada PBA dan kemudian PBA bayar balik kepada *Management Corporation*. Ini akan mengurangkan banyak, ini cara Singapura buat. Pulau Pinang kita *control PBA why not PBA do this service, at a charge, no problem*. Kita hendak menyelesaikan masalah lama yang telah potong *electricity*, potong air kerana tidak bayar *maintenance fee*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Minta sedikit penjelasan. Tadi *quit rent* ke atau cukai tanah. Saya pun *confuse*. Cukai tanah fasal, cukai pintu individual. Cukai tanah betullah.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ya, Y.B. Pantai Jerejak telah kemukakan tiga cadangan yang saya rasa kita perlu membuat kajian lebih teliti terhadap ketiga-tiga cadangan tersebut.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Sedikit penjelasan, sebelum pergi ke lain tajuk. Yang Berhormat Air Itam saya kurang bersetuju kata dengan itu rumah kos rendah dengan rumah kos sederhana. Kata kita tiada undang-undang sekarang untuk menghalang mereka atau mengambil balik kerana mereka sewa kepada pekerja asing atau pun menyewa kepada orang lain. Sebab ketika masa mereka mohon ini rumah kos rendah ada syarat-syarat tertentu di belakang yang pemohon itu *application form*. Sudah kata rumah-rumah yang mohon itu hanya mesti diduduki oleh *application* dan bukan dia memang tidak boleh menyewa kepada orang yang ketiga. Jadi saya kurang mengapa kata kita tidak ada undang-undang untuk kita mengambil balik rumah kos rendah, kos sederhana kepada yang tuan itu, pemilik itu, sewa kepada orang yang ketiga atau pun kepada pekerja asing. Dari segi undang-undang ini saya harap boleh ada satu penjelasan mengapa kita tidak boleh mengambil balik seperti yang di Taman Perwira Indah yang ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ya, terima kasih, Taman Perwira Indah ialah belum dijual. Pemaju tidak dapat menjual rumah tersebut dan atas aduan Yang Berhormat Padang Lalang kita telah memanggil mesyuarat dengan pemaju tersebut. Pemaju tersebut belum menjual rumah itu kepada orang lain dan dalam masa dua tahun dia tidak dapat menjual pada mananya pihak dan dia membuat penyewaan sementara kepada pekerja asing. Pada mesyuarat tersebut kita faham masalah pemaju tersebut dan kita akan membantu dia supaya dia dapat mencari orang yang sudi membeli rumah tersebut.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Beri sedikit penjelasan lagi.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Yang Berhormat Padang Lalang hadir dalam mesyuarat tersebut. Kita telah aturkan satu mesyuarat untuk turun lihat rumah tersebut bukan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Soalan saya adalah yang mereka sedang yang sewa kepada orang ketiga sudah jual beli. Sudah jual beli kepada orang-orang yang lain dan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

*My point reference ialah terhadap apa undang-undang peraturan di Singapura. My point reference you know dan sekiranya kita menjalankan tugas terlalu mendesak, terlalu gopoh tanpa asas undang-undang, tidak perlu elok dan saya rasa saya perlu memperhalusi isu ini bersama Penasihat Undang-undang Negeri terhadap bagaimana kita dapat membuat proses ini dengan lebih elok, lebih teratur dan lebih tertib.*

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Okey, saya kurang .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ya, setengah orang mungkin tidak berpuas hati dengan jawapan saya tetapi ini jawapan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Sebab memang kata dalam *application form* itu kata dia tidak boleh sewa kepada orang lain, tetapi memang yang sudah dijual punya bukankah kata ..(gangguan), bukan kata tidak dapat ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Semua prosedur perlu *legal baeking*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Jadi macam mana .....(gangguan), mereka terus sahaja.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Bukan seperti saya kata tadi kita akan buat semula, semak semula apa yang peraturan kita sedia ada, bagaimana kita dapat membuat perkara ini dengan lebih teratur, kerana sebelum ini memang tiada apa-apa sebelum selepas 20 tahun, 30 tahun. Tiada tindakan diambil balik berkenaan kategori ini dan kita ingin memulakan, kita perlu lihat apakah peraturan yang kita ada sekarang adalah lebih teratur ke, tertib ke semua. *We have to look in that aspect again.*

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Jadi saya faham dari Kerajaan Negeri yang dahulu sebab mereka tidak buat apa-apa, jadi isu ini semakin mai semakin serius.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Lalang kerana membangkitkan isu ini dan kita memulakan proses ini.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Adakah tempoh tidak. Boleh ada satu tempoh untuk masalah ini.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Seperti saya kata kita ada *appointment* dengan Yang Berhormat untuk turun padang untuk melihat Taman Permai. Kita sudah tetapkan tarikh.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Bukan, saya kata yang sewa.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Perkara yang sama.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Okeylah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat, saya ada hal lain, bukan yang ini.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Bukan saya belum. Panjang lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Berkenaan dengan isu, saya akan tunggulah soalan berkenaan dengan pengecatan ....(gangguan). Baik, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Panjang lagi, jangan risau. Ada lagi, panjang lagi. Yang Berhormat Sungai Bakap ada soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):**

Sebelum ada saya punya hendak cakap tentang Sungai Bakap.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Banyak lagi, jangan risau. Ada jangan risau.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):**

Saya takut terlepas saya punya.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ada jangan risau. Yang Berhormat Pulau Betong dan Yang Berhormat Bayan Lepas membangkitkan isu perhubungan situasi pertukaran milik tanah tentang bertanyakan polisi Kerajaan Negeri untuk berikan pampasan yang adil dan munasabah supaya penduduk tidak teraniaya.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kebanyakan kes-kes ini adalah difailkan oleh pemaju di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk mendapatkan satu perintah mahkamah menunjukkan hak milik mendapatkan satu perintah mahkamah dan menggunakan *belief* untuk melaksanakan perintah mahkamah ini dan kita memang sejak dahulu lagi ini adalah proses di bawah *national land code* yang telah diambil dan pendirian kerajaan, dasar kerajaan adalah kita telah mempunyai dasar atau pun ketetapan untuk penduduk-penduduk yang terlibat dengan pembangunan projek kerajaan. Kita akan mencari penyelesaian penempatan semula atau pun bayaran *ex gratia* mengikut perincian butiran yang digariskan dalam dasar tersebut.

Bagi tanah milik swasta kita menggalakkan pemaju untuk mencari penyelesaian yang munasabah kepada semua pihak yang melibatkan gantian rumah atau pun wang ganti rugi. Bentuk pampasan adalah perlu tertakluk kepada keadaan masing-masing dan saya ambil contoh baru-baru ini saya sendiri telah terlibat dalam mengambil bahagian dalam beberapa isu-isu tentang setinggan di kawasan saya sendiri, di kawasan Lorong Batu Lancang, di kawasan Sawyer Garden. Isu-isu ini telah dapat diselesaikan bukan secara sepenuhnya tetapi sebahagiannya telah mendapat pampasan, saya kira boleh mereka terima kerana mereka keluar rumah dengan sudinya.

Perundingan-perundingan sebegininya perlu melihat kepada fakta-fakta sejarah, fakta-fakta berapa lama dia tinggal di sana, fakta-fakta yang berkaitan sekiranya macam kes-kes Kampung Buah Pala, Yang Berhormat Seri Delima sendiri tahu itu adalah fakta yang berlainan dengan fakta setinggan-setinggan atau pun peneroka bandar yang lain. Isu-isu penyelesaian setinggan ini sekiranya tidak dapat menyelesaikan penyelesaian setinggan ini, pihak berkuasa tempatan yang tidak dapat akan meluluskan (COW) Commencement of Work kita tidak dapat meluluskan COW sekiranya isu-isu melibatkan penduduk, isu-isu melibatkan setinggan ini diselesaikan.

Yang Berhormat Sungai Dua bertanyakan berhubungan penyaluran peruntukan bayaran sumbangan pelepasan kuota Bumiputera. Untuk maklumat Yang Berhormat Sungai Dua, tiada. Untuk maklumat Yang Berhormat Sungai Dua sebanyak RM23,674,288.086 telah disumbangkan dalam tabung pelepasan kuota Bumiputera ini sejak tahun 2008 dan ini adalah dalam akaun Amanah Kerajaan Negeri dan sebelum ini kita tidak tahu apa pergi wang sumbangan ini. Kita pun tiada rekod dalam Kerajaan Negeri apa berlaku dengan wang sumbangan ini tetapi Kerajaan Negeri akan menggunakan wang ini untuk membantu mereka yang perlu kategori Bumiputera untuk memenuhi aspirasi pemilikan rumah.

**Ahli Kawasan Batu (Y.B. Tuan Lau Heng Kiang):**

Yang Berhormat boleh tanya, tadi kata Yang Berhormat Sungai Dua tanya itu duit sebelum itu tiada rekod. Saya kurang faham apa maksudnya.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Sebelum ini tiada rekod dalam Kerajaan Negeri. Saya pun tidak. I mean boleh tanya Yang Berhormat Sungai Dua, saya pun tidak tahu. Mungkin Yang Berhormat Bayan Lepas ke lebih tahu daripada saya.

Yang Berhormat Adun Sungai Bakap telah meminta supaya Kerajaan Negeri membuat proses pengambilan tanah di Bakau....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):**

Di Makau.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta maaf saya ada satu soalan. Saya hendak tanya berkenaan dengan isu pampasan ini memandang Yang Berhormat adalah Ahli EXCO yang bertanggungjawab tentang hal-hal ini. Adakah benar portfolio Yang Berhormat menerima RM3.2 juta sumbangan daripada parti MIC untuk membantu membeli balik Kampung Buah Pala kerana ini adalah artikel yang ada di dalam MIC to help Kampung Buah Pala di mana Y.B. Dato Seri S. Samy Vellu menyatakan MIC akan bayar RM3.2 juta dan di luar dikatakan bahawa wang itu telah dihantar untuk membeli balik tanah untuk membantu penduduk-penduduk Kampung Buah Pala. Adakah ini benar.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Satu sen pun kita tidak terima. Itu tentu rekod kita tidak terima mungkin dia janji-janji sahaja yang tidak dapat ditunaikan. Yang Berhormat ADUN Sungai Bakap meminta supaya Kerajaan Negeri membuat proses pengambilan balik tanah di Makau Suah untuk dibangunkan dengan projek perumah rakyat. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita telah mengemukakan 4 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, projek PPR dan kita mengambil maklum terhadap cadangan Yang Berhormat Sungai Bakap ini dan kita membuat kajian yang lebih teliti terhadap cadangan tersebut.

Yang Berhormat ADUN Seberang Jaya meminta supaya Kerajaan Negeri ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):**

Penjelasan tambahan. Saya juga ada bertanya tentang Bayan Mutiara. Adakah rancangan untuk bina kos sederhana di Bayan Mutiara? Satu. Yang kedua, ada tidak Kerajaan Negeri merancang untuk sediakan tanah untuk pembinaan rumah-rumah mampu milik kos rendah atau kos sederhana? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ya, PDC telah memenuhi obligasi untuk pembinaan rumah mampu milik di Halaman Kenanga di kawasan juga Barat Daya dan saya rasa buat masa ini di Bayan Mutiara tiada perancangan sedemikian ini di Bayan Mutiara. Ia dibina di tempat lain di Halaman Seroja di Batu Kawan dan juga di Halaman Kenanga. Ia sudah dibina di tempat-tempat memenuhi obligasi PDC dan tentang soalan kedua tentang pembinaan rumah mampu milik.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):**

Untuk pembinaan rumah-rumah mampu milik ini maksudnya kerajaan ada tak....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ya, kita ada membuat perancangan tentang PPR dan memohon peruntukan daripada RMKe-10 dan juga pada selain daripada *obligation li mean* ataupun *contribution* Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Halaman Kenanga, Seroja di Seberang Perai Selatan, Batu Kawan akan dibina rumah kos sederhana rendah 195 unit dan juga Halaman Kenanga 714 unit yang sedang dalam pembinaan ini adalah *contribution* PDC. Di samping itu melalui dasar kerajaan kita juga telah menetapkan pemaju-pemaju yang pembangunan yang besar yang untuk membina *low cost*. Senarai ini adalah tarikh yang diluluskan selepas 2008 misalnya saya petik beberapa contoh saja di Seberang Perai Tengah, lokasi Desa Impian 69 unit,

rumah pangsa kos rendah 5 tingkat yang *permission* diluluskan pada 15hb. Oktober 2008 di Residensi Tropika, 123 unit rumah pangsa kos rendah 5 tingkat diluluskan pada Januari 2011 di Seberang Perai Tengah, Jalan Permatang Pasir 142 unit rumah pangsa kos rendah 7 tingkat, pada tahun Mac 2011 di Seberang Perai Selatan, lot 461 simpang 4 rumah pangsa kos rendah 100 unit lot 214 Jalan Bukit Tambun rumah berkembang kluster diluluskan September 2010. Ini adalah petikan saja yang telah kita luluskan selepas 2008 oleh yang akan dimajukan oleh pihak swasta dan adalah kombinasi menggunakan PDC sebagai *vehicles* untuk pembinaan dan seperti Kerajaan Pusat juga menggunakan syarikat Perumahan Negara sebagai *vehicles* untuk membina rumah mampu milik dan juga mengguna polisi untuk supaya pemaju-pemaju ini memenuhi obligasi untuk membina rumah-rumah mampu milik ini di daerah-daerah kita.

Y.B. Seberang Jaya meminta supaya isu tentang penduduk bangunan bertingkat *higher building* dan kita telah memperkenalkan dasar menaik taraf rumah kerajaan dan kita telah komited. Untuk 5 tahun kita akan memberikan memasukkan dalam belanjawan kita sekurang-kurangnya RM10 juta setiap tahun peruntukan sejumlah RM9.94 juta. Pada tahun 2010 dan sebanyak RM13.35 juta untuk memperbaiki dan menyediakan kemudahan yang lebih selesa kepada penghuni-penghuni rumah kerajaan antara lainnya termasuk pembaikan kerosakan lif, membaiki kebocoran paip, pendawaian semula elektrik, penggantian *riling* dan sebagainya di projek-projek Kerajaan Negeri Perumahan Awam Kerajaan Negeri termasuk di Taman Tun Sardon, yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri di Tun Sardon, Padang Tembak, Ampang Jajar, Desa Wawasan di Bukit Mertajam dan beberapa lagi.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sapa dulu penjelasan...(gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya dulu, sat saja sikit lagi. Terima kasih Y.B. Seberang Jaya. Ini yang saya tunggu untuk saya Tanya dari awal lagi, saya berterima kasih kepada Y.B. Air Itam kerana di atas jasa baik Yang Berhormat dan juga Kerajaan Negeri kerana dapat menyelesaikan beberapa masalah di kawasan flat Taman Tun Sardon dan saya amat berterima kasih dan saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih.

Pada masa yang sama saya juga faham Yang Berhormat sendiri telah pun memberi perkhidmatan yang cukup baik umpamanya memperbaiki lif yang rosak dan sebagainya di beberapa tempat di KADUN Yang Berhormat sendiri iaitu di flat Kampung Melayu tapi baru-baru ini saya lihat semua perkara-perkara yang dilakukan oleh Yang

Berhormat sendiri di kawasan-kawasan Yang Berhormat mahupun di kawasan saya mahupun di kawasan-kawasan lain tidak diberikan liputan oleh surat khabar tempatan. Ini adalah perkara yang mendukacitakan, kita lihat baru-baru ini di mana satu lawatan kilat dibuat oleh Perdana Menteri kita di mana saya memetik laporan surat khabar The Star yang menyatakan tak tahulah sama ada ini merupakan satu agenda pilihan raya yang akan datang di PRU 13, Perdana Menteri berkata seperti berikut *Najib announces fund to improve water pressure at high rise unit.*

Soalan pertama saya adakah apa-apa masalah tekanan air pertamanya diadu, nombor dua beliau juga berkata seperti berikut *unlike the Penang Federal Government will lot ask for any payment from the people since we do not believe in a burdening*

*them, I will leave repainting job to the state he said at the launched in the Kampung Permatang Pasir.* Jadi beliau pertamanya ingin memberi sumbangan untuk menaikkan kualiti tekanan air.

Soalan kedua saya adakah apa-apa sumbangan diterima sehingga hari ini? Adakah ini benar ataupun cuma sandiwara politik Perdana Menteri soalan pertama saya. Nombor dua, adakah benar bahawa Kerajaan Negeri juga telah memberi peruntukan yang besar untuk mengecat flat umpamanya di kawasan saya Tun Sardon ada lebih kurang 8 atau 9 blok, daripada 8 atau 9 itu, sebelum pilihan raya 2 blok telah dicat, tetapi selepas pilihan raya bila mereka kalah yang baki itu ditinggalkan mereka lagi, jadi entah sampai bila mereka akan datang untuk mengecat kembali. Jadi saya adakah apa-apa peruntukan khusus yang disediakan untuk mengecat semua flat-flat ini terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Tentang lawatan yang disebut-sebut tadi, saya rasa kita masih belum baru saja satu bulan, kita beri dia peluang sikit kerana saya rasa perkara-perkara tersebut akan perkara-perkara seperti tekanan air ini semua hanya perkara-perkara yang tidak begitu major bukan isu-isu major isu-isu major di kawasan-kawasan kita adalah lif. Lif atau pun tangki yang rosak, paip yang bocor, sewerage paip yang lebih jauh lebih serius, saya rasa kita bersedia bekerjasama dengan Federal sekiranya peruntukan-peruntukan tersebut dapat ditunaikan, *i think....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Beri laluan, saya punya tadi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Walaupun seperti Yang Berhormat kata, saya rasa perkara ini kita tak boleh berkompromi, sebabnya seperti berikut, dia membelanjakan lebih kurang RM4 juta untuk membaik pulih premis beliau. Saya bercakap tentang Perdana Menteri, banglo atau istana atau mahligai beliau menggunakan perbelanjaan lebih kurang RM4 ke RM5 juta dan ini adalah isu rakyat jangan benarkan Perdana Menteri kita gunakan perkara ini sebagai sandiwara politik, kalau telah dijanjikan pastikan janji itu dikotakan, kalau tak dikotakan, heret dia ke mahkamah dan saman beliau atas janji tersebut ini yang saya syorkan. Ini syor yang kita buat dan ini yang kita lihat, saya dah begitu muak dan jijik dengan permainan politik. Perkara-perkara yang baik tidak dihebohkan, tidak dinyatakan saya mendukacitakan dengan pihak wartawan perkara-perkara baik yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri tidak pernah dihebohkan. Ini satu hari lawatan sampai pukul 9.00 dan pukul 4.30 naik balik kapal terbang tapi dihebohkan, dia pergi sana pergi sini lepas tu dia kata kita tak pernah pergi melawat jadi jangan biarkan sandiwara politik ini diteruskan Yang Berhormat, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Kita setiap kali pergi lawatan seperti yang ada sesetengah laporan surat khabar yang tidak betul yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri ataupun Y.A.B. Ketua Menteri tidak pergi melawat sebenarnya kita pergi melawat di Padang Tembak kita melawat setiap tahun, kita pergi setiap tahun saya pergi ke Padang Tembak setiap 2, 3 bulan *of course* di kawasan saya sendiri, saya pergi setiap dua minggu oleh itu dan laporan-laporan surat khabar tertentu yang menyatakan Y.A.B. Ketua Menteri, Kerajaan Negeri tidak membuat lawatan tidak betul langsung dan saya setuju dengan Y.B. Seri Delima berdasarkan fakta-fakta semua ini rakyat kepentingan rakyat kita perlu diutamakan.....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Okey, sebab ada sebut Seberang Jaya cakap pertama ialah rumah-rumah yang dibina oleh PDC, agensi kerajaan dan sebagainya yang kita duk persoal jawab ini rumah-rumah yang dibuat oleh tanah Kerajaan Negeri, pasai apa saya cakap sedemikian ialah wakil daripada Air Itam tadi Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM9 lebih juta kemudian nak bagi lagi RM13 juta untuk rumah-rumah Kerajaan Negeri, maknanya sekarang ini saya memohon Kerajaan Negeri membina rumah lagi banyak dengan dana Kerajaan Negeri supaya peruntukan-peruntukan seperti ini dapat diberikan kepada golongan-golongan ini. Kalaulah diberikan kepada PDC, akhirnya dia akan jadi nasib misalnya di Seberang Jaya Kompleks B1 sampai Kompleks B21, umpamanya lepas tu dia tinggal macam itu saja, tak tahu nak minta kat sapa dah, tapi kalau rumah tu milik Kerajaan Negeri maka Bahagian Perumahan juga akan memberikan pertolongan.

Jadi saya minta tolong Y.B. Air Itam kalau boleh peruntukan Kerajaan Negeri supaya ia ada lagi rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan Negeri bagi golongan-golongan yang boleh diberikan perhatian dan dalam perbahasan saya, saya merayu walaupun ditolak RM50 juta kerana di bawah peruntukan 2011 dan 2012 ianya adalah untuk rumah-rumah pangsa swasta yang telah muflis, yang dia punya pemaju dah tak ada, yang kita tak tahu, apa yang jadi dah, sapa pun tak ambil berat supaya mereka ini juga diberikan perhatian yang itu maksud saya.

Saya tak bermaksud untuk memperkecilkan Y.B. Air Itam, ada terima atau tidak ataupun bina atau tidak rumah-rumah oleh dana Kerajaan Negeri, saya mohon supaya disambung pembinaan rumah-rumah Kerajaan Negeri sebagai contohnya di kawasan Seberang Jaya mereka panggil perumahan rosak parti kerajaan negara tapi bukanlah maksud macam itu perumahan RPKN maknanya perumahan rumah Kerajaan Negeri RPKN, jadi itu adalah milik kerajaan akhirnya kerajaan membantu cat semula dan sebagainya.

Merujuk kepada sahabat saya dari Y.B. Seri Delima saya dapat maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negeri membuat pembaikan RM9 juta dan melalui surat khabar juga maknanya surat khabar ada menyiaran melalui The Star dan selain mendapat laporan. Selain itu juga kata sebut pasal janji nak cat dan sebagainya Y.A.B. Ketua Menteri ada buat lawatan ke beberapa tempat termasuklah Mahsuri M3, M4, M5 yang dilawat oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang diumumkan akan cat semula dengan peruntukan RM350 ribu dan sebagainya. Jadi saya nak tahu janji itu juga akan ditunaikan. Jadi bagi mekanisme Y.A.B. Perdana Menteri ialah apabila sesuatu telah pun diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri tanggungjawabnya akan diberikan kepada ICU unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan kalau kata tadi tentang *water pump* dan sebagainya dia adalah kerana ada surat yang dipohon khusus oleh rumah-rumah bertingkat itu maka dia berilah layanan yang sedemikian.

Sudah tentu lah Kerajaan Negeri pun tak mampu buat untuk semua. Begitulah juga Perdana Menteri tak mampu buat itu semua. Kalau nak kata *repair* rumah Perdana Menteri berapa juta ringgit dan sebagainya sebab itulah hari ini apabila hari ini daripada Seri Delima angkat sumpah lepas pilihan raya, kita panggil Yang Berhormat....(gangguan), pasai itu protokol begitu juga perdana menteri dan sebagainya. Dia pun tak mahu duduk rumah macam itu. Tapi protokol sebab dia kena ada satu suasana rumah yang membolehkan tak payah selalu buat perjumpaan di Hotel 5 bintang dan sebagainya. Dari segi pulangan kalau dikira kena bayar sewa kepada Hotel 5 bintang, nak *entertain* pelbagai bentuk orang mungkin lebih daripada jumlah yang telah dibayar.

Jadi biarlah kita mempunyai satu pemikiran terbuka sebagaimana Ketua Menteri pakai *Mercedes* takkan kita nak bagi dia bagi kancil kan, tak kiralah protokol, maknanya kita menjaga kedudukan Ketua Menteri supaya dia pun adalah sikit orang kata berjumpa dengan orang tertentu ada diletakkan singgahsana-singgahsana tertentu. Jadi janganlah kita pertikaikan sangat perkara-perkara yang sedemikian. Jadi sekali lagi saya merayu. Cuma ada tak nak dikemukakan rumah-rumah terbengkalai dalam Yang Berhormat punya hujah hari ini. Tak ada. Kalau ada.....(gangguan). Boleh, cakap sekarang ke sekejap lagi.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Telok Ayer Tawar sajalah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebab saya ada satu iaitu berkenaan Taman Crystal Park, ini dia sebenarnya rumah terbengkalai di Bukit Tengah. Sebab dia dah jadi isu yang memohon supaya campur tangan Yang Berhormat membantu mereka sebab Equator iaitu Hanifah Nordin and Company dengan kerjasama Equity Consulting Sdn. Bhd., telah pun memberikan tekanan dan bertukar tangan dan sebagainya, jadi penduduk yang kebanyakannya berbangsa Cina harus diberi pembelaan jugalah kepada mereka. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Tapi isu *Crystal Park* saya memang tahu dan pernah berjumpa dengan penduduk-penduduk tersebut bersama.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Penjelasan. Tadi perbincangan berpuncanya daripada isu pengecatan dan penyelenggaraan flat-flat seperti terutamanya dinyatakan lif tadi. Jadi saya ada dua perkara yang saya nak bangkitkan. Satu, ialah berkenaan pengecatan, saya ucapkan terima kasih kerana membuat keputusan untuk membiayai 80% kos pengecatan. Walau bagaimanapun, kita lihat semalam ahli-ahli daripada GERAKAN memberi satu memo kepada Kerajaan Negeri, meminta Kerajaan Negeri supaya membiayai keseluruhan kos termasuk yang 20% baki tersebut.

Saya ingin menyatakan bahawa sebelum ini Kerajaan Negeri sama ada sebelum ini Kerajaan Negeri ada membiayai keseluruhan kos pengecatan atau ia datang daripada Kerajaan Pusat nombor satu. Nombor dua dalam apa keadaan juga dalam kes kita sekarang kerajaan negeri membiayai 80% kos, saya memohon supaya Kerajaan Negeri dapat membuat satu permohonan kerajaan pusat untuk membiayai baki 20% tersebut. Kita lihat apa jawapan mereka. Itu nombor satu.

Nombor dua berkenaan dengan lif di kawasan Datok Keramat di Taman Free School perumahan awam ada tiga blok ada lif dan lif di situ begitu pelik. Selain ada masalah *breakdown* dan sebagainya. Lif di situ kalau kita ambil lif di *ground floor*, kita tak boleh pergi ke *first floor*. Kita terus pergi ke *second floor*. Then dari *second floor* tak boleh pergi ke *third floor* terus pergi ke *fourth floor*. *Fourth floor* tak boleh pergi *fifth floor*. Terus pergi *sixth floor*. Saya tak faham la macam mana punya lif. Ada, ada. Satu hari saya ambil you pergi sana just *incomprehensible*. Ada orang-orang tua dia orang *fourth* dari *third floor or fifth floor* tak payah guna lif, dia orang mesti pergi *six down and walk down, fourth floor walk up*.

Barang-barang dia orang ambil dekat lif pun banyak kesusahan yang dialami. Jadi saya itu dapat kita bukan sahaja penyelenggaraan satu lif yang begitu tak dapat difahami ataupun masuk akal so kita mahu tukar lif. Apabila kita tukar lif pastikan ia berfungsi. Bukan macam dia orang tukar itu *Penang Hill Train*, satu minggu buka tak tahu apa jadi. Itu Barisan Nasional punya kerja. Kita punya lif nanti tukar bagi dia elok sikit tak mahu rosak satu dua hari selepas tu. Itu yang saya punya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Itu kabel depa kata anjing la macam-macam la. Itu kita tak tahu lah.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya hanya jawab yang lif saja la. Yang *train* bukan dan *of course* kita akan ambil maklum dan juga tentang isu-isu bangkitkan. Tentang *Crystal Point* kita akan membuat pemantauan memang kita ada satu proses untuk bertemu dengan sama ada wakil penduduk atau pemaju secara berkala tentang projek-projek yang sakit dan terbengkalai.

Yang Berhormat Telok Air Tawar telah membangkitkan isu Taman Bayu terbengkalai ini dan kita telah memberikan jawapan secara bertulis dan ambil maklum dan terus akan memantau. Saya melawat kawasan tersebut, saya bersimpati, sebenarnya saya bersimpati dengan penduduk yang terpaksa menetap dalam kontena selama saya rasa lebih 15 tahun. Saya memang bersimpati dan rasa 15 tahun mereka duduk di rumah kontena dan kita akan memastikan supaya hak-hak mereka dapat dibela dan akan memberikan tekanan yang lebih besar kepada pemaju berkenaan.

Y.B. ADUN Pulau Tikus telah bertanyakan keperluan rumah kos rendah berdasarkan rancangan 5 tahun kita. Ini merupakan futuristik dan kita masih terdapat statistik permohonan terdapat masih 4,472 permohonan *low cost* di Seberang Perai Utara, 1,225 permohonan di Seberang Perai Selatan masih belum kita dapat penuhi dan untuk masa depan kita perlu juga perancangan pembinaan rumah kos rendah di kawasan-kawasan tersebut. Kita akan lihat semula menender semula rumah kos rendah di Ampang Jajar, Ujong Batu dan kita jangkakan melibatkan pembinaan sejumlah 800 unit rumah kos rendah dan kita akan juga melihat semula kepada pembangunan semula Kampung Pisang Awak di Jelutong. Di samping melalui PDC dan juga dasar Kerajaan Negeri dan swasta untuk kita meramaikan rumah mampu milik kita.

Y.B. Sungai Pinang membangkitkan isu kualiti pembinaan tentang rumah yang dibina tidak mencapai *standard* kualiti yang ditetapkan dan beliau mencadangkan supaya *liability period* dipanjangkan tempohnya. Saya rasa isu *liability period* ini adalah termaktub dalam *schedule G* atau *H* dalam Akta Pemaju dan ini perlu sekiranya nak panjang *liability period* ini perlu pindaan Akta Parlimen.

Kita nasihatkan penghuni-penghuni boleh mengemukakan *claim* di Tribunal perumahan tentang isu-isu khas kualiti pembinaan rumah yang dalam tempoh *liability*. Dengan ini saya secara ringkasnya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya minta penjelasan sikit. Y.B. Air Itam saya nak minta penjelasan sikit tentang COB. Saya difahamkan bahawa, COB dia YDP MPPP cukup sibuk sekali. Walau bagaimanapun pejabat COB itu prestasinya masih perlu ditingkatkan kerana mungkin kekurangan staf atau macam mana. Saya nak bagi contoh kerana saya pernah cuba dan ada beberapa rumah pangsa kos rendah, yang tak pernah ada *strata title*. Jadi saya belum tubuhkan MC, jadi saya cuba tubuhkan MC, lepas itu selepas tiga

mesyuarat. Dan saya terima kasih kepada pegawai COB yang datang bersama ke mesyuarat itu dan lepas itu apabila kita *file in* surat-surat kepada COB, tetapi selepas setengah tahun masih belum terima maklum balas atau *approval* untuk menubuhkan MC (*Management Corporation*). Ini bukan hanya berlaku pada satu tempat saja begitu juga pada blok-blok yang lain. Jadi saya tidak faham penubuhan *Management Corporation* dan diluluskan oleh COB ambil begitu panjang masa, kalau kita sekarang ada masalah tentang *strata title* apa penubuhan *Management Corporation* lepas tu dapatkan *strata title*, ini semuanya tugas-tugasnya COB, tugas-tugas pejabat COB.

Jadi saya perlukan kalau boleh kita tambahkan staf, kalau tak cukup asalkan kita boleh selesaikan isu-isu yang telah panjang lama tak selesai kerana kalau mereka tidak menubuhkan MC, kalau mereka tidak dapatkan *strata title* banyak masalah apabila nak jual beli rumah dan mempunyai kekurangan kuasa untuk *manage collect maintenance fees*, lepas tu ada orang asing tinggal dan banyak isu disebabkan oleh COB yang tidak diperkuasakan untuk menjalankan tugas mereka.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sekali lagi saya mencelah. Dalam perbahasan saya, saya dah bagi tahu minta supaya diberikan dana tambahan termasuk peruntukan khas kepada Pengerusi itu supaya dia ada *ad hoc*, *action* dia boleh gunakan duit tu. Nombor dua kalau COB ini kalau tak berperanan saya ingat kalau mai sekali lagi persidangan kita lagi banyak masalah. So kita kena buatkan COB ni dia ada Pegawai Khas yang diselesaikan satu persatu satu persatu, flat-flat supaya dia orang ada MC atau pun yang mana JMB yang kemudian nak jadi MC dan sebagainya. *Very important* kena ada *fund* sama ada daripada MMK Perumahan ataupun dari MMK Kerajaan Tempatan kita sama-sama bincang atau dua-dua bagi duit.

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya nak selaraskan juga penguatkuasaan dari segi COB di mana sekarang kurangnya penguatkuasaan, jadi banyak pemaju-pemaju lepas tangan sahaja dan mereka *used up the singking fund* lepas tu lepas tangan dan penduduk menjadi sengsara kerana mereka *no where to go*. Dan kalau kita cepat-cepat *monitor* pemaju, kalau pemaju ada silap-silap kita *go in and* jalankan penguatkuasaan atau saman dan isu penduduk akan dibela.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Hala tuju Kerajaan Negeri adalah untuk memperkuatkan sayap COB supaya isu-isu dan juga ini boleh diselesaikan dengan sistematik dan usaha penambahan staf kita akan lakukan dan juga supaya peranan COB dapat dimainkan dengan lebih aktif lagi. Tentang hak milik strata ini adalah kita juga menubuhkan satu *task force*, kita juga menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk melihat isu-isu berkenaan dengan *strata*

*title* dan juga pemantauan terhadap pemaju-pemaju yang belum mengemukakan permohonan *strata title* dan juga melakukan penguatkuasaan terhadap ini, kerana hak milik strata juga satu isu yang penting kerana dengan hak milik strata ini nilai hartanah akan meningkat dan juga mendapatkan pinjaman *loan* daripada bank dan dua-dua isu COB dan juga hak milik strata memang kita sentiasa ambil perhatian dan kita cuba untuk memperkuatkan kedua-dua bidang tugas hak milik strata dan juga COB. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan berhenti rehat. Dewan akan bersambung semula pada jam 4.55 petang.

**Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.**

**Dewan bersidang semula pada jam 5.00 petang.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula. Silakan Bukit Tambun.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menyertai dalam sesi penggulungan untuk sidang Dewan kali ini. Y.B. Dato' Speaker, sepanjang persidangan kali ini kita lihat bahawa berbagai masalah telah pun kita timbulkan oleh Yang Berhormat, khususnya daripada Yang Berhormat daripada pembangkang. Banyak soalan yang telah pun dibangkitkan dalam isu pelancongan baik kebajikan baik perumahan. Banyak kritikan yang berasas ataupun tidak berasas dinyatakan dalam Dewan ini. Cumanya dalam sidang Dewan ini saya ingin membicarakan logik perbahasan di belakang isu-isu kebangkitan ataupun kritikan-kritikan yang telah pun dilontarkan.

Kita lihat program-program yang telah pun ditajakan ataupun dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri selalunya kita dapat kritikan daripada pembangkang. Ini logik perbahasan yang betul juga.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya minta maaf Yang Berhormat, boleh *just short*. Saya ingin nyatakan walaupun *the last sentence* Yang Berhormat adalah menerima kritikan, itu tak betul. Kerana kita lihat sistem *BEST, park and ride system*. Ini adalah sistem yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tapi orang yang pergi buat heboh-heboh dapat kredit. Pergi tengok sistem itu dan mendapat liputan di dalam surat khabar. Adalah *coordinator-coordinator* Barisan Nasional. Lembu punya susu sapi dapat nama .... (ketawa, tepuk meja). Jadi tak malu ke kita lihat Yang Berhormat daripada Telok Bahang tu dia tengok macam dialah pelopori...(ketawa, gangguan), tunggu dulu, saya belum habis lagi. Ini adalah kebijaksanaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. *This is the brain child of the Penang State Government. But who get the publicity? Every see Y.B. Dr. Teng Hock Nan, my God ....(dengan izin), tak malu ka?* Ini Kerajaan Negeri Pulau

Pinang buat. Kita pergi depa dapat publisiti. Saya betul-betul malulah. Janganlah buat macam ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan, penjelasan.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Baru satu tajuk saja. Belum masuk yang lain lagi...(gangguan suara), Telok Bahang nanti. Dengar habis ini dulu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, sikit ja. Ini kita kena terima kasih dengan Kerajaan Pusat. Berapa banyak ratus juta dia belanja. Sekarang bas dah berapa tambah. 150 campur lagi dengan 200. Dah meliputi seluruh Pulau Pinang. Kalau Kerajaan Negeri sendiri nak jalankan projek ini memang tak mampu, tak mampu, rugi, tiap-tiap bulan rugi. Memang dulu pun semasa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tapi ini rancangan Kerajaan Negeri. *This is the brain child of the Penang Government.* Masa Yang Berhormat dalam kerajaan pernah buat ke? Tak pernah buat. Tak pernah fikir pun. Kerana kita sibuk fikir politik. Nak kacau sana, nak kacau sini, kacau sana, kacau sini. Tapi bila kita buat, dia pergi ambil publisiti. Tak malukah, tak malukah?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, ini saya punya *floor*. Pasai apa *interfere* macam ni? Saya masih ingat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kemaluan besar .....(gangguan, ketawa), saya punya lagi besar.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Dato' Speaker, saya minta dia tarik balik. Dia kata kemaluan besar. Saya punya lagi besar. Tarik balik.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seri Delima tarik baliklah. *Interpretation* boleh menjadikan lain.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tarik dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Okey Y.B. Dato' Speaker, saya tarik balik. Bukan kemaluan besar. Kemaluan kecil....(gangguan, ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tak boleh, tak boleh.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tak boleh. Kemaluan itu kena tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Okey, kemaluan tarik balik.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Ya, ya kena tarik balik, saya pun dengar dia kata, besar dia punya.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Telok Bahang kalau ada nak cakap.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Sejarahnya Y.B. Dato' Speaker, *bus transport* ini memang saya ingatlah. Semasa saya berada di Parlimen di Kementerian Kewangan, saya ingat. Kerajaan Negeri nak minta RM50 juta nak pinjam ... (gangguan) dengarlah dulu. Jadi kita buat keputusan Kerajaan Negeri minta pinjaman. Tapi saya tahu bila nak buat *bus transport* memang rugi. Masa itu Kerajaan Negeri ialah Barisan, memang tak boleh bayar. So sebab itu Kementerian Kewangan buat keputusan kita jalankan servis itu sendiri. Ala Rapid KL. Untuk rakyat Pulau Pinang. Patut berterima kasihlah. Ini apa.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kita nak bercakap tentang EXCO Tempatan, Banjir dan Pertanian. Ini bincang kemudian semasa EXCO Pengangkutan.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Y.B. Dato' Speaker, memang kritikan yang asas adalah kritikan yang berpolitik. Memang saya nak sambung daripada apa yang dikatakan oleh Y.B. Telok Bahang. Dalam logik perbahasan itu kita lihat projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dikritik ataupun dibagi pandangan yang berbeza. Dan ini betul memang saya akui bahawa dalam isu kita mengasingkan bidang kuasa, apa pun bidang kuasa yang dimiliki kerajaan. Dan apa yang Kerajaan Negeri perlu tanggung.

Saya lihat ini dibuktikan sekali lagi bila Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat bila kita bangkitkan isu pembaziran, ketidakadilan, dan salah guna kuasa, memangnya selalu Ahli-ahli Pembangkang cepat-cepat naik. Bawa isu ke Parlimen. Ini menunjukkan logik isu perbahasan memang betul. Memang pun logik kita kena bezakan kuasa negeri atau kuasa Persekutuan. Tanggungjawab persekutuan ataupun tanggungjawab negeri. Dan dalam sidang Dewan kali ini, kita lihat mungkin kadang-kadang Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pembangkang selalunya *try to confusing* bidang kuasa yang tidak jelas ini. Saya nak angkat contoh yang telah pun dibangkitkan oleh Y.B. Seberang Jaya dan juga Permatang Berangan. Dua isu yang telah pun dibangkitkan dalam sesi perbahasan yang dulu, iaitu yang bersabit dengan

Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang dan juga Rancangan Tebatan Banjir Sungai Perai.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bagi laluan Y.B. Sikit saja. Berkenaan isu logik perbahasan. Saya cuma ingin nak menambah. Kalau kita lihat tentang logik perbahasan. Atas isu-isu yang memberi kesan kepada rakyat. Bila kita bercakap tentang isu-isu kepentingan rakyat, umpamanya pembaziran wang yang digunakan untuk mengubahsuai banglo Perdana Menteri. Mereka tidak berani bersuara. Kerana perkara ini melibatkan bos mereka. Sebenarnya mereka ini cuba mempolitikkan. Cuma kata oh membela nasib rakyat. Barisan Nasional bela nasib rakyat dan sebagainya. Tapi yang sebenarnya bila kita berbincang tentang hal melibatkan pembaziran wang, penggunaan RM3.4 juta wang

untuk mengubahsuai mahligai Perdana Menteri mengapa tak persoalkan. Sebab mereka tidak mahu berbahas, sebab itu mereka kata, pergi ke Parlimen berbahas. Kerana mereka takut nak menyuarakan isu ini. Betul tak betul?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Bukan takut. Ini soal Parlimen, soal *federal*, soal Kerajaan Pusat....(gangguan), nak bahas, bahas di sana, Ahli Perai dia Ahli Parlimen, tunjuk di Parlimen panggil wakil-wakil Parlimen....(gangguan), wakil-wakil Parlimen ada. Kalau tak faham jangan dok bercakap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ini soal wang rakyat. Wang hasil rakyat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Duit rakyat tapi ada bidang kuasa. Bidang kuasa negeri, negerilah. Bidang kuasa Pusat, Pusatlah.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sudah. Terus kepada menjawab soalan. EXCO pertanian.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Saya nak angkat contoh kedua-dua Rancangan Tebatan Banjir yang saya sebut tadi. Kedua-dua projek ini bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Tetapi malang sekali bila disebut kedua-dua Rancangan Tebatan Banjir yang berpuluhan tahun tidak siap sampai ke hari ini saya pula dimaki bahawa saya tidak dibuat kerja, saya pula yang laeh....(gangguan). Saya nak tanya dan saya tidak begitu puas hati dalam isu inilah. Kerana kalau ia bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, peruntukan daripada Persekutuan, projek tidak dapat dilaksanakan dengan sempurnanya, sebenarnya Menterilah yang akan bertanggungjawab kepada perkara yang demikian.

Jadi bila disebut EXCO banjir tidak buat kerja, laeh, saya memang tak setuju. Memang saya marah....(gangguan). Mungkin sudah tibanya musim pilihan raya itu ada yang demam kuat sikit, ada demam tidak begitu kuat. Yang demam itu pun sudah sengaja untuk putar belitkan yang tidak tepatlah. So apa pun saya nak jelaskan di sini tidak boleh sebegini. Saya setuju bidang kuasa. Betul, Sungai Dua. Tak boleh macam ini, kalau *you* nak mulakan projek sudah awal-awal bubuh papan tanda, ini projek Barisan Nasional. Tapi tak siap. Tak boleh dilaksanakan, tak boleh siap, dalam masa

tempoh yang tertentu. Kita pula yang bertanggungjawab. *That's not right* la. Tapi dalam isu perlaksanaan pelbagai projek Persekutuan ini ada yang kita mampu bekerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan, kita juga akan bantu untuk selesaikan.

Misalannya yang Ahli Berhormat Permatang Berangan yang katakan, walaupun MAIPP sudah pun rela nak sediakan sebidang tanah untuk jadikan tapak penempatan kepada projek Sungai Pinang fasa 2 khusus untuk tujuan penempatan semula. Tetapi dia buktikan mengapa Kerajaan Negeri tidak angkat ataupun tidak diteruskan. Adakah Y.B. EXCO tidak tahu kerja, saya hendak jawab ini juga, mengapa isu ini tidak diteruskan. Kerana RTB Sungai Pinang sudah berpuluhan tahun tidak dapat disiapkan. Selepas 2008 bila kita angkat pucuk pemerintah Kerajaan Negeri, kita cari jalan supaya projek ini boleh dipercepatkan. Kalau ikutkan tapak yang disediakan oleh MAIPP dengan peruntukan kos yang dianggarkan pada masa itu oleh JKR adalah RM15 juta untuk kos konsep penempatan itu dan dengannya ada syarat-syarat yang lain.

Misalannya ada yang sebut mungkin yang *non Muslim* tak boleh dimasukkan kepada flat yang akan dibenarkan oleh dibawa tanah yg dimiliki oleh MAIPP dan lain-lain. Untuk cari satu jalan yang lebih pantas, yang lebih segera untuk diselesaikan masalah di Sungai Pinang, kita telah angkat satu jalan yang lebih cepat iaitu kita minta MPPP supaya sediakan ataupun merizabkan bilangan rumah kos rendah dan bilangan rumah kos sederhana. Kos rendah itu untuk mereka yang terlibat dalam isu penempatan ini. Kita bagi pilihan lagi kepada mereka, kalau mampu angkat yang LMC kalau tak mampu angkat LC. Ini adalah satu cara yang kita usaha untuk mempercepatkan supaya tidak lagi di *drag* kan projek RTB Sungai Pinang ini tidak dilanjutkan. Ini adalah usaha yang Kerajaan Negeri cuba nak membantu supaya projek Persekutuan pun atas kepentingan rakyat di mana kita katakan rakyat didahulukan ini perlu kita buat kita buat kalau prestasi projek Persekutuan tidak memuaskan kita tetap perlu akui bahawa tidak boleh sampai masa projek persekutuan tidak dapat dilaksanakan pula kita pula yang kena. *So that one I not agree.*

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Boleh bagi laluan. Terima kasih. Kepada Ahli Kawasan Bukit Tambun. Kita katakan laeh itu kerana projek tebatan banjir untuk Sungai Derhaka fasa yang hendak sambung daripada Masjid Papan ke Permatang Nibong menghadapi masalah penempatan semula. Penggunaan dan pampasan kedua. Kalau Ketua Menteri boleh *stop projek double track* kerana ada masalah penempatan dan sebagainya kita hendak kaedah itu digunakan oleh ahli Kawasan Bukit Tambun supaya membantu menyelesaikan masalah ini dulu. Apabila kita ambil tindakan proaktif apabila ada fail yang kita bincang hari itu bersama Dato' Mufti kita telah buat ketetapan penduduk di kawasan ini dipindahkan ke kawasan Permatang Nibong dan seterusnya pampasan dinilai tetapi tidak setimpal sepertimana yang mereka minta tetapi satu jumlah yang munasabah.

Yang saya hendaklah ini ialah EXCO berkenaan Bantu kita panggil satu lagi perjumpaan JPS yang membantu mengawas RTB dan juga seterusnya penduduk setempat. Kalau kita tidak selesai duit ini dibawa balik ke pusat, kita menghadapi masalah dari segi masa untuk dapatkan balik. Jadi jangan ambil hati dengan perkataan laeh itu sebagai satu halwa untuk Ahli Bukit Tambun untuk melakukan sesuatu. Saya ambil kesempatan ini juga kerana kawasan di belakang Alagapa dekat Permatang Batu banjir kerana *double track* dan seterusnya kerana perparitan yang amat serius dan perlu diberi perhatian.

Perkara sedemikian ini juga tidaklah sepatutnya pegawai-pegawai dari JPS mesti ada pemantau atau mandur pergi tengok bila banjir kilat berlaku sedemikian hendaklah segera memberitahu kepada Ahli Bukit Tambun dan sebagainya supaya diambil tindakan segera. Ada perkara peringkat ADUN tambah pula ADUN

Pembangkang yang kurang mempunyai ummp dia, kuasa dia tapi EXCO adalah lebih sikit angkat telefon tanya EXCO itu sahaja kita tidak berniat selain daripada membela nasib rakyat.

Saya memohon supaya diberikanlah tekanan sedikit kita telah beritahu kepada Pengarah JPS, kita panggil siap-siap RTB & EXCO kita *brain storm* macam mana supaya kita boleh membantu kalaular kita beri tekanan jadi RTB *officer* boleh beri tekanan di peringkat federal, projek ini boleh dilaksanakan segera kerana fasa 1 sudah siap. Menyentuh fasa yang sudah siap ini juga saya rasa dari segi pengawasan *supervision* amat lemah kalau kita tengok dari segi keselamatan dia tidak ada langsung dan sekarang sudah siap, kalau ada peruntukan khas, tambahan yang ada di negeri tolong buat pagar. Nanti orang akan jatuh di sepanjang Taman Haji Md Amin di situ. Tambahan itu mungkin dari bajet Kerajaan Negeri.

Nombor dua dia buat *concrete sum*. Dulu saya beri jalan susur, jalan tepi parit tapi dulu jalan itu luas dari Carrefour ke Masjid Papan minta *sum* itu diturunkan. *Sum* diturunkan bubuh *heavy duty grating*. Mungkin kalau Kerajaan Negeri tidak cukup peruntukan kita cari peruntukan lain kita boleh gunakan bila tidak ada halangan dari segi melebarkan jalan tersebut dan beri kemudahan kepada warga Seberang Jaya yang sentiasa dibela oleh Wakil Rakyat dia.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Y.B. Seberang Jaya kalau guna cara begini untuk minta bantuan saya akan pertimbangkan. Kalau guna perkataan laeh tidak ada terus terang di sini. Y.B. Dato' Speaker, saya juga kesian kepada Y.B. Seberang Jaya. Saya angkat balik hansard-hansard yang dulu Seberang Jaya bila ada sidang juga, minta Sungai Perai macam mana siap tidak siap. Dulu EXCO pun jawab tapi dia jawab lebih singkat. Itu *act of God* tidak boleh buat apa-apa. *That is* Jawapan dari EXCO dulu. Saya amat kesian juga Seberang Jaya bila sama-sama Barisan Nasional Y.B. Kawasan tidak boleh dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat, sekarang okey saya rasa saya faham apa yang Y.B. Seberang Jaya cuba hendak minta bantuan daripada Kerajaan Negeri. Saya rasa atas kepentingan kawasan Seberang Jaya dan Parlimen Permatang Pauh saya akan bagi selesaikan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih. Janji.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Kalau dalam kapasiti Kerajaan Negeri okey. Tapi perkataan itu lain kali saya minta tarik balik.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Sungai Dua belum sampai lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, penjelasan, saya cuma yang istilah laeh bermakna orang yang bekerja kuat lepas itu dia letih. Yang itu laeh. Memang Y.B. Bukit Tambun dia kerja kuat, saya tak nafikan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Setiausaha Dewan catat yang ini.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Laeh ini lembek. Bukan letih, lembek.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Selepas Y.B. Seberang Jaya bergomol dengan Bukit Tambun, letih. Lepas bergomol, laehlah. Lepas itu hari ini dia kata bila tak bergomol tak bercinta, kita rasa sayang nak tolong. Terima kasihlah.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Saya rasa memang ada lagi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan walau pun di bawah projek persekutuan. Pada hal JPS pun sentiasa kalau kita lihat masalah yang belum lagi sempurna dan tidak mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dengan segera kita pun guna dana yang kita ada, seperti yang disebut oleh ADUN Telok Bahang iaitu caruman perparitan yang kita guna. Nanti kita masuk kerana itulah banyak projek-projek yang telah pun kita laksanakan itu tidak dapat peruntukan daripada Persekutuan kita guna dana itu untuk siapkan projek-projek yang melibatkan kepentingan rakyat.

Saya nak pergi ke RTB Sungai Pinang, saya rasa Kerajaan Negeri telah menyediakan tempat-tempat untuk mereka yang terlibat dengan isu penempatan. Dan bukan sahaja memberi lokasi tetapi ada pilihan lagi. Mereka boleh pilih kalau mereka mampu bayar lebih LMC, kalau tidak mampu kita bagi LC. Dalam isu ini jumlah yang telah pun kita keluarkan cek-cek sagu hati, wang-wang sagu hati ini, saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, jumlah penduduk yang telah mengambil cek 40% dan 60% kita asingkan kerana kita tidak mahu jadi kes, bila mereka dapat duit sagu hati atau pampasan, habis angkat projek tidak dapat dilaksanakan, duit itu habis terjadinya kes projek yang sekarang kita lihat, itu kita kena avoid kan. So kita ambil kaedah 40% dan 60%. Yang mereka yang telah pun ambil cek kedua-dua maksudnya boleh dianggapkan selesai adalah seramai 35 orang. Jumlah penduduk yang telah ambil cek 40%, seramai 99 orang. Ini dimaksudkan mereka terima bilangan duit sagu hati itu dengan kita bayar cek 40% itu kalau mereka hendak cek 60% mereka perlu mengosongkan rumah mereka. Sekarang juga JPS telah pun memagar sebahagian daripada rumah-rumah yang telah dikosongkan, Kita guna kaedah memagarkan supaya orang lain tidak masuk lagi.

Untuk kategori ketiga, jumlah penduduk masih belum mengambil duit 40% dan 60% itu adalah seramai 70 orang. Ini adalah bahagian di mana yang dikatakan perundingan juga penilaian semula dengan jawatan kecil yang selalu kita bawa turun untuk berjumpa dengan penduduk-penduduk sedemikian. Supaya 70 orang ini boleh kita atasi melalui mekanisme yang telah disediakan.

Untuk menyelaraskan lagi proses penempatan ini bukan sahaja MMK Tebatan banjir terlibat malahan Timbalan Ketua Menteri I pun sendiri ada usaha menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh TKM untuk kita selesaikan masalah mereka sekarang duduk di Lorong Kulit. Ini juga satu usaha yang ingin angkat supaya walaupun ini projek Persekutuan, Kerajaan Negeri Perlu angkat juga sikap yang lebih progresif untuk selesai isu ini. Kalau nak tunggu peruntukan daripada Persekutuan ataupun tunggu lagi perkara-perkara yang lain supaya dapat diatasi saya rasa projek ini terus dilanjutkan lebih lama lagi.

Sekarang juga walaupun projek Persekutuan tidak dapat dilaksanakan mengikut apa yang kita rancangkan, usaha-usaha yang kita buat adalah kita cuba mengurangkan kesan banjir melalui kerja-kerja kecil untuk memperbaiki atau mempertingkatkan saliran cabang-cabang Sungai Pinang, di mana daripada tindakan JPS yang telah pun kita ambil, kerja-kerja kecil untuk memerangi masalah banjir dalam lembangan Sungai Pinang. Setakat 2008 hingga 2010 Kerajaan Negeri telah pun membelanjakan RM4 juta lebih, untuk kita memenangi masalah banjir yang akan diakibatkan oleh cabang-cabang sungai yang mengalir ke Sungai Pinang ini. Ini juga satu usaha yang kita nak cuba untuk mengurangkan kesan banjir di sekitar limbangan Sungai Pinang. Ini telah terbukti ada kesannya. Saya terima kasih kepada Datok Keramat dia kata sekarang banjir di situ kurang, tapi saya pun pelik juga Yang Berhormat kawasan puji, tapi Yang Berhormat bukan kawasan pula cakap kita tak buat kerja. Ini tak berapa bagus.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Minta laluan, Yang Berhormat EXCO berkenaan, hari saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang sudah memang di dalam tiga tahun ini saya sendiri di dalam beberapa jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Berhormat melihat bahawa langsung Yang Berhormat tidak lahir perkataan yang digunakan itu langsung tidak laeh, langsung tidak lembek. Itu saya nampak sendiri, untuk memperbetulkan rekod ya memang bekerja kuat dan impak dalam tiga tahun ini kita boleh nampak satu projek yang sudah ada, sudah wujud yang tidak dilaksanakan sehingga tarikh yang terakhir. Saya percaya fasa 2 is 1980 *I am not mistaken* sampai 2008 *more then ten years*.

Y.B. Dato' Speaker, we have managed now to solve the relocation of the squatter inform, saya dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat sehingga 40% dan itu adalah satu pencapaian yang perlu diberi satu ....(gangguan, tepuk meja) kerana kita buat, Kerajaan Barisan Nasional di Datok Keramat jalan Sungai Pinang every time there is rain, Bad News BN. Itu apa yang berlaku every time last two years except for last friday Perfect Record Pakatan Rakyat, no pancing, please saya minta Yang Berhormat jangan putus asa dengan perkataan-perkataan yang dikatakan dari oleh Y.B. Seberang Jaya. Kita bertekad lagi dengan kuat untuk teruskan dengan pelaksanaan projek ini, dalam pada itu saya pohon sekiranya berkenaan pelaksanaan RTB fasa 2 Sungai Pinang.

Kita seharusnya pertimbangkan supaya mungkin adakan satu time frame because if we do not have time frame this thing can drag on indefinitely, so we need to have a political will to ensure that this projects are implemented so that the thousands of people berdekatan dengan Sungai Pinang dan lebih puluh-puluh ribu indirectly effected apabila ada flood will no longer have this problem will be a problem of the Bad News government of the fast , thank you very much

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Datok Keramat kerana....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Minta penjelasan boleh.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Nanti-nanti biar saya habis dahulu, Datok Keramat oleh kerana kata-kata pujian ini, kita akan buat lagi di kawasan Datok Keramat, memang bukan sudah rancang, kerja-kerja yang telah dirancangkan, walaupun projek keseluruhan tidak dapat dilaksanakan sekarang kerja-kerja yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini, dengan tahun

yang akan datang, iaitu kita juga melalui kerja-kerja menaiktarafkan saluran cabang-cabang. Kita telah pun sediakan pelan di mana Sungai Jelutong, Sungai Dondang, Sungai Air Itam dan Sungai Air Putih semua ini adalah cabang-cabang daripada atasan *upper straight so*, ini akan juga kita laksanakan kerja-kerja naik taraf di sutilah supaya kita boleh sekali lagi kita kurangkan.

Walaupun kadang-kadang *when I listen to you* kita ada begitu tempoh masa panjang yang tidak dilandai banjir di situ kadang-kadang juga *that the words act of god* itu saya pun kena guna juga so, takut-takut ini kerana berbagai faktor yang kita tidak dapat kuasai, itu juga akan mengakibatkan banjir tetapi walau bagaimanapun kita rasa kalau adanya rancangan-rancangan menaiktarafkan di kawasan sekitar itu kita mesti boleh *minimize* kan tahap banjir di kawasan Sungai Pinang, di Sungai Perai. Kita sedia maklum bahawa kawasan itu sekarang menghadapi juga masalah penempatan penduduk-penduduk di sutilah tetapi status yang terkini.

Untuk makluman Seberang Jaya, JPS telah pun menghantarkan 15 salinan pelan kepada Pejabat Tanah dan juga untuk agensi-agensi yang terlibatlah juga supaya mereka boleh dapat maklum balas daripada projek yang kita hendak laksanakan kerja-kerja penempatan itu. Di samping itu juga, saya juga ingin mengambil kaedah yang di mana kita guna di Sungai Pinang kalaunya projek ini masih dilanjutkan, tanpanya satu jawapan yang jelas baik pada Persekutuan ataupun agensi-agensi yang lain, kita guna kaedah supaya cabang-cabang ataupun saliran-saliran di situ boleh dinaiktarafkan mengikut masa ke semasa. Saya rasa itu akan juga membantu mengurangkan banjir di sekitar Permatang Rawa, Kampong Pertama itu sedikit maklumat, saya ingin jawab kepada Sungai Pinang dan Sungai Perai, ya Sungai Pinang, Sungai Pinang tidak ada..... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Tadi Ahli daripada Bukit Tambun ada kata saya tidak membangkitkan perkara Sungai Pinang, *Actually* Sungai Pinang ini banyak panjang, tetapi tempat yang selalu banjir di Kawasan Datok Keramat saya punya kawasan di tepi sana sungai, banyak kurang banjir oleh itu saudara saya selalu bangkitkan banyak dan saya juga muh terima kasih kepada kerajaan dan juga JPS kerana selesaikan banyak masalah di kawasan saya, seperti saya dapat jawapan bertulis no. 25 yang terakhir ini, saya dapati RM4,932,931.20 kerajaan ada banyak peruntukan untuk selesai masalah yang tidak dapat diselesaikan pada 50 tahun dahulu, kerajaan dahulu langsung tidak pernah dan dengar ini. Kita kena puji dan terima kasih kepada Ahli Y.B. Bukit Tambun, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Y.B. Bukit Tambun, tolong beri laluan, berhubung dengan perkara ini, sepanjang penjelasan daripada Y.B. Bukit Tambun kita tidak dengar siapakah dia Menteri yang menjaga tebatan banjir dalam hal ini, apa yang saya rasakan juga, yang benda ini pada asalnya adalah projek daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi pasal apa mereka tidak buat kerja, BN tidak buat kerja menyebabkan projek-projek ini tertangguh sampai ke hari ini. Ini bukan sahaja kerja dia tidak jalan malahan menyusahkan rakyat kita di sana, ini adalah satu prestasi yang mana telah ditonjolkan oleh pihak BN sebelum ini, mereka masih lagi bangga dengan kata-kata bahawa BN adalah Bina Negaralah. Ini perkataan yang tidak patut, bolehkah mereka menggunakan perkataan-perkataan itu untuk menunjukkan daya dan usaha prestasi mereka.

Seperkara lagi saya hendak tanya kepada Y.B. Bukit Tambun siapakah Menteri KPI sekarang, kerana apakah kerja dia? Apakah usaha dia terhadap projek-projek tertangguh sehingga ini? Adakah dia sedang tidur dekat pejabat Perdana Menteri di Putrajaya sana, inikah kerja yang BN tonjolkan kepada rakyat Pulau Pinang? Adakah mereka rasa malu dengan prestasi dan pencapaian yang telah dibuat oleh mereka, saya

harap mereka jangan bangga.....(gangguan), nantilah saya tidak dengar cerita dia, Kerajaan Negeri kita membantu dengan mengeluarkan peruntukan sebanyak RM4 juta lebih untuk bantu projek ini. Semua ini adalah waris daripada Kerajaan BN, mereka masih lagi bangga, ini permainan sandiwara paling pandai ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pendek sahaja, jadi saya hendak berterima kasih kepada Datok Keramat, Jawi kerana mereka memahami bahawa oleh kerana Kerajaan Persekutuan telah beri begitu banyak hampir RM1 juta, hampir RM1 billion untuk Pulau Pinang atas RTB maka hari ini Datok Keramat kurang banjir, tempat-tempat lain kurang banjir *because BN bukan Bad News, Big Negation, one million you now give you.....(gangguan suara)*.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Kita hendak tengok kesannya....(gangguan), bukan apa itu RM1 billion, RM2 billion, itu semua tidak guna....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan sikit....(gangguan), selama ini dia tidur, dia tidak tahu perkembangan negeri ini, sekarang ini dia jadi wakil rakyat ini baru dia hendak ambil tahu, dahulu kawasan Jawi itu banjir, tetapi oleh kerana usaha daripada....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dengar dulu, dengar dulu, masa hendak cakap, cakap nanti. Ini jadi budak sekolah nanti.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Kawasan Sungai Muda selesai, Kawasan Perai jalan elok, Sungai Jawi selesai, banyak, Sungai Pinang masalah yang besar sudah selesai, sekarang tidak banjir kalau hujan sikit-sikit Datok Keramat, dia dah tak risau, boleh tidur lena, tidak banjir.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Tahun 2008 apabila bulan puasa untuk kali pertama saya hampir-hampir terpaksa berenang di Jalan P. Ramlee, saya dengan Ketua Menteri saya Y.A.B. Lim Guan Eng naik bot pergi ke Kebun Lama, mereka terkejut apabila Ketua Menteri datang dengan bungkusan-bungkusan nasi, mereka tidak boleh masak untuk berbuka puasa saya nampak dengan mata saya sendiri saya tanya ada seorang *country man* saya punya orang seorang Singh di situ dia jalan dalam air jalan 4.00 pagi, saya tanya kepada dia macam mana ini boleh berlaku dia kata apa tau kepada saya Y.B. Dato' Speaker, dia kata Jagdeep *don't worry la we we're used to it already. I said no way don't get used to such a thing it is shocking, I will do it, we will do something after that two years* tidak ada banjir

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Dahulu Kampong Sungai Pinang, Jalan P. Ramlee memang hujan sikit banjir oleh kerana usaha kita....(gangguan), dengarlah kita buat tetapi tidak habis, *you sambunglah, janganlah salahkan Kerajaan Pusat*

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Itunya yang saya katakan tadi Y.B. Telok Bahang kalau siap hendak angkat kredit semua Barisan Nasional, tetapi kalau tidak siap *you* kata pula Kerajaan Negeri tidak bolehlah, itu lain.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Y.B. Bukit Tambun tolong beri saya sikit laluan, saya hendak jelaskan yang Jawi punya banjir, saya rasa tidak puas hati dengan perkara ini, ini semua warisan daripada kawan kita lahir, dia dulu sebagai EXCO, apa yang dia buat dengan itu Sungai Pinang, kenapa dia hendak heret sampai Sungai Jawi punya hal pula. Ini satu perkara saya rasa tidak puas hati pasal mereka, Jawi banjir kerana apa, kerana mereka buat projek tidak fikir panjang, fikir hendak buat, buat, saya tidak tahu mereka buat projek, dia tidak fikir projek itu masa hadapan projek itu macam mana, kebaikan untuk rakyat macam

mana, dia buat tebatan terlalu rendah dan menyebabkan kawasan Kampung Sethu, selalu air tidak dapat mengalir dengan mudah dan masuk ke dalam Kampung Sethu itu, inilah sebabnya, dia lagi hendak tuduh kita tidak tahu, kita tidur pada hal siapa yang tidur ini berapa puluh tahun, projek tidak selesai hendak cakap kita tidur pula.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Okeylah, sudahlah itu menjadi masalahnya kalau saya diserang, *you all* serang balik, cuma saya hendak ingatkan di sini baik projek persekutuan, projek yang dipertanggungjawab oleh Kerajaan Negeri, prestasi itu penting. So, saya setuju kita kena rujuk pada menteri KPI di mana kalau ini prestasi kerja-kerja projek-projek persekutuan, *then*, Menteri KPI kena audit pula. Mengapa selama ini tak diselesaikan. *That one I agree*. Tapi Menteri KPI perlu juga faham bahawa beliau daripada Pulau Pinang, kalau Pulau Pinang pun tak jaga dengan baik, susah itu.

Kita kena pastikan yang Berhormat Dato' Speaker, cumanya saya peringatkan kepada semua bahawa selagi ia adalah projek Kerajaan Negeri, kita kena pastikan projek itu dilaksanakan dengan sempurna. Itu adalah harapan Kerajaan Negeri di mana pun kalau kerja-kerja dipertanggungjawabkan atau pun diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri, maka, projek-projek tersebut perlu diselesaikan dengan sebaik mungkin. Dengan itu juga, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan projek-projek Kerajaan Negeri yang dipengerusikan Y.B. Bagan Jermal. Itu adalah bertujuan untuk memastikan prestasi kerja itu dengan tempoh masa yang dirancangkan boleh diselesaikan dalam yang telah pun *schedule* kan.

Y.B. Telok Bahang saya ingin sampaikan sedikit maklumat penggunaan perbelanjaan caruman perparitan yang disebutkan. Kita memang belanja bukannya letak duit itu untuk dapat deposit, bukan. Antaranya, projek-projek yang telah kita laksanakan melalui perbelanjaan caruman perparitan adalah seperti berikut, panjang. Tapi saya ingin bercakap beberapa lebih besar. Misalnya Pekan Sungai Kecil, Nibong Tebal, itu Kawasan SPS, misalannya rumah pam di perkampungan Jawi. So, dia *support* saya. Rumah pam di Kawasan Ladang Victoria juga kita guna pakai caruman ini. Penyambungan sekali lagi, penyambungan parit di perkampungan Jawi, menaik taraf sistem saliran di persimpangan Machang Bubok, kita sampaikan salam kepada Machang Bubok kerana sakit sikit. Tapi kita juga meluluskan projek kepada di Kawasan Machang Bubok.

Satu lagi juga di Kawasan Machang Bubok iaitu menarik taraf parit di jalan kawasan perindustrian Alma dan lain-lainlah. Di Kawasan Padang Lalang yang selalu di landa banjir, kita telah pun memperuntukkan peruntukan yang besar di mana untuk kita atasi masalah banjir di kawasan khususnya di kawasan Lembangan Sungai Rambai di kawasan Taman Makok kita telah pun meluluskan RM3 juta lebih, di kawasan Desa Damai kita pun telah lulus tidak kurang daripada RM8 million juga. Kawasan-kawasan

yang lain juga kalau adanya keperluan, kita akan menggunakan dana yang kita ada untuk melaksanakan projek-projek untuk mengurangkan kesan-kesan banjir.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Yang Berhormat sedikit penjelasan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Memang saya mengucapkan terima kasih kepada *pump house* di kawasan Padang Lalang. Tetapi, memandangkan di 29hb. April 2011, hujan yang begitu lebat, betul hebat dalam 2 jam sudah banyak tempat kawasan saya tenggelam dalam banjir dan sampai Kawasan Bukit Mertajam pun tenggelam juga dan saya harap Yang Berhormat kalau boleh di Taman Cermi Fasa 1 dan sekitarnya Taman Seramai dan Taman Seri Jaya boleh mempercepatkan air pam, *pump house* di situ.

Saya difahamkan oleh MPSP mengatakan sebenarnya di Taman Seri, bukan, Taman Sungai Rambai dan Taman Seri Jaya. Projek-projek ada memang sudah ada pelan-pelan, tapi saya tak tahu mengapa sehingga hari ini masih dilewaskan dan saya dengan jasa baik mohon kalau boleh secepat mungkin untuk sekitar warga situ, untuk lari sekiranya berlaku daripada banjir kilat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Padang Lalang. Saya rasa soalan yang sama juga telah dibangkitkan Y.B. Bukit Tengah yang bersabit dengan masalah banjir di kawasan Y.B. Bukit Tengah. Itu adalah satu kawasan di bawah Lembangan Sungai Juru. So, saya ingin meyakinkan kedua-dua Yang Berhormat kawasan, JPS sedang mengkaji supaya kita boleh membina satu pam dekat Parit Empat, kawasan dan lokasinya di Auto City supaya kita boleh mengalirkan air yang begitu banyak daripada hulu terus kita boleh dipamkan keluar ke *outlet* yang berdekatan di situ. Itu adalah kita lihat daripada satu perspektif yang lebih komprehensif bukan setakat saja kita mengambil berat di bahagian *upper strain* di mana kita lihat kerja-kerja tanah yang juga akan mengakibatkan kawasan tadahan air kita dirosakkan.

Kita juga akan mengambil kira perspektif daripada muara atau pun bahagian *down strain* supaya air-air yang daripada kawasan yang agak rendah itu boleh disalurkan keluar dengan kadar yang lebih cepat, khususnya di kawasan sungai Rambai. Di mana kita lihat jarak daripada Kawasan Bukti Tengah dan Kawasan Sungai Rambai ke bahagian laut adalah terlalu panjang. Masalah itu kita sedia maklum dan kita faham. Itulah jadinya satu faktor kita sedang minta JPS untuk kaji membina satu rumah pam yang lebih, selain daripada pam di Tok Keramat kita bina lagi satu di lokasi Parit Empat. Supaya kita boleh mempercepatkan aliran air ke laut. So, itu kita akan laksanakan selepas kita dapat kertas cadangan daripada JPS.

Untuk kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Y.B. Padang Lalang kita akan bincang kedua-dua tempat itu supaya kita boleh juga dapat membuat satu kajian yang lebih bagus supaya kedua-dua tempat ini boleh melaksanakan projek-projek tambatan banjir. Cumanya satu sahaja yang saya mempertimbangkan adalah kerana sekarang ini di kawasan Y.B. Padang Lalang kita masih ada projek yang belum disempurnakan, misalannya di Kawasan Desa Damai dan Taman Makok. Sekurang-kurangnya sebuah unit pam dan beberapa pam yang kecil sedang kita laksanakan. Tapi belum siap lagi.

Saya memang setuju, kawasan lain perlu dijaga juga. Tetapi, memandangkan kawasan di Padang Lalang kita masih ada projek-projek yang kita sedang laksanakan. Saya cuba untuk masukkan lagi kalau keadaan itu begitu memerlukan, begitu *urgent* then kita akan pertimbangkan cadangan daripada Padang Lalang. Satu juga faktor saya mengambil kira mungkin di masa yang sama juga kawasan-kawasan lain juga memerlukan dana ini untuk membina projek-projek tebatan banjir. So, kita akan bincang isu ini dalam MMK tambatan banjir. Yang Berhormat pun juga adalah Ahli Mesyuarat

MMK tambatan banjir. Tapi yang pasti kita akan buat, kita akan buat rumah pam di bahagian lokasi Parit Empat untuk membantu mengurangkan kawasan banjir di Bukit Tengah dan juga Padang Lalang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Yang Berhormat sedikit tambahan sahaja. Terima kasih Dato' Speaker. Sebenarnya saya mohon jasa baik, sebab di Taman Sungai Rambai memang saya pergi tengok sampai hari itu pada 29hb. April sampai petang saya ada di situ. Air masih tinggi 2 kaki lebih dan saya rasa situ memang *urgent* perlu. Satu tambahan lagi saya cuma nak tanya sebab yang saya tahu saya faham USM di beberapa tahun dulu ada satu kajian di dekat Bandar PERDA katakan perlu ada kolam takungan. Saya tidak faham

mengapa ditangguhkan dan kolam takungan itu tidak dijalankan kerja-kerja itu. Sepatutnya kena ada di kolam-kolam takungan dekat Bandar PERDA untuk mereka membangunkan rumah-rumah situ dan MPSP bangunan pun ada di situ. Adakah faktor-faktor tertentu dan mereka biarkan ini kolam takungan ini tidak dibina. Kalau tidak saya percaya kalau kolam takungan ada di situ mungkin sedikit sebanyak ia dapat tolong takungkan air di situ. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choon Kiang):**

Y.B. Padang Lalang telah menyebut satu perkara yang selama ini kita terlepas pandang. Melalui maklumat saya daripada MPSP mengikut pelan pembangunan di kawasan Bandar PERDA memang telah pun disyaratkan satu kolam takungan yang besar untuk dibina dalam projek pembangunan Bandar PERDA itu. Di mana kita tahu bahawa bahagian Bandar PERDA adalah bahagian *upper stream*, apa nama, bahagian Sungai Rambai. Tetapi malangnya kita lihat pelan yang telah diluluskan oleh MPSP yang telah pun mensyaratkan bahawa satu kolam takungan itu perlu di bina sebelum projek itu dilaksanakan, tidak dilaksanakan. So, itu jadinya juga satu yang saya lihat bahawa pemaju Bandar PERDA itu perlu kita di angkat untuk *review* kan. Saya rasa sudah tiba masanya supaya kolam takungan ini perlu dipastikan dan perlu di minta kepada syarikat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/I Rajaji):**

Penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat, soalan saya, adakah bermaksud rancangan ini berlaku sebelum 2008? Dan kedua jika telah pun diwajibkan oleh pihak PBT bahawa terdapat perlunya ada satu kolam takungan, mengapa tidak pihak pemaju Bandar PERDA itu diwajibkan mematuhi syarat itu? Mengapakah sehingga sekarang tidak ada sebarang tindakan di ambil dan siapakah bertanggungjawab di MPSP ketika itu dan siapakah Pengarah Pemaju ketika itu? Adakah ini melibatkan unsur-unsur salah guna kuasa oleh pihak-pihak tertentu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Kalau ikut pelan yang saya dapat memang dalam reka bentuk pun telah pun disediakan. Saya rasa maklumat yang di bagi itu pun secara sah daripada MPSP. Cuma kita mintalah MPSP mungkin Y.B. EXCO Kerajaan Tempatan boleh juga menjawab soalan ini. Dari segi JPS, kolam itu memang diperlukan. Saya rasa dengan lokasi dan reka bentuk yang saya lihat melalui pelan itu, saya rasa, saya yakin juga, ia dapat meringankan beban air yang disalurkan ke bahagian Sungai Rambai. Itu adalah bahagian *upper stream* yang kita boleh buat. So, saya juga bersepakat dengan Seri Delima. Perkara ini perlu kita *follow-up* dengan lebih rapi supaya kolam takungan dapat dibina dan telah pun di bangkit dalam Dewan ini dan saya rasa perlulah MPSP untuk melaksanakan. Syaratnya telah pun diletakkan dalam pelan pembangunan itu. Saya tak mahu lagi bahawa kerja-kerja projek-projek rumah pam begitu banyak kita buat di

pertengahan kawasan tadahan air itu tetapi di bahagian *upper stream* langsung tidak ada apa-apa yang kita bina dan itu tidak akan membantu banyak.

Walau pun ia akan mengurangkan kesan banjir tetapi untuk kita selesai dengan satu cara yang lebih komprehensif, itu adalah perlu. Saya minta bahawa MPSP boleh mengangkat perkara ini dan terus kolam takungan ini diminta dan pihak pemaju perlu laksanakan kolam takungan ini. Selagi yang saya tahu, adalah kebetulan juga lokasinya juga adalah di tepi bangunan MPSP. So, itu jadinya lagi satu perkara yang kita tidak dapat melarikan diri. Walau pun, kerajaan kita sekarang kerajaan Pakatan Rakyat, lagi kita tidak boleh larikan daripada kita memantau projek ini dan mengapa tidak dilaksanakan. So, ini untuk jawapan Padang Lalang. Di bahagian hilir kita akan buat

pam itu. Di bahagian tengah sudah ada projek-projek yang sedang dilaksanakan. Apa yang Y.B. minta itu *extra* kita akan kajikan di bahagian *upper stream* kolam takungan ini kita perlu minta MPSP tunai pemaju tunaikan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Belum jawab lagi siapa pemaju itu? Seri Delima masih tertunggu-tunggu jawapan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya kira kalau Penaga ada Penaga boleh jawab. Tapi Penaga tidak ada di sini dan saya minta walau bukan portfolio Yang Berhormat saya berterima kasih. Kita pastikan bahawa ini berlaku dan masalahnya kita selalu dengar bahawa kita tahu kerajaan kita tak buat itu dan tak buat ini dan sebagainya dan masalah kita tahu ini adalah masalahnya salah satu punca disebabkan oleh Kerajaan Barisan Nasional mungkin mereka merestui kroni-kroni dari PERDA atau Pemaju PERDA tidak mematuhi prinsip-prinsip dan pra-syarat PBT perkara ini haruslah disiasat dan kalau perlu ini disiasat maka tindakan perlulah diambil.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Law Choo Kiang):**

Saya tidak ada jawapan. Bukan, nanti kita minta Yang Berhormat mungkin KT supaya kita boleh dapat jawapan yang lebih dan soalan itu kita boleh bangkit Padang Lalang nanti kita tengok EXCO KT supaya ada maklumat yang lebih *detail* lah.

Saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Aceh dan banyak projek-projek pembangunan luar Bandar yang telah pun disebutkan, tapi dia cuma nak tanya berapa panjang jalan yang dibuat di kawasan Sungai Aceh dan berapa banyak rumah yang telah dibaikpulih oleh Kerajaan Negeri dan supaya boleh bukit Kerajaan buat kerja.

Dari maklumat yang saya dapat bahawa sepanjang lebih kurang 517 meter jalan kampung yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah melalui permohonan-permohonan yang tertentu dan di bawah peruntukan khas Kerajaan Negeri. Untuk bilangan membaiki rumah di kawasan Sungai Aceh kita dapat bahawa adanya 8 rumah yang telah kita bantu dan mereka yang perlu rumah-rumah yang uzur dan untuk tahun ini juga bahagian Seberang Perai Selatan setakat bulan Mac kita telah meluluskan 7 rumah di kawasan Seberang Perai Selatan untuk diperbaiki.

Yang berhormat Batu Uban, telah membangkitkan banjir di Midland Height yang kita telah pun turun padang untuk melihat secara langsung dan kita dapat lihat secara langsung semua jalan 2 lorong yang selalu banjir akibat keadaan fizikal di situ dan kebetulan juga di dapati kenal pasti bahawa terowong daripada kampus USM telah pun

di salur masuk ke taman yang disebutkan dan mengakibatkan air terlalu banyak disalurkan di satu fizikal rendah di mana-mana kedua-dua lorong itu berada rendah. Maka setiap kali hujan kedua-dua lorong itu akan dilanda banjir. Selepas lawatan kita ke lokasi tersebut kita telah pun mengadakan satu mesyuarat bersama pihak USM dan MPPP dan wakil penduduk di kawasan situ. Dan kita nak mulakan *mekanisme* untuk kita mencari satu jalan untuk mengurangkan kesan banjir di situ di mana kita tahu sudah lama mereka di situ dihantui banjirlah. Itu untuk Batu Uban....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveetharan a/l V. Subramaniam):**

Sedikit penjelasan Yang Berhormat, terima kasih, sebenarnya Jalan 1 itu Jalan 7 atau jalan selalu mengalami banjir kilat. Saya kena berterima kasih kepada JKR yang membantu dan melebarkan sistem perparitan, tetapi hanya 15% sahaja air yang telah dapat disalirkan ke kawasan lain, tapi punca asasnya tertanam di bawah dan terowong yang telah Yang Berhormat datang dan kita telah melawat kawasan itu bersama penduduk di sana dan hampir 40 tahun terowong di sana dan mengikut *topography* kawasan itu, kawasan itu merupakan gigi sungai pada satu masa dahulu, tetapi sekarang tempat duduk dan kebanyakannya penduduk di sana 90% adalah penduduk orang-orang India yg telah mengalami masalah ini dan masalah itu telah *inherit* dari zaman Barisan Nasional sehingga sekarang.

Saya harap Kerajaan Pakatan Rakyat dapat selesaikan masalah itu. Dan lagi satu saya cadangkan Yang Berhormat supaya jika USM tak mahu kerjasama, saya mintalah satu *alienation of land* sempadan itu boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri dan kita ambil alih tanah itu supaya kita boleh membina dan dapat berbuat sesuatu yang baik untuk rakyat di sana.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Batu Uban segala ini kita akan pertimbangkan segala adakah masih ada kaedah-kaedah selain daripada kita perlu *acquire the piece of land*, mungkin kita akan adakan satu mesyuarat selepas habis sidang Dewan ini, kita akan pastikan apakah langkah yang paling sesuai dan yang paling *flexible* untuk melaksanakan projek di situ. Dan satu lagi adalah saya ingin juga menjawab Yang Berhormat ADUN Bertam yang memohon agar Kerajaan Negeri untuk menambah peruntukan untuk pembaikan rumah Rakyat Termiskin dan jumlah rumah yang ada tidak mencukupi.

Untuk maklumat Yang Berhormat peruntukan untuk membina rumah adalah anggaran sehingga RM33,000 seunit dan manakala untuk membaiki rumah adalah sebanyak RM11,000 itu adalah harga yang *selling* dia. Namun ini adalah sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan setiap pemilik kita rasa juga berusaha untuk baiki rumah mereka. Setakat ini kita rasa kadar bantuan ini adalah kadar kes yang kita telah laksanakan kerajaan membina baru dan membaiki bumbung kita rasa peruntukan RM33,000 rumah sebiji rumah memadai so mungkin kita juga buat masa sekarang tidak lagi berhasrat untuk mempertinggikan harga *selling* ini.

Akhirnya untuk Kawasan Jawi, Yang Berhormat Jawi telah menyatakan bahawa bagi kerja-kerja mengatasi tanah hakisan di tanah Sungai Kelian terdapat peruntukan RM5 juta telah disediakan dan mengapa projek masih belum dimulakan? Dan Jawi memang jangan bimbang Ini KADUN jiran. Sebagai makluman sidang sekalian perunding yang dilantik dalam fasa terakhir, mereka bentuk proses kerja dan struktur yang akan dibenarkan. Satu lagi sesi kepada pihak perunding kepada pihak JPS telah pun di *schedule* pada Mei 9hb dan kita minta JPS boleh laksanakan *schedule* yang ditetapkan.

Saya perlu meyakinkan Jawi bahawa peruntukan itu akan disediakan dan seterusnya kita akan melaksanakan projek kawalan hakisan, tetapi juga ingin

menambah nilai kerja-kerja ini supaya boleh dijadikan tempat rekreasi ataupun tempat yang boleh memberi satu tapak kepada mereka yang suka memancing di situ. Itu adalah antara elemen-elemen yang kita nak masukkan projek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Jawi dan Jawi jangan bimbang ada lagi so Yang Berhormat Dato' Speaker. Maka dengan ucapan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Sepatutnya Yang Berhormat saya terlupa satu aduan daripada Kampung Pengkalan itu adakah ada cari jalan untuk mengatasi masalah satu *complaint* dari tuan tanah Kampung Pengkalan dekat sempadan Kampung Bukit Tambun saya dapat kiranya ambil kira dan ambil jalan selesaikan masalah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Yang Berhormat Bukit Tambun, *out stream* di Sungai Jejawi memang merisaukan, sebab pembangunan berleluasa di sana, adakah pihak JPS mempunyai rancangan untuk membina kolam takungan di bahagian *out stream* di Sungai Jejawi di sana. Dan semoga pihak JPS dan Daerah ataupun JPS Negeri ambil berat kerana saya amat risau dia punya limpahan air bukit yang boleh kata sentiasa terlalu banyak sekali. Saya harap Yang Berhormat EXCO dapat memberikan tindakan yang wajar dalam perkara ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menjawab dua-dua soalan ini. Untuk soalan daripada Padang Lalang, tuan punya tanah di Kampung Pengkalan yang kalau tak silap dimaksudkan oleh Yang Berhormat Padang Lalang. Tuan punya tanah itu mempunyai satu bidang tanah yang diusahakan sebagai ladang kelapa sawit, di mana lokasinya begitu dekat dengan tebing sungai dan kebetulan juga keadaan geografi itu agak rendah di kawasan tanah beliau.

So berapakah kali kita dapat aduan daripada tuan punya tanah itu dan telah pun JPS membuat, melaksanakan kerja-kerja menaiktarafkan bahagian yang terlibat dengan kawasan banjir oleh tuan punya tanah. Tapi masih lagi kita dapati bila hujan lebat kawasan tuan punya tanah ini pasti akan banjir, so kita telah minta JPS untuk kaji, selain daripada kawasan lokasi banjir itu, kita juga mengambil kira sepanjang Sungai Jejawi itu. Sungai Jejawi itu di mana juga dimaksudkan oleh Yang Berhormat Jawi mungkin melalui pendalamatan sungai ataupun pembersihan sungai-sungai di sekitar itu termasuk parit boleh kita kurangkan. Saya rasa pintu air yang disebutkan oleh tuan punya tanah itu boleh kita akan minta JPS supaya kajikan, adakah keberkesanan masih ada kalau pintu air di lokasi itu didapati tidak lagi berkesan, mungkin kita akan cari jalan yang lain untuk tuan punya tanah ini. Walaupun dia seorang sahaja tapi kita kesian hasil kelapa sawit akan jatuh akibat oleh air-air daripada sungailah. Saya akan *follow-up* kes inilah.

Untuk Jawi di bahagian hulu *up stream* Sungai Jawi adalah kita dapati bahawa air daripada bukit-bukit di sempadan Kedah dengan Pulau Pinang menjadi satu punca akibatnya air-air daripada tadahan kawasan itu tidak dapat disimpan tetapi terus mengalir ke sungai-sungai yang di kawasan itu. Kita juga bimbang bahawa walaupun di sempadan Negeri Pulau Pinang kita mengawal kerja-kerja tanah yang begitu, saya rasa begitu baik tetapi di kawasan sempadan Negeri Kedah. Selepas lawatan kita ke lokasi tersebut kita rasa mungkin Kerajaan Negeri Kedah boleh mempertingkatkan lagi pengawalan kerja-kerja tanah di sempadan di Negeri kedah dan telah pun UPEN sedang merancang satu mesyuarat yang melibatkan kedua-dua Kerajaan Negeri ini supaya kita ingin cari satu jalan yang lebih baik untuk kerja-kerja tanah di sempadan kedua-dua negeri ini.

Kalau tidak ada saya pun bimbang bahawa dengan begitu luas kerja-kerja tanah di situ, bertapa baiknya kawalan banjir kita di pertengahan kawasan tadahan air di sekitar Kampong Jawi tidak akan dapat keberkesanannya. Jadi saya juga berharap bahawa selepas UPEN adakan mesyuarat sempadan Negeri Kedah dengan Pulau Pinang perkara ini boleh diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri Kedah. Itu kita akan memantau dari masa ke semasa, maka dengan ucapan di atas, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya penggulungan dari Ahli Kawasan Batu Lancang.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, saya mengambil bahagian untuk penggulungan ini menerusi usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berdasarkan sifat "Cekap, Akauntabiliti dan Tulus," Negeri Pulau Pinang telah mencapai kejayaan dan kemakmuran secara keseluruhan. Inisiatif-inisiatif pencapaian menerusi pengurusan cekap Kerajaan Negeri ini juga dapat dilihat khasnya menerusi sektor pelancongan yang mengalami pembangunan secara positif dengan pengiktirafan UNESCO terhadap Negeri Pulau Pinang sebagai bandar warisan sedunia. Pelancongan Negeri Pulau Pinang banyak menerima manfaat menerusi pengiktirafan tersebut. Selain daripada bangunan-bangunan yang bersejarah yang sedia ada pengiktirafan tersebut juga dianugerahkan kepada Negeri Pulau Pinang berdasarkan unsur-unsur kebudayaan yang terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa.

Negeri Pulau Pinang menerima banyak kunjungan dan lawatan rasmi dari dalam dan luar negara khasnya dari China, dan lain-lain. Selain itu banyak kumpulan penggambaran bagi rancangan televisyen dan dokumentari telah menjalankan kerja-kerja penggambaran di Negeri Pulau Pinang, di antara kumpulan-kumpulan tersebut adalah lawatan Xiamen Televesion Group pada bulan Ogos tahun lepas. Penggambaran filem *Better Of The Wold* oleh krew penggambaran dari Beijing pada Ogos hingga September pada tahun lepas, Filem bertajuk *Love and Died in Jawa* dari syarikat perfileman Jerman pada bulan September tahun lepas. Penggambaran rancangan *World Travel Movie* oleh CCTV dari Cina pada Oktober tahun lepas. Sempena sambutan Tahun Baru Cina pada awal tahun ini, stesen televisyen CS TV dari Guandong, China juga datang ke Negeri Pulau Pinang untuk membuat liputan tentang istiadat dan juga suasana perayaan Tahun Baru Cina di tempatan. Pada bulan lepas syarikat Media tempatan, Astro juga datang berkunjung ke Pulau Pinang untuk menjalankan produksi penggambaran tentang aktiviti perahu naga di empangan Telok Bahang.

Selain daripada itu kumpulan media masa dan pengusaha dari luar negara juga turut berkunjung ke Negeri Pulau Pinang. Kumpulan-kumpulan ini telah membuat liputan dalam bentuk media masa dan sekali gus mengenal pasti Negeri Pulau Pinang sebagai produk pelancongan utama untuk dipasarkan kepada pasaran pelancongan luar negara. Menerusi inisiatif-inisiatif ini ianya bukan sahaja dapat menyebarkan tentang kebudayaan Negeri Pulau Pinang yang istimewa, malah dengan secara tidak langsung meningkatkan lagi jumlah kunjungan pelancong khasnya dari negara asing ke negeri kita.

Dalam usaha-usaha mempromosikan pelancongan Negeri Pulau Pinang Kerajaan Negeri telah menyertai pelbagai Ekspo dan pameran pelancongan di dalam dan di luar negeri. Selain daripada promosi melalui bahan-bahan cetakkan browser pelancongan tarian kebudayaan tradisional juga dipersembahkan di pameran-pameran luar negara oleh Kumpulan Seri Mutiara, Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang,

antaranya yang menyertainya adalah di Xiamen, di Negara China pada 7hb. hingga 10hb. September, 2010 yang kedua Guandong International Travel Expo di Guanzau, China pada 24hb. hingga 29hb. September 2010 dan juga China Culture Indonesia Expo pada 14hb. hingga 18hb. Oktober, 2010. Macau Foot Festival 2010 yang dianjurkan oleh United Accessions Of Foot Ambaris Mechanic Of Macau pada 4hb hingga 21hb. November, 2010.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penari Kumpulan Seri Mutiara dengan tarian kebudayaan tradisional yang telah menarik perhatian pengunjung ke pameran-pameran disebutkan tadi, malahan penari-penari kita juga dijemput untuk naik ke pentas utama pameran-pameran tersebut untuk persebahan. Melalui pendedahan dan promosi dengan kumpulan penari kita, perhatian serta penarikan yang

kuat dihasilkan unsur-unsur kebudayaan kita yang berfungsi sebagai penarikan pelancongan, khasnya pelancong-pelancong dari luar negara. Selain daripada itu pameran-pameran pelancongan yang bertaraf antarabangsa itu disertai oleh Kerajaan Negeri misalnya World Travel Mart di Landon United Kingdom pada bulan November 2010, Asian Tourism Forum di Kemboja pada Januari tahun ini. Promosi penjualan di India pada akhir Februari tahun ini, ITB Bulling pada bulan Mac tahun ini.

Ahli Y.B. Kawasan Pulau Tikus ada membangkitkan mengenai Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang dan mengenai persediaan Kerajaan Negeri dalam menerima pertambahan jumlah pelancong di masa hadapan terutama untuk tempat penginapan dan kemudahan pengangkutan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak dua ratus ribu bagi menjalankan kajian mengenai profil pelancongan Pulau Pinang. Cadangan Ahli Yang Berhormat Pulau Tikus ini diambil maklum dan akan diteliti dengan sewajarnya oleh MMK Pelancongan sebelum satu kajian mengenainya dilakukan. Pelancongan Negeri Pulau Pinang bukan sekadar sahaja berprestasi baik melalui produk-produk pelancongan seperti kebudayaan dan warisan, tetapi mendapat sambutan baik dalam sektor kesihatan iaitu *medical tourism*. Mengikut statistik jumlah pendapatan pelancongan kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah 60% dari keseluruhan pendapatan pelancongan kesihatan Malaysia. Jumlah pendapatan ini meningkat dari jumlah RM162 juta pada tahun 2009 hingga RM227 juta pada tahun 2010. Peningkatan sejumlah 40% dalam pendapatan pelancongan kesihatan ini telah meletakkan Negeri Pulau Pinang pada tangga pertama secara keseluruhan di sektor pelancongan kesihatan Malaysia.

Berikutan dengan kemasukan pelancong tempatan dan asing yang kian meningkat, Negeri Pulau Pinang bukan sahaja menerima manfaat daripada sektor pelancong malah sektor-sektor lain yang berkenaan seperti sektor perkhidmatan kesihatan juga menerima manfaat yang nyata. Bidang pelancongan merupakan satu penjana yang kuat khasnya dari segi ekonomi terhadap pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Penang Goble Tourism dengan kerjasama Penang Hap Ascension dan *private hospital* Malaysia.....(dengan izin) telah menjalankan beberapa usaha bagi mempromosikan produk pelancongan perubatan ke beberapa buah negara di antaranya menganjurkan *road show*, mengujudkan rangkaian *networking* di negara-negara yang disasarkan oleh pihak persatuan hospital, menjalankan promosi dan pemasaran *product* pelancongan perubatan yang ditawarkan oleh hospital-hospital yang di bawah persatuan berkenaan. Bertindak sebagai penghubung antara agensi kerajaan dan agensi pelancongan tempatan mahu pun luar negara dengan pihak persatuan atau hospital.

Penang Goble Tourism juga telah merancang dan akan menyertai dua *road show* dan satu sesi rangkaian industri *net working* yang akan diadakan di Surabaya dan Jarkarta, Indonesia pada bulan Mei dan juga November tahun ini. Selain daripada itu Penang Global Tourism menyertai *road show* bersama pihak hospital dianjurkan oleh Northern Corridor Economic Region dengan kerjasama syarikat perunding terkenal iaitu

Syarikat Di Loud Malaysia. Pada masa yang sama juga jalinan erat dengan syarikat penerbangan tempatan seperti Air Asia, Fire Fly dan Malaysia Air Line System yang mempunyai penerbangan terus, *direct flight* ....(dengan izin) ke negara-negara luar yang disasarkan oleh persatuan hospital berkenaan dan diteruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, berkenaan dengan penerbangan, Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada satu ketika terdapat penerbangan terus Air Asia daripada Penang ke Chennai, di mana kita dapat bahawa banyak orang-orang yang ingin ke Chennai daripada Pulau Pinang, Perlis, Perak, Ipoh bukan sahaja daripada orang India tetapi, Cina, Melayu, semuanya yang ingin pergi ke sana bertujuan

pelancongan menggunakan kemudahan tersebut dan tiba-tiba kita lihat bahawa penerbang ini telah ditamatkan dan dibatalkan. Adakah Kerajaan Negeri mengambil apa-apa langkah-langkah untuk menghidupkan semula ataupun terus meminta Air Asia untuk terus memberikan perkhidmatan tersebut terus daripada Pulau Pinang ke Chennai kerana ia mempunyai dua kesan, satu membawa pelancong ke Pulau Pinang, sewaktu mereka menunggu penerbangan dan pada masa yang sama membawa pelancong daripada Chennai terus ke Pulau Pinang bagi tujuan pelancongan? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Memang kita amat kesal apabila Air Asia telah memberhentikan kapal terbang terus ke Chennai dari Pulau Pinang, kita telah menulis surat kepada Air Asia dan jawapan yang diberikan adalah mereka kata merugikan dalam perjalanan ini walau pun selepas surat kita, mereka mengurangkan dari setiap hari ke tiga hari dalam seminggu, tetapi malangnya selepas itu juga masih kurang, jadi mereka memberhentikan *direct flight* ke Chennai dan bukan sahaja itu, kita juga kesal dari Macau ke Pulau Pinang juga mereka memberhentikan sejak awal tahun ini, tetapi ada berita baiknya mereka mempunyai penerbangan terus yang baru iaitu dari Pulau Pinang ke Surabaya dan ini memang amat menguntungkan kerana dari awal tahun ini, dan akhir tahun lepas sehingga sekarang memang ramai pelancong khasnya penumpang ke Pulau Pinang adalah mengenai perubatan ke Pulau Pinang, mereka potong situ, bagi sini memang ada.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat saya cuma ingin bertanya, sama ada kita ada mengambil apa-apa langkah proaktif umpamanya satu *delegacy*, itu cadangan sayalah. *Delegacy* daripada Jabatan Yang Berhormat atau Ketua Menteri terus menerus kita berjuma dengan CEO Air Asia meminta supaya perkara ini diberi pertimbangan. Masalah yang mereka hadapi di antara *competition* ....(dengan izin) Air Asia dan Malaysia Airlines bukanlah masalah kita, tetapi bolehkah kita menggunakan kedudukan kita sebagai Kerajaan Negeri, kedudukan Yang Berhormat sebagai seorang EXCO Pelancongan untuk menggesa Air Asia untuk terus menerus mempertimbangkan, kalau boleh memulakan semula perkhidmatan tersebut. Itu persoalan saya dan adakah apa-apa langkah diambil sehingga sekarang?

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Memang kita tahu India mempunyai pelancong-pelancong ke Malaysia dan Singapore selalunya kapal terbang ke Kuala Lumpur dengan Singapura memang penuh penumpangnya, so tetapi ke Pulau Pinang memang mungkin penerbangan ini ada baru, so kurang penumpang. Walau bagaimanapun selepas penempatan ini kapal terbang dari Pulau Pinang ke Chennai ini bukan saja *Penang Tourism* menulis surat sahaja, Ketua Menteri sendiri juga menelefon kepada CEO Air Asia, Dato Sri Tony Fernandez.

Ketua Menteri sendiri juga menelefonnya, malangnya juga mereka dapat meneruskan penerbangan ini. Walau bagaimanapun dalam tahun lepas mengekor persatuan hotel mengunjungi ke Chennai memang kita agak kekurangan promosi di sana dan kita akan teruskan walaupun kita tidak ada penerbangan terus dari Chennai, memang ini *market*, memang ini amat besar dan mereka sekarang juga ada datang ke Pulau Pinang melalui MAS Kuala Lumpur dan datang Ke Pulau Pinang. Mereka pergi juga ke Bangkok kemudian datang ke Pulau Pinang memang sekarang pun ada tetapi lebih ambil masa sedikit. Kita cuba dalam tahun ini dan tahun akan datang kita cuba untuk membuat banyak lagi promosi di India supaya Air Asia atau kapal terbang yang lain boleh teruskan kapal terbang *direct flight* dari Pulau Pinang ke India.

Ahli-ahli yang lain pada tahun yang lalu, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah mencatat rekod penambahan penumpang tertinggi di kalangan Lapangan Terbang Antarabangsa Malaysia. Catatan ini dapat dilihat melalui statistik Malaysian Airport Holding Berhad di mana peningkatan sejumlah 25% iaitu sejumlah 3.3 juta orang penumpang pada tahun 2009 telah meningkat ke 4.1 juta orang penumpang pada tahun 2010, merupakan satu prestasi yang amat bagus buat Negeri Pulau Pinang khasnya sektor pelancongannya.

Rekod dan Malaysia Airport Berhad telah menunjukkan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang walaupun bukan Lapangan Terbang Antarabangsa yang terbesar atau pun yang canggih di Malaysia tetapi mampu mencatat keputusan yang baik dari segi peningkatan jumlah penumpangnya hasil dan jumlah peningkatan ini, jumlah pelancongan yang berkunjung ke Negeri Pulau Pinang kian naik mendadak dan ini menunjukkan keputusan baik yang ketara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usahanya untuk mempromosikan pelancongan Negeri Pulau Pinang. Y.B. Dato' Speaker.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Tolong bagi sedikit penjelasan tentang Lapangan Terbang, Y.B. Dato' Speaker macam ini kita semua tahu Lapangan Terbang sekarang dalam buat kerja-kerja tambahan dan ketika masa 10hb saya balik daripada Sarawak, saya tiba di kapal terbang sini saya nampak satu kelemahan sebab kerja-kerja tambahan sedang duk bina dan tak ada satu tempat ruang yang dapat kanopi untuk kita punya penumpang tak kira nak terlepas atau ketibaan mereka turunkan *passenger* dekat lorong yang berkanopi, sementara itu dan ini sudah menjelaskan lalu lintas sana dan ini *jam* teruk saya menyeru Kerajaan Negeri ambil perhatian kalau boleh bincang dan cari jalan supaya keadaan ini tidak berulang lagi. Ketika masa hujan sahaja beratur punya panjang dan sesiapa nak pergi ke kapal terbang ataupun nak balik, semua mereka naik turun *passenger* tak kira bas, teksi ataupun kereta sendiri semua kat situ. Bila saya keluar saya tengok dia punya *queue* sampai bulatan sudah keluar, masa *queue* lagi saya amat risau mungkin ini akan jadi siapa yang nak pergi lepas, nak keluar naik kapal terbang terlepas, haraplah Kerajaan Negeri ambil perhatian ini terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya minta maaf Yang Berhormat, tadi saya minta maaf, saya mungkin silap dengar adakah alasan bahawa penerbangan itu tidak diteruskan Air Asia? berbalik ke topik itu, kerana tak ke cukupi penumpang tapi daripada pengalaman saya menggunakan penerbangan itu selalunya *full house*, memang penuh kerana penerbangan daripada Pulau Pinang ke Chennai tidak pernah ada kekurangan *passenger* jadi saya persoalkan, mungkinkah itu alas an, tapi saya menerima jawapan yang diberikan Yang Berhormat, tapi cuma daripada pengalaman sendiri saya dalam pengalaman menggunakan penerbangan itu 3 kali daripada Pulau Pinang ke Chennai, tidak ada pernah ada kekosongan dalam penerbangan tersebut, itu cuma penjelasan

sahaja, saya cuma khuatir kita tak mahu ada alasan lain, walaupun saya tidak mahu mempolitikkan isu ini, kita pernah dengar di mana pernah ada rancangan untuk mengadakan konsert dan sebagainya konsert itu dibatalkan pada saat-saat terakhir, jadi mungkinkah ada sebab-sebab lain kerana penjelasan yang diberikan Yang Berhormat walaupun saya terima tidak begitu munasabah kerana pengalaman saya sendiri, tidak ada kes di mana tidak ada penumpang di dalam penerbangan tersebut, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Memang ini adalah *black and white* dengan jawapan yang telah diberikan oleh Air Asia di mana mereka yang pertama mengalami kekurangan penumpang, yang kedua mengalami dalam 8 bulan mengalami kerugian yang besar, saya tidak mahu mengumumkan kerugian itu lah, tetapi mungkinlah akan kalau sesiapa mahu tahu saya boleh beritahu, tetapi ini akan mencemarkan nama tidak baik untuk kapal terbang itu, memang 8 bulan ini mereka merugikan amat kerugian yang besar, ini adalah jawapan mereka lah.

Tentang kesesakan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kapal terbang Lapangan Terbang Pulau Pinang, ini memang dalam 2 minggu saya dan EXCO Bagan Jermal juga ada bermesyuarat dengan mereka untuk mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan itu, dan seperti itu bumbung yang tidak sepatutnya di bina jauh daripada bangunan ini, memang mereka sedang mengatasi masalah ini. Minggu lalu pun saya pergi melawat tempat Lapangan Terbang Pulau Pinang memang banyak masalah ini tetapi ada alasannya kekurangan peruntukan dan arkiteknya telah dirancang begitu dan walau bagaimanapun kita telah mereka mengubahsuaikan tempat itu supaya kesesakan tidak akan di hadapi lagi dan juga satu bumbung-bumbung di ubah suai di sini supaya apabila hujan penumpang dapat di kawal lah itu memang mereka buatlah.

Y.B. Dato' Speaker ada satu *page* lagi, pelaburan tempatan dan asing dalam sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang juga kian meningkat dengan prestasi jumlah pelancongan Pulau Pinang yang positif kumpulan *Capital Land* dari Singapore salah satu pemaju yang terbesar di Rantau Asia Tenggara telah memberi saham Queensbay Mall yang bernilai RM600 juta, iaitu pusat membeli belah yang terpanjang sekali di Malaysia. Selain daripada itu bangunan-bangunan lama di Negeri Pulau Pinang juga mendapat perhatian di kalangan pelabur tempatan dan asing antaranya terdapat pelabur yang berasal dari Switzerland telah membeli 6 buah lot kedai di Jalan Masjid Kapitan Keling dan akan membaharui untuk dijadikan sebagai Hotel Citarasa Istimewa iaitu *boutique hotel* ... (dengan izin). Bazar Penang dan juga Hotel Royal di Jalan Burmah juga telah menerima pelaburan asing dari Singapore.

Berikutan daripada peningkatan prestasi pelancongan Negeri Pulau Pinang hasil pelaburan ini dapat membolehkan peniagaan-peniagaan tersebut dan seterusnya menyumbang kepada keseluruhan pembangunan sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang. Sepanjang Lebuh Muntri juga perkhidmatan penginapan seperti *local budget hotel*, *meal exclusive hotel*, *Logan Heritage* juga menjalankan operasi perniagaan mereka untuk memenuhi permintaan para pelancong khasnya daripada luar negara, Hotel Penaga yang dimiliki oleh arkitek antarabangsa Hijaz Kasturi dari Kuala Lumpur juga telah menjalankan perniagaan sejak Disember 2010 dan telah melabur sekurang-kurangnya RM20 juta dalam pelaburannya. Dan mendapat sambutan yang baik, dan Hotel Citarasa Istimewa tersebut yang mempunyai perkhidmatan restoran dan penginapan salah satu perniagaan perhotelan yang didirikan melalui pembaharuan bangunan lama. Dengan itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, 2 perkara saya dulu, saya habiskan dulu minta laluan, saya dulu, perkara pertama yang saya nak bangkitkan sebelum Yang Berhormat habiskan. Sejak

kebelakangan ini kita melihat ada 2, 3 insiden yang memberikan saya rasa kalau saya gunakan *negative publicity* bagi pelancong Pulau Pinang pertama melibatkan insiden seorang pelancong daripada China yang telah dilanggar oleh *water skuter*, kedua, kejadian seorang pelancong daripada Middle East yang telah jatuh daripada semasa menunggang kuda. Now, kedua-dua perkara ini telah disebarluaskan luar luas, bukan sahaja oleh akhbar tempatan tetapi juga dalam internet, dan ini memberi tanggapan yang tidak begitu baik. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan untuk memanggil pengusaha-pengusaha perniagaan ini untuk berbincang untuk mencari penyelesaian kerana jika perkara ini berleluasa berterusan saya fikir ia akan memberi kesan, impak negatif kepada pelancong Pulau Pinang ... (dengan izin), terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Masalah ini memang telah lama yang di berlaku di pantai Batu Feringhi dan sejak 15 tahun dahulu dan memang masalah yang ahli Yang Berhormat Seri Delima membangkit ini adalah berkenan insiden yang dilakukan pada akhir tahun lepas dan awal tahun ini dan masalah-masalah ini boleh dikata diselesaikan oleh Ahli EXCO Kerajaan Tempatan mengenai operator-operator dari kuda, *Waterbike*, saya rasa saya boleh minta EXCO Kerajaan Tempatan untuk memberikan perkara ini lebih jelas lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Satu lagi perkara saya minta Yang Berhormat beri perhatian adalah aduan di mana pembayaran untuk menaiki Kereta api ke Bukit Bendera di mana warga tempatan di kenakan bayaran sebanyak RM8.00 manakala warga negara asing dikenakan bayaran RM30.00. Jadi mengapakah perkara ini berlaku dan ini juga memberi tanggapan negatif tentang persepsi pelancongan Pulau Pinang mengapakah kadar yang begitu tinggi dikenakan dan apakah perbezaan dan kalau kita ke luar negara umpamanya, ke mana-mana, ke England, London dan sebagainya pembayaran untuk menaiki bas dan sebagainya semua biasa. Bagi orang Inggeris, orang Malaysia, orang India, semuanya biasa, mengapakah di Pulau Pinang perkara ini berlaku, soalan saya adakah ia di bawah kawalan EXCO Yang Berhormat ataupun di bawah Kerajaan Persekutuan. Itu persoalan saya, bolehkah diberi penjelasan? Dan adakah kita mempunyai kawalan ke atas perkara itu? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Perkara ini memang adalah kawalan Kerajaan Negeri iaitu di bawah Penang Hill Corporation yang diketuai oleh Dato' Lee dan perkara ini tiket untuk ini memang bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang di mana-mana luar negara kita pun boleh dapati bahawa tiket untuk orang asing ada macam itu, tiket untuk tempatan adalah rebat untuk ada rebat, sekiranya kita mengeluarkan Mykad kita keluarkan rebat bukan adalah dua harga yang lain, so mungkin dalam publisiti kita hendak dua tetapi untuk orang tempatan adalah rebat, untuk orang asing memang harganya lebih tinggi sikit so ini adalah diputuskan oleh Kerajaan Negeri mungkin kalau ada banyak bantahan mungkin kita boleh kaji semula, buat sementara ini tidak, kita tidak menerima terlalu banyak bantahan lagi lah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Mungkin Yang Berhormat belum, belum mendengar perkara, perkara ini telah dibincangkan sejak seminggu selepas perkhidmatan kereta api itu telah dimulakan, tapi saya ingin membetulkan persepsi Yang Berhormat di luar negara umpamanya kalau kita pergi, saya tidak pernah mengalami pembayaran ini, pembayaran yang berbeza bagi orang tempatan dan orang luar negara ianya adalah *basically is the same* ianya sama,

umpamanya kalau kita naiki *The London Bus Tour*. *The London Bus Tour* umpamanya adakah mereka mengatakan bayaran orang Inggeris bayaran lain, orang Asia bayaran lain, tidak ada tidak pernah dikenakan.

Jadi ini dari pengalaman saya, tapi bagi kereta api Pulau Pinang mengapa? Cuma saya khuatir, saya khuatir, saya tak mahu sebagai seorang ADUN Pakatan Rakyat saya tidak mahu perkara ini dipolitikkan. Dia dah mula dipolitikkan dan ini mungkin memberi kesan kepada pelancong-pelancong luar negara dan jangan lupa pelancong luar negara menyumbang kebanyakannya pendapatan kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang ada di atas bukit, di Bukit Bendera.

Jadi saya mintak kalau boleh, orang-orang di Pulau Pinang tidak banyak pergi ke sana, saya di Pulau Pinang pergi ke Bukit Bendera sekali dua saja sampai sekarang tapi orang daripada luar negara banyak tertarik dengan bangunan-bangunan kolonial yang ada di situ, kesejukan pada waktu malam dan sebagainya. So, ini adalah perkara yang kita wajar memberi pertimbangan kerana kalau dilihat sekarang jadi buah mulut pemandu-pemandu teksi... *oh, you go to Penang Hill ah? Wah, local is about RM8.00 but if because of foreigner is RM30.00, now why this is happening, ...*(dengan izin),. Jadi saya mintak, saya menggesa kerajaan supaya memberi pertimbangan kalau boleh kita membincangkan perkara ini sekali lagi dan memberi perhatian. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Terima kasih Y.B. Seri Delima, mungkin kita akan kaji semula....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Soalan tambahan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Kita maklumkan pandangan dari Seri Delima lah.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Soalan tambahan. Terima Kasih Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berjaya menarik ramai pelancong datang ke Negeri Pulau Pinang pada setiap tahun. Boleh kata setiap tahun kita punya negeri mempunyai pelancong yang bertambah-tambah. Soalan saya, apa yang saya nampak bukan, ke arah projek-projek pembangunan pelancongan pada tahun 2011 ini kebanyakannya projek adalah projek yang sedia ada dan boleh katakan di bandar sahaja, kawasan saya macam ekopelancongan mempunyai potensi yang bagus untuk pembangunan. Kenapa kerajaan kita tidak mengambil inisiatif untuk membangunkan ekopelancongan di sebelah selatan. Di kawasan saya mempunyai satu kawasan yang agak menarik dan mungkin boleh menambahkan lagi pengunjung untuk bersinggah di Pulau Pinang kita. Jadi adakah Y.B. EXCO mempunyai cadangan untuk membangunkan muara Sungai Kerian yang mana dia punya waktu senja pun cukup menarik dan cukup aman permai. Adakah benda ini kita boleh biarkan begitu sahaja, sedangkan kita pelancongan adalah merupakan sumber pendapatan utama atau pun selepas industri. Jadi saya harap benda ini di pertimbangkan, walaupun saya percaya memang sini Y.B. EXCO pelancongan dia tak mempunyai perancangan di sini, saya memang harap benda ini dipertimbangkan demi untuk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tarik balik, tarik balik, tarik balik.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tak apa la, mana ada tak betul apa, kita minta saja la, saya ingat benda ni dia memang baik punya orang, dia bukan serupa ini kawan cakap saja, mempertimbangkan pembangunan ekopelancongan di sebelah Selatan supaya untuk mempelbagaikan cita rasa pelancongan di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih. Itu saja.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Okey, sikit saja.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Cukup, cukup la...kita tak ada masa ni, memang, memang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Sikit saja.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Saya jawab jugalah, memang kita selalu sentiasa mempromosikan ekopelancongan di Nibong Tebal khasnya di kawasan Jawi, seperti *firefly* pun kita ada letak di dalam risalah-risalah kita, di dalam website kita, dan kita telah menubuhkan satu tapak makanan laut di Batu Kawan. Itu Kerajaan Negeri telah menggunakan lebih RM13 juta untuk mempromosikan makanan laut di Batu Kawan ini pun salah satu produk pelancongan, tunggulah sikit masa.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ya, penjelasan, sebut Batu Kawan saya mesti bersedih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Kita hanya ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Timbalan, tak apalah, bagi, bagi saya dulu.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tak apalah bagi dia peluang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Saya tertarik dengan apa yang dicakapkan oleh Y.B. Seri Delima, *you talking some sense now*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*I'm always been talking sense. I'm always been talking sense.*

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

*I tertarik dengan tambang, tambang,you should not raise, jangan, jangan tambahkan tambang sampai ke RM30.00, sepatutnya samalah, sama dengan ni, sebab tak ada kos kepada Kerajaan Negeri. Semuanya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat, jadi kita tak ada kos, cuma kos *maintenance* dan mungkin pentadbiran sahaja, jadi tak patut kita naikkan sampai RM30.00, dia akan samalah dengan local.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Telok Bahang, terima kasih.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ya, penjelasan ya Tuan Speaker, ini sebut Batu Kawan di tepi pengkalan sebelum kita ambil bot ke Pulau Aman ini, di situ lah letak itu pusat-pusat Batu Besar.... (gangguan), bolehkah ini Y.B. daripada Batu Lancang bagi siapa yang akan menguruskan pusat itu pusat makanan, siapa menguruskan, bila dia akan beroperasi sebab tiap-tiap kali saya pergi tempat itu, saya nampak memang ada bangunan yang dibina dan sebagainya penuh dengan kereta, kadang kala tak ada *parking space*, jadi mungkin apabila pusat ini dibuka untuk orang ramai mungkin kita rasa mungkin ramai mungkin banyak akan kunjungi tempat itu, boleh dapat sikit penjelasan?

**Y.B. Dato' Speaker:**

EXCO, tanya EXCO.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Ini pusat makanan laut dan galeri kraf ini adalah open tender, tempohnya akhir bulan ini, so sesiapa, sesiapa pun boleh tender lah, ... (dengan izin). Jadi kita tidak tahu lagi siapa yang akan beroperasi untuk tempat itu. Jadi pandangan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kita akan pertimbangkan dan dengan itu saya memohon untuk menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker :**

Seterusnya sidang dewan ditangguhkan, sidang akan disambung pula pada hari Isnin, 9hb. Mei 2011.

**Dewan ditangguhkan pada jam 6.55 petang.**